



LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA

LAPORAN
PRESTASI
PELABURAN
MALAYSIA
2015

MEMACU
PERTUMBUHAN
MAMPAN

RASIONAL KULIT BUKU MIDA

Minimalis. Ia merangkumi pelbagai disiplin. Jauh dari norma tanpa mengganggu objektif utama iaitu meletakkan kepentingan kandungan itu sendiri lebih daripada kesemua unsur lain.

'SEDIKIT TETAPI LEBIH DARI CUKUP'

Konsep ini dicapai dengan penggunaan unsur-unsur yang perlu sahaja untuk keseluruhan reka bentuk. Penggunaan unsur-unsur yang minimal untuk memberi kesan yang maksimum kepada setiap bahagian reka bentuk adalah matlamat utama.

Ringkas, tipografi mudah dan penggunaan warna yang santai menjadikan kulit buku ini sangat menarik dari segi estetik tetapi minimum.



PRESTASI PELABURAN MALAYSIA 2015

ISI KANDUNGAN

1

“MEMACU PERTUMBUHAN MAMPAN DALAM SENARIO MENCABAR”

TINJAUAN MIDA 6 - 9

“BERSEDIA MELAKSANAKAN PERTUMBUHAN MAMPAN”

PRESTASI FDI GLOBAL 12-15

2

“SEKTOR PERKILANGAN: MEMPERKASA PERTUMBUHAN”

PELABURAN DALAM SEKTOR UTAMA 18-21

IMPAK PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI) KE ATAS EKONOMI MALAYSIA 22-23

PRODUK ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (E&E) 24-56

KOMPONEN ELEKTRONIK

ELEKTRONIK PENGGUNA

ELEKTRONIK PERINDUSTRIAN

PRODUK ELEKTRIK

KELENGKAPAN PENGANGKUTAN

AUTOMOTIF

AEROANGKASA

PEMBINAAN DAN BAIK PULIH KAPAL

INDUSTRI JENTERA DAN KELENGKAPAN (M&E)

INDUSTRI SOKONGAN KEJURUTERAAN

PRODUK LOGAM ASAS

PRODUK LOGAM FABRIKASI

TEKSTIL DAN PRODUK TEKSTIL

PRODUK MINERAL BUKAN LOGAM

PERANTI PERUBATAN

FARMASEUTIKAL

INDUSTRI BIOTEKNOLOGI

PERTANIAN DAN PEMROSESAN MAKANAN

PRODUK MINYAK SAWIT

MINYAK SAWIT DAN MINYAK ISIRONG SAWIT

BIOMAS SAWIT

PRODUK OLEOKIMIA

KIMIA DAN PRODUK KIMIA

PRODUK PETROLEUM TERMASUK PETROKIMIA

PRODUK PLASTIK

PRODUK GETAH

KAYU/PRODUK KAYU DAN PERABOT

KERTAS, PERCETAKAN DAN PENERBITAN

SEKTOR PRIMER: MELENGKAPI PERTUMBUHAN 57

PERTANIAN

PERLOMBONGAN

PERLADANGAN DAN KOMODITI

“SEKTOR PERKHIDMATAN: MENGEKALKAN KETEGUHAN MOMENTUM”

PELABURAN DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN 60

HAB OPERASI GLOBAL (GOH) 62-77

IBU PEJABAT OPERASI (OHQ)

PUSAT PEROLEHAN ANTARABANGSA (IPC)

PUSAT PENGEDARAN SERANTAU (RDC)

HAB PRINSIPAL

PUSAT PENGURUSAN PERBENDAHARAAN (TMC)

PEJABAT SERANTAU/PERWAKILAN (RO/RE)

PERKHIDMATAN SOKONGAN

PERKHIDMATAN LOGISTIK BERSEPADU (ILS)

PERKHIDMATAN LOGISTIK BERSEPADU ANTARABANGSA (IILS)

TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI

KECEKAPAN/PEMULIHARAAN TENAGA

PERKHIDMATAN PERNIAGAAN DAN PROFESIONAL

PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN (R&D)



PERKHIDMATAN LAIN-LAIN
 MINYAK DAN GAS
 HOTEL DAN PELANCONGAN
 PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
 PERKHIDMATAN KESIHATAN
 SYARIKAT BERSTATUS MSC
 HARTANAH (PERUMAHAN)
 PENGANGKUTAN
 UTILITI
 TELEKOMUNIKASI
 PERKHIDMATAN KEWANGAN
 PERDAGANGAN PENGEDARAN

3

“MENGUKUHKAN ASAS, MEMBENTUK MASA HADAPAN”

KOLABORASI BAGI MENARIK PELABURAN BERKUALITI 80
81-97

CREST
 MDEC
 HDC
 BIOTEHCORP
 TALENTCORP
 ECER
 NORTHERN CORRIDOR
 IRDA
 SEDIA
 SCORE
 INVESTKL

KUALITI BURUH DAN KETIDAKPADANAN PENAWARAN
 DAN PERMINTAAN KERJA 98-99

4

“PEMANGKIN PERTUMBUHAN MAMPAN”

MEMACU PERTUMBUHAN PELABURAN DENGAN
 RANCANGAN MALAYSIA KE-11 (RMK-11) 102-109

5

“MEMACU KEUPAYAAN BAGI PERTUMBUHAN JANGKA PANJANG”

PROSPEK PELABURAN 112-117
 LAMPIRAN 118-128

“*MEMACU
PERTUMBUHAN
MAMPAN
DALAM SENARIO
MENCABAR*”





MIDA

TINJAUAN MIDA

Pertumbuhan global sederhana

Tahun 2015 menyaksikan kadar pertumbuhan global sederhana yang menurun kepada 2.4 peratus berbanding 2.6 peratus pada tahun 2014. Prestasi yang suram ini adalah kesan daripada kemelesetan berterusan dalam ekonomi baharu muncul dan membangun dalam senario pasca krisis harga komoditi yang rendah, kekangan aliran modal dan perdagangan global yang lembap.

Penggabungan dan Pengambilalihan (M&A)

Dalam landskap ekonomi global yang mencabar ini, aliran masuk Pelaburan Langsung Asing (FDI) global pada tahun 2015 telah mencatatkan peningkatan sebanyak 36 peratus hingga mencapai kira-kira USD1.7 trilion yang merupakan peningkatan tertinggi sejak tahun 2007. Walau bagaimanapun, sebahagian besar pertumbuhan tersebut adalah disumbangkan oleh aktiviti penggabungan dan pengambilalihan (M&A) rentas sempadan dan hanya bahagian kecil sahaja yang disumbangkan oleh projek pelaburan baharu dalam aset yang produktif. Selain itu, sebahagian daripada aliran FDI melibatkan penstrukturan semula korporat yang melibatkan jumlah besar imbalan pembayaran dalam akaun kewangan, sementara pergerakan dalam sumber sebenar adalah minimum.

Sedang negara maju menguasai lebih daripada separuh aliran masuk FDI global, di peringkat serantau pula Asia kekal sebagai penerima terbesar aliran masuk FDI dengan peningkatan sebanyak 15 peratus yang mencatatkan rekod bernilai USD548 bilion.

Negara terbesar penerima FDI di rantau Asia adalah *Hongkong Special Administrative Region of the*

People's Republic of China (HKSAR). Dengan aliran masuk FDI berjumlah kira-kira USD163 bilion, HKSAR juga merupakan penerima FDI yang kedua terbesar di dunia selepas Amerika Syarikat. Di kalangan *Association of Southeast Asia Nations (ASEAN)*, aliran masuk FDI ke Singapura merosot sebanyak 4 peratus kepada kira-kira USD65 bilion yang turut menyumbang kepada penurunan prestasi sebanyak 7 peratus bagi ASEAN secara keseluruhannya.

Malaysia mengukuhkan kedudukan

Cabaran-cabaran dalam persekitaran ekonomi global telah mempengaruhi kebanyakan negara termasuk Malaysia. Melangkah ke hadapan, Malaysia perlu melangkaui pertumbuhan ekonomi dengan membina kekuatan teras negara serta menjamin peluang-peluang yang berfaedah kepada seluruh rakyat Malaysia. Sejarah telah membuktikan bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang berdaya tahan. Setiap krisis global yang dihadapi menjadikan negara lebih kukuh, di mana Kerajaan memberi fokus sepenuhnya kepada potensi pembangunan negara dalam membina daya ketahanan dengan mengukuhkan institusi serta mempelbagaikan dan mengurangkan kebergantungan ke atas komoditi.


Di sebalik keadaan semasa ini, Malaysia tetap mengekalkan kedudukan sebagai destinasi pelaburan pilihan dengan memanfaatkan strategi penggalakan pelaburan yang kukuh bagi memastikan kemakmuran yang berterusan. Malaysia terus berada di kedudukan yang baik berdasarkan pengiktirafan oleh beberapa organisasi antarabangsa.

Malaysia diiktiraf sebagai salah satu daripada penerima utama FDI bagi tempoh 2014-2016 menerusi

kajian *World Investment Prospects* oleh *United Nations Conference on Trade and Development's (UNCTAD)*. Menurut laporan *Global Competitiveness Report 2015/2016* yang dikeluarkan oleh *World Economic Forum (WEF)*, Malaysia telah mengukuhkan kedudukan di kalangan 20 negara teratas yang berdaya saing di dunia dengan lonjakan dua anak tangga di kedudukan ke-18 daripada 140 buah negara. Malaysia kekal pada kedudukan tertinggi di kalangan negara membangun di Asia yang membuktikan kejayaan Malaysia dalam meningkatkan kecekapan dan daya saing menerusi pelaksanaan Program Transformasi Negara (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Laporan *WEF* turut mengiktiraf Malaysia sebagai salah satu daripada 20 negara yang sedang beralih dari negara berpacuan kecekapan kepada negara berteraskan inovasi. Dengan peningkatan prestasi daya saing ini, Malaysia akan terus mendahului negara-negara lain seperti Belgium, Luxemborg, Australia, Perancis, Austria, Ireland, Arab Saudi dan Republik Korea. Berdasarkan *Baseline Profitability Index (BPI)* oleh majalah *Foreign Policy*, kedudukan daya tarikan pelaburan Malaysia telah meningkat dari tempat ke-11 pada tahun 2014 kepada tempat ke-6 pada tahun 2015, di kalangan 100 buah negara.

Sementara itu, *World Bank's Ease of Doing Business Report* pula melaporkan Malaysia berada di kedudukan yang ke-18 bagi iklim mesra perniagaan pada tahun 2016. Walaupun merosot dari kedudukan ke-17 berbanding tahun sebelumnya, Malaysia masih mendahului Netherlands, Jepun, dan Thailand. Di antara usaha penambahbaikan Malaysia untuk memudahkan urusan perniagaan adalah pelaksanaan sistem elektronik bagi pemfailan bayaran cukai secara mandatori

RM36.1 bilion**19.3%** Pelaburan
Langsung
Asing**RM150.6 bilion****80.7%** Pelaburan
Langsung
Tempatan

dan mengurangkan kadar cukai hartanah. Kedudukan-kedudukan yang positif ini membuktikan bahawa pelaksanaan strategi-strategi penggalakkan pelaburan negara terus membuahkan hasil.

Peringkat terakhir menuju 2020

Dengan matlamat untuk mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020, beberapa inisiatif khusus di peringkat terakhir telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menjadi negara berpendapatan tinggi. Di bawah ETP, Malaysia menasaskan lonjakan Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita sebanyak USD15,000 menjelang tahun 2020. Ini akan dicapai menerusi tarikan pelaburan sebanyak USD444 bilion yang akan menjana sebanyak 3.3 juta peluang pekerjaan, di mana kebanyakannya adalah pekerjaan berpendapatan tinggi.

Pada tahun 2014, PNK per kapita Malaysia telah meningkat kepada RM34,123 daripada RM30,809 yang dirangsang oleh pelaburan sektor swasta bernilai RM146 bilion. Sebanyak 1.8 juta peluang pekerjaan baharu telah diwujudkan dalam tempoh empat tahun sejak pelancaran ETP. Seiring dengan program-program lain seperti Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) yang bermula pada tahun 2016, Malaysia telah mengorak langkah ke hadapan bagi merealisasikan hasrat negara.

RMK-11 telah menggariskan enam teras strategik dan pemacu perubahan untuk meletakkan negara pada trajektori pertumbuhan ekonomi yang pesat. Pembentukan strategi pembangunan sosio-ekonomi akan kekal kritikal bagi meningkatkan daya tahan terhadap perubahan persekitaran dan gangguan semulajadi.

Fokus pada pelaburan berkualiti

Malaysia kini bersedia untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dengan menasaskan pelaburan bernilai ditambah dan berteknologi tinggi. Kini keutamaan bukan sahaja pada bilangan pelabur atau nilai pelaburan semata-mata tetapi untuk menggalakkan pelaburan yang memenuhi aspirasi negara dan menawarkan pekerjaan berkualiti yang berpendapatan tinggi kepada rakyat Malaysia. Di bawah agenda pelaburan semasa, Malaysia menetapkan keutamaan terhadap pelaburan berkualiti dalam ekosistem sasaran yang menyumbang kesan pelaksanaan ketara ke atas syarikat tempatan secara menyeluruh.

Bagi mengukuhkan pertumbuhan ekonomi jangka panjang, MIDA berterusan mengguna dan meningkatkan pendekatan ekosistem bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan. Ekosistem yang kukuh dan komprehensif ini mewujudkan peluang pekerjaan dan menambahbaik persekitaran

inovasi serta memudahcara keperluan perniagaan.

Pada tahun 2015, negara telah menarik sebanyak RM186.7 bilion, di mana kebanyakannya terdiri daripada pelaburan swasta berkualiti tinggi yang membuktikan daya tahan ekonomi Malaysia di tengah-tengah cabaran luar, penurunan permintaan dan harga terhadap hidrokarbon serta komoditi lain serta nilai Ringgit yang lemah. Pelaburan swasta direalisasikan yang diukur melalui Pembentukan Modal Tetap Kasar (*Gross Fixed Capital Formation, GFCF*) adalah berjumlah RM198,747 juta.

Di sebalik cabaran ekonomi yang mencabar di penghujung tempoh RMKe-10, prestasi pelaburan Malaysia telah melepasi sasaran purata pelaburan tahunan sebanyak RM148 bilion yang ditetapkan di bawah RMKe-10. Ini ternyata membuktikan bahawa Malaysia berterusan menjadi sebuah destinasi pelaburan yang menarik.



Malaysia telah menarik
RM186.7 bilion
pelaburan swasta berkualiti tinggi



RM108.2 bilion

pelaburan dalam **4,150** projek yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan

Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, sejumlah RM150.6 bilion atau 80.7 peratus telah disumbangkan oleh pelaburan langsung tempatan (DDI), manakala dianggarkan RM36.1 bilion atau 19.3 peratus adalah dari FDI. Sepanjang tahun 2015, pelaburan dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) di bawah ETP juga menunjukkan jumlah memberangsangkan dengan nilai pelaburan sebanyak RM113.8 bilion atau 60.9 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan. Selain itu, terdapat juga pelaburan ketara yang diluluskan bagi projek bukan NKEA yang berjumlah RM72.9 bilion.

Sektor-sektor utama mengekalkan kekukuhan

Sektor perkhidmatan Malaysia kekal sebagai penyumbang terbesar pelaburan. Pada tahun 2015, sektor ini telah menarik sebanyak 4,150 projek dengan pelaburan yang diluluskan berjumlah RM108.2 bilion atau 57.9 peratus daripada jumlah pelaburan keseluruhan. Daripada jumlah ini, DDI bernilai RM95.8 bilion, manakala FDI adalah sebanyak RM12.4 bilion.

Sektor perkilangan juga memainkan peranan penting pada tahun 2015 yang berjaya menarik pelaburan bernilai RM74.7 bilion atau 40 peratus daripada jumlah pelaburan keseluruhan. Daripada jumlah ini, RM21.9 bilion atau 29.3 peratus adalah dari sumber asing manakala baki sebanyak RM52.8 bilion atau 70.7 peratus adalah dari sumber tempatan. Pelabur-pelabur asing terus menunjukkan minat terhadap projek berkualiti dalam bidang pertumbuhan baharu dan teknologi baharu muncul.

Di sebalik kelembapan ekonomi global, Malaysia terus berjaya menarik pelaburan baharu dalam sektor perkilangan. Pada tahun 2015, sebanyak 384 pelaburan projek

baharu telah diluluskan berjumlah RM60.2 bilion atau 80.6 peratus dari jumlah pelaburan keseluruhan sektor perkilangan. Daripada jumlah ini, sebanyak RM11.6 bilion atau 19.3 peratus adalah dari sumber asing, manakala RM48.6 bilion atau 80.7 peratus adalah dari sumber pelaburan tempatan.

Negara-negara maju terus menjadi komponen penting dalam landskap pelaburan di Malaysia sepanjang tahun 2015. Sumber pelaburan asing dalam sektor perkilangan pada tahun 2015 diterajui oleh Amerika Syarikat, Jepun, HKSAR, China dan Singapura. Amerika Syarikat merupakan pelabur asing terbesar dalam sektor perkilangan dengan pelaburan sebanyak RM4.2 bilion dalam 19 projek, diikuti oleh Jepun RM4.0 bilion (60 projek), HKSAR RM3.2 bilion (9 projek), China RM1.9 bilion (17 projek) dan Singapura RM1.4 bilion (87 projek). Jumlah pelaburan oleh lima negara ini adalah 66.6 peratus dari jumlah pelaburan asing yang diluluskan pada tahun 2015.

Sektor primer telah menyumbang sebanyak RM3.8 bilion dari pelaburan yang diluluskan pada tahun 2015. Pelaburan asing berjumlah RM1.8 bilion atau 47.4 peratus, manakala pelaburan tempatan pula adalah sebanyak RM2 bilion atau 52.6 peratus.

Persiapan ke arah integrasi ekonomi

Secara kolektif, rantau Asia Tenggara merupakan ekonomi ketujuh terbesar di dunia dengan populasi lebih 633 juta penduduk yang mewakili pasaran ketiga terbesar di dunia, selepas China dan India. Penubuhan *ASEAN Economic Community* (AEC) akan membuka lebih banyak peluang pasaran bernilai lebih USD2.5 trilion. Selain itu, komuniti ASEAN yang berdaya saing dan berdaya tahan tinggi dengan ekonomi yang kukuh dan

bersepadu, ditambah dengan populasi yang cukup besar, serta gabungan KDNK dan perkongsian aspirasi, akan mewujudkan satu rantau ekonomi yang mampu bersaing dengan kuasa-kuasa besar ekonomi dunia. Penubuhan AEC secara rasmi pada tahun 2015 merupakan satu proses dinamik yang berterusan untuk kekal relevan dalam ekonomi global yang sentiasa berubah.

Untuk tujuan ini, negara-negara anggota ASEAN telah menerima pakai AEC Blueprint 2025 sebagai garis panduan kepada integrasi ekonomi ASEAN dari tahun 2016 hingga 2025. Di bawah pelan tindakan ini, AEC dijangka akan lebih mantap menjelang tahun 2025 dengan ciri-ciri berikut:

- Ekonomi yang kukuh dan bersepadu;
- ASEAN yang berdaya saing, inovatif, dan dinamik;
- Meningkatkan hubungan dan kerjasama sektoral;
- ASEAN yang berdaya tahan, inklusif, berorientasikan dan berteraskan rakyat; dan
- ASEAN yang global.

Dalam usaha untuk meningkatkan integrasi ekonomi serantau, strategi yang jelas adalah penting untuk mencapai sebarang matlamat yang belum tercapai dalam agenda pasca 2015.



RM74.7 bilion

pelaburan dalam **680** projek yang diluluskan dalam sektor perkilangan

Bersedia untuk memikat pelabur

Sehingga kini, syarikat multinasional akan terus digalakkan untuk menyertai Malaysia yang bakal menjadi satu kuasa ekonomi yang mantap menjelang pelaksanaan AEC yang telah semakin hampir direalisasikan. Sebagai salah sebuah negara yang termaju dan memiliki rangkaian terbaik di rantau ini, Malaysia berada di kedudukan strategik untuk menjadi pusat operasi serantau atau global bagi syarikat multinasional dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Di antara faktor yang menjulang Malaysia sebagai destinasi pilihan adalah dasar pro-perniagaan oleh Kerajaan, keseimbangan kos dan faedah, infrastruktur pengangkutan, komunikasi, perkhidmatan kewangan serta bekalan bakat bertaraf dunia yang hanya melibatkan kos lebih kecil berbanding hab-hab negara jiran. Dari segi infrastruktur, Malaysia berada di kedudukan ke-24 daripada 144 negara dalam WEF Global Competitiveness Ranking 2015/2016.

Beberapa insentif lain juga telah diperkenalkan untuk menarik pelabur-pelabur ke ASEAN dan Malaysia. Di peringkat serantau, *ASEAN Comprehensive Investment Agreement (ACIA)* dijangka akan melancarkan transformasi ASEAN sebagai hab pelaburan yang mampu bersaing secara berkesan dengan negara-negara baharu membangun dalam menarik pelaburan FDI dan intra-ASEAN. Insentif Hab Prinsipal di Malaysia yang baru diumumkan semasa Bajet 2015 dan telah berkuatkuasa bermula Mei 2015 adalah bagi mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pusat operasi global bagi syarikat-syarikat multinasional. Insentif Hab Prinsipal akan memanfaatkan kerjasama ekonomi ASEAN di bawah *ASEAN Trade in Goods Agreement (ATIGA)* dan *ASEAN Framework Agreement* untuk sektor perkhidmatan.

Aktiviti pelaburan yang berfokus bagi merancakkan pertumbuhan

Melangkah ke hadapan, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) akan terus memainkan peranan penting dalam memacu penggalakkan pelaburan dan memastikan lonjakan signifikan dalam aktiviti pelaburan di Malaysia. Bagi mengukuhkan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, MIDA akan membangunkan ekosistem yang berkaitan dan memastikan pendekatan yang objektif dalam semua tindakan. Sasarannya adalah untuk memanfaatkan sumber-sumber baharu yang mempunyai kelebihan daya saing dan memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan modal insan setiap pelabur yang berpotensi.

MIDA akan terus menggalakkan projek pelaburan berkualiti yang mempunyai ciri-ciri berikut: berorientasikan teknologi tinggi; bernilai ditambah tinggi; berintensifkan pengetahuan; berasaskan kemahiran; dan berorientasikan eksport. Pada masa yang sama, MIDA turut menekankan ciri-ciri projek yang berintensifkan modal, rekabentuk dan R&D. Projek-projek ini juga hendaklah menyumbang kepada kesan PNK yang tinggi dan rantaian kukuh dengan industri tempatan.

MIDA juga akan meneruskan pelbagai strategi pelaburan baharu termasuk menjadikan

Malaysia sebagai hab berteknologi tinggi bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan di samping mentransformasikan landskap pelaburan tempatan.

Berhubung integrasi serantau, Malaysia akan terus berkolaborasi dengan negara-negara ASEAN bagi memanfaatkan kajian-kajian kebolehlaksanaan pelaburan serta langkah-langkah spesifik untuk menggalakkan akses kepada industri yang berpotensi. Inisiatif-inisiatif ini adalah bertujuan untuk meningkatkan peluang pelaburan dan perdagangan dengan negara-negara ASEAN yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan serantau.

Integrasi ASEAN akan mempengaruhi pola pelaburan, perancangan, rangkaian dan operasi MNC di rantau ini. Menyedari perkara ini, MIDA akan memanfaatkan platform ASEAN untuk meningkatkan pelaburan intra-ASEAN. Dalam usaha MIDA mewujudkan ekosistem perindustrian dan perkhidmatan yang kukuh di ASEAN, MIDA juga akan bekerjasama dengan Agensi-Agensi Penggalakan Pelaburan (IPA) ASEAN untuk menjalankan aktiviti penggalakan bersama.

Selaras dengan usaha komuniti AEC untuk melonjakkan rantau ini, di mana Malaysia berada di barisan hadapan, para pelabur boleh menjangkakan pulangan yang menarik dan berganda!



MIDA akan terus menerajui penggalakan pelaburan, di samping mengukuhkan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

“*BERSEDIA
MELAKSANAKAN
PERTUMBUHAN
MAMPAN*”



PRESTASI FDI GLOBAL

Pada tahun 2015, Malaysia terus melancarkan beberapa inisiatif berfokus yang membantu untuk mengekalkan kedudukan negara sebagai destinasi pelaburan pilihan yang menarik di kalangan pelabur. Usaha-usaha ini akan terus dilaksanakan bagi membolehkan pertumbuhan negara yang lebih gah dan mampan dalam ketidaktentuan ekonomi global.

Kedudukan Malaysia berbanding landskap pelaburan global

Pada Januari 2016, *Global Investment Trends Monitor* oleh *United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD)* menunjukkan peningkatan aliran FDI global sebanyak 36 peratus hingga mencapai kira-kira USD1.7 trilion pada tahun 2015 yang merupakan paras tertinggi sejak tahun 2007. Trend penggabungan dan pengambilalihan (M&A) bagi pelaburan rentas sempadan menunjukkan peningkatan nilai yang signifikan dan merupakan penyumbang terbesar kepada peningkatan FDI. Sebaliknya, projek pelaburan baharu cuma mencatatkan peningkatan kecil dari segi nilai berbanding tahun 2014 berikutan kebangkitan negara-negara maju yang mendorong penarikbalikan perbelanjaan modal syarikat perusahaan multinasional (MNEs) di negara-negara membangun.

Peningkatan kemasukan FDI di negara-negara membangun telah mengubah landskap FDI mengikut kumpulan ekonomi negara masing-masing. Sementara negara-negara maju mencatatkan lebih daripada separuh kemasukan FDI global, di peringkat serantau pula negara-negara membangun di Asia kekal sebagai penerima utama FDI, mengatasi Kesatuan Eropah (EU) dan Amerika Utara. Pada tahun 2015, lebih daripada 10 negara utama penerima pelaburan adalah terdiri daripada negara-negara membangun.


Pada Januari 2016, *Global Investment Trends Monitor* oleh *United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD)* menunjukkan peningkatan aliran FDI global sebanyak 36% hingga mencapai kira-kira USD1.7 trilion pada tahun 2015 yang merupakan paras tertinggi sejak tahun 2007. Walau bagaimanapun, kebanyakannya disumbang oleh penggabungan dan pengambilalihan (M&A) bagi pelaburan rentas sempadan, bukannya pelaburan baharu.

Selaras dengan matlamat untuk beralih ke arah negara maju menjelang tahun 2020, Malaysia akan terus melaksanakan beberapa inisiatif strategik seperti RMK-11 (2016-2020) bagi membantu transisi akhir menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi.



Amerika Syarikat berada di kedudukan pertama di kalangan negara-negara penerima FDI pada 2015 dengan anggaran aliran masuk sebanyak USD384 bilion, diikuti oleh HKSAR dengan USD163 bilion dan China dengan USD136 bilion.

Anggaran aliran masuk FDI : 10 negara penerima FDI utama pada 2015 (dalam USD Bilion)



Sumber: UNCTAD

Aliran FDI di kalangan negara penerima utama

Dari segi kedudukan, Amerika Syarikat berada di tempat pertama di kalangan negara-negara penerima FDI pada tahun 2015 dengan anggaran aliran masuk sebanyak USD384 bilion. Sebahagian besar peningkatan FDI ini disebabkan oleh pelaburan ekuiti dan peningkatan mendadak dalam aktiviti M&A. Pengambilalihan aset dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan telah mengimbangi penurunan dalam sektor utama dengan peningkatan nilai aktiviti M&A kepada USD228 bilion yang merupakan jumlah tertinggi bagi aktiviti pengambilalihan rentas sempadan sejak tahun 2000.

Penerima FDI kedua terbesar di dunia pada tahun 2015 adalah *Hong Kong Special Administrative Region of the People's Republic of China* atau *HKSAR* dengan aliran masuk sebanyak USD163 bilion. Sebahagian besar peningkatan ini disebabkan oleh *inversion deals* dan penstrukturan semula oleh syarikat korporat yang melibatkan nilai besar dari segi imbangan pembayaran akaun walaupun sumber sebenar hanya menunjukkan pergerakan kecil. Penerima FDI ketiga terbesar pula adalah China dengan aliran masuk sebanyak USD136 bilion. Sementara Singapura adalah satu-satunya negara ASEAN di kedudukan tertinggi

yang berada di kedudukan yang keenam dengan aliran masuk FDI sebanyak USD65 bilion.

Unjuran awal UNCTAD menunjukkan aliran FDI ke negara-negara membangun kembali melonjak pada tahun 2015 sehingga mencapai paras kedua tertinggi sebanyak USD936 bilion yang mewakili sebahagian besar dari kenaikan aliran global. Aktiviti M&A rentas sempadan yang memberangsangkan terutamanya dalam pengambilalihan aset terbesar di Amerika Syarikat oleh MNE asing telah meningkatkan aliran FDI. Imbangan bayaran yang kukuh dan penawaran faedah

yang rendah turut menggalakkan lagi MNE untuk menjalankan aktiviti pengambilalihan bagi meningkatkan pertumbuhan.

Oleh itu, ternyata pertumbuhan aliran masuk FDI tidak disumbangkan oleh pembesaran kapasiti yang produktif memandangkan sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh aktiviti M&A rentas sempadan, bukan dari projek pelaburan baharu dalam aset yang produktif. Tambahan pula, kebanyakan struktur urusan adalah berbentuk *inversion deals* yang cuma melibatkan pergerakan sumber yang kecil.





Aliran masuk FDI ke Asia

Pada tahun 2015, aliran masuk FDI ke negara-negara membangun di Asia telah meningkat sebanyak 15 peratus dengan anggaran nilai USD548 bilion yang merupakan satu rekod baharu. Asia terus menjadi rantau terbesar penerima FDI di dunia yang merangkumi satu pertiga aliran FDI global. Dengan anggaran peningkatan aliran masuk FDI sebanyak USD163 bilion, HKSAR telah menjadi negara penerima terbesar di rantau ini dan kedua terbesar di dunia. Aliran masuk FDI ke China telah meningkat sebanyak enam peratus dengan anggaran nilai sebanyak USD136 bilion. Meskipun aliran masuk FDI dalam sektor perkilangan telah menurun, sektor perkhidmatan mengekalkan prestasinya dan

memacu jumlah aliran masuk sehingga mencatatkan satu rekod baharu. Aliran masuk FDI ke Singapura telah merosot sebanyak 4 peratus dengan nilai anggaran sebanyak USD65 bilion yang menyebabkan penurunan secara keseluruhan sebanyak 7 peratus di ASEAN. Aliran FDI ke India meningkat hampir dua kali ganda, mencapai anggaran sebanyak USD59 bilion. Ternyata langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan India untuk meningkatkan iklim pelaburan telah menunjukkan impak.

Di kalangan ASEAN, prospek ekonomi Malaysia dalam tempoh terdekat secara keseluruhannya kekal menggalakkan walaupun terdapat beberapa risiko. Dalam mempelbagaikan ekonomi, pada tahun 2015 Kerajaan Malaysia telah beralih tumpuan

daripada pengeluaran komoditi dan memperkenalkan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) bagi meningkatkan pendapatan negara. Risiko-risiko jangka pendek meliputi penurunan harga minyak dan cukai-cukai berkaitan minyak yang menyumbang kira-kira 30 peratus pendapatan negara, diimbangi oleh pemansuhan subsidi bahan api pada tahun 2014. Risiko-risiko lain adalah melibatkan ketidakstabilan aliran modal yang disebabkan oleh pemulihan dasar kewangan Amerika Syarikat. Kemampanan prospek jangka panjang yang mengalakkan ini bergantung kepada pembaharuan struktur bagi mengukuhkan perancangan fiskal jangka sederhana dan merangsang keupayaan serta persaingan di kalangan negara-negara ekonomi.

“SEKTOR
PERKILANGAN:
MEMPERKASA
PERTUMBUHAN”





2 PELABURAN DALAM SEKTOR UTAMA

Setelah melalui fasa transformasi yang utama, sektor perkilangan Malaysia terus diberi rangsangan di bawah teras strategik Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK-11). Blok pembangunan yang mampan dibentangkan bagi memperkukuh sektor perkilangan serta memastikan ia kekal sebagai pemacu ekonomi negara.



Pada tahun 2015, sektor perkilangan terus berjaya menarik sebahagian besar pelaburan yang berintensifkan modal terutamanya di dalam industri perdana. Tahun ini juga menyaksikan pengilang-pengilang utama memperkukuhkan kedudukan di rantau ini sebelum pelancaran AEC pada Disember 2015. Meskipun terdapat risiko dan ketidaktentuan dalam landskap ekonomi global, namun pelabur terus yakin pada Malaysia sebagai destinasi pelaburan. Persekitaran pelaburan yang menggalakkan di Malaysia, meliputi infrastruktur yang baik, perkhidmatan telekomunikasi, kewangan dan perbankan, industri sokongan serta tenaga kerja yang mahir dan mudah dilatih mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai lokasi pelaburan yang menarik dan membolehkan firma-firma memenuhi keperluan pasaran global dan serantau.

Tahun ini menyaksikan sejumlah 680 projek perkilangan baharu dengan pelaburan berjumlah RM74.7 bilion diluluskan berbanding 811 projek perkilangan dengan pelaburan sebanyak RM71.9 bilion yang diluluskan pada tahun 2014. Pelaburan asing ke dalam sektor perkilangan berjumlah RM21.9 bilion dan menyumbang sebanyak 29.3 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan bagi tahun ini. Baki sebanyak RM52.8 bilion atau 70.7 peratus merupakan pelaburan domestik.

Di sebalik kemelesetan ekonomi global yang berterusan, pelabur asing masih menunjukkan minat untuk melabur dalam projek-projek berkualiti di dalam bidang pertumbuhan baharu dan teknologi baharu muncul. Pada tahun 2015, pelaburan projek baharu adalah sebanyak 384 dengan nilai pelaburan berjumlah RM60.2 bilion iaitu 80.6 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan. Daripada jumlah ini, RM11.6 bilion atau 19.3 peratus adalah daripada sumber asing manakala RM48.6 bilion atau 80.7 peratus merupakan pelaburan domestik.

Perkembangan dan mempelbagaian operasi syarikat-syarikat sedia ada di Malaysia mencerminkan keyakinan terhadap persekitaran pelaburan di negara ini. Sebanyak 296 projek pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan berjumlah RM14.5 bilion telah diluluskan pada tahun 2015, menyumbang sebanyak 19.4 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan.

Projek-projek perkilangan yang diluluskan pada tahun 2015 dijangka akan menjana sebanyak 66,494 peluang pekerjaan.

Projek Perkilangan Berintensifkan Modal

Sehingga akhir 2015, intensiti modal yang diukur berdasarkan nisbah Pelaburan Modal bagi Setiap Pekerja (CIPE) untuk projek yang diluluskan dalam sektor perkilangan berjumlah RM1,123,306. Nisbah CIPE projek perkilangan mencatatkan trend yang semakin meningkat sejak tahun 1990. Ini mencerminkan trend umum ke arah projek-projek yang berintensifkan modal, bernilai ditambah tinggi dan berteknologi tinggi.

Industri-industri yang mencatatkan nisbah CIPE tertinggi pada tahun 2015 adalah industri gas asli (RM81,333,125), diikuti produk petroleum termasuk petrokimia (RM14,495,080), kelengkapan pengangkutan (RM2,414,287) serta kimia dan produk kimia (RM1,136,068).

Pada tahun 2015, sebanyak 680 projek bernilai RM74.7 bilion atau 40 peratus daripada jumlah pelaburan diluluskan dalam sektor perkilangan. Pelaburan domestik (DDI) menyumbang RM52.8 bilion manakala pelaburan asing (FDI) berjumlah sebanyak RM21.9 bilion.

Projek-projek yang diluluskan pada tahun 2015 dijangka mewujudkan 66,494 peluang pekerjaan terutamanya di dalam industri E&E (22,599 pekerjaan), diikuti oleh produk getah (6,890 pekerjaan) dan produk logam (4,575 pekerjaan).



Pada tahun 2015, sebanyak 6 projek dengan pelaburan bernilai sekurang-kurangnya RM1 bilion atau lebih telah diluluskan dengan jumlah pelaburan bernilai RM46 bilion atau 61.6 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan. Projek-projek ini merupakan projek produk petroleum termasuk petrokimia (1 projek / RM24.9 bilion), gas asli (1 projek / RM10.4 bilion), kelengkapan pengangkutan (1 projek / RM4.6 bilion), produk logam asas (1 projek / RM2.7 bilion), elektronik dan elektrik (1 projek / RM2 bilion) dan pengilangan makanan (1 projek / RM1.3 bilion). Sebagai perbandingan tahun 2014, 15 projek bernilai RM40.4 bilion dengan pelaburan sekurang-kurangnya RM1 bilion atau lebih telah diluluskan.

Pada tahun 2015, sebanyak 64 projek yang diluluskan mencatatkan pelaburan sekurang-kurangnya RM100 juta atau lebih. Jumlah pelaburan dalam projek ini bernilai RM64.8 bilion atau 86.6 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan.

Projek yang Diluluskan Mengikut Industri

Produk petroleum termasuk petrokimia mencatatkan jumlah kelulusan pelaburan tertinggi pada tahun 2015 iaitu sebanyak RM27.0 bilion. Ini diikuti oleh gas asli (RM10.4 bilion), produk E&E (RM8.9 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM6.5 bilion), produk galian bukan logam (RM3.7 bilion), produk logam asas (RM3.6 bilion), pengilangan makanan (RM2.6 bilion), produk logam (RM2.6 bilion) dan kimia & produk kimia (RM2.3 bilion). Sembilan industri ini telah menyumbang sebanyak RM67.7 bilion atau 90.6 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan.

Projek Berorientasikan Eksport

Persekitaran pelaburan yang menggalakkan di Malaysia termasuk infrastruktur yang baik, perkhidmatan telekomunikasi, kewangan dan perbankan, industri sokongan serta kumpulan bakat dan tenaga kerja yang mahir dan mudah dilatih, menjadikan Malaysia sebagai lokasi pelaburan yang menarik bagi memenuhi keperluan pasaran global dan serantau. Pada tahun 2015, sebanyak 227 projek yang diluluskan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM26.9 bilion, bercadang untuk mengeksport sekurang-kurangnya 80 peratus daripada pengeluaran. Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, sejumlah RM13.1 bilion atau 48.7 peratus merupakan pelaburan asing manakala RM13.8 bilion atau 51.3 peratus adalah pelaburan domestik.

Antara industri utama yang berorientasikan eksport adalah:

- Produk E&E (RM7.8 bilion / 46 projek)
- Produk Petroleum (termasuk Petrokimia) (RM1.5 bilion / 6 projek)
- Kimia & Produk Kimia (1.4 bilion / 13 projek)

Peluang Pekerjaan

Projek yang diluluskan pada tahun 2015 dijangka akan mewujudkan sebanyak 66,494 peluang pekerjaan. Daripada jumlah ini, sebanyak 4,759 atau 7.16 peratus adalah dalam kategori pengurusan, kategori teknikal dan penyeliaan, 9,192 atau 14 peratus, 10,227 atau 15.38 peratus adalah dalam kategori kemahiran Kraf, 29,487 atau 44.35 peratus dalam kategori operator mesin/pekerja pemasangan, 12,829 atau 19.29 peratus dalam kategori jualan dan pekerjaan.

Sebahagian besar peluang pekerjaan iaitu sebanyak 22,599 adalah dalam industri E&E, diikuti oleh produk getah (6,893) dan produk logam (4,515).

Pemilikan Projek-Projek Perkilangan

Berdasarkan situasi ekonomi global semasa serta persaingan tinggi dalam menarik pelaburan FDI, adalah kritikal bagi pelaburan domestik memainkan peranan dalam memacu agenda pelaburan Malaysia untuk mengubah dan membentuk semula ekonomi. Ketahanan daya saing Malaysia terus bergantung kepada pengukuhan sektor perkilangan dan perkhidmatan serta mempercepatkan peralihan negara ke arah industri yang bernilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan dan berasaskan inovasi. Transformasi ini tidak dapat direalisasikan tanpa pelaburan domestik yang kukuh.

Pada tahun 2015, pelaburan domestik melonjak kepada RM52.8 bilion yang menyumbang 70.6 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan berbanding RM32.3 bilion yang dicatatkan pada tahun 2014 dan RM21.6 bilion pada tahun 2013.

Sebahagian besar pelaburan domestik yang diluluskan pada 2015 iaitu sejumlah RM48.6 bilion adalah untuk projek baharu, manakala sebanyak RM4.2 bilion adalah bagi projek pembesaran/pelbagaian. Pelaburan domestik terutamanya produk petroleum termasuk petrokimia adalah sebanyak RM25.1 bilion atau 47.6 peratus daripada jumlah pelaburan domestik yang diluluskan. Industri-industri lain yang mencatatkan pelaburan domestik yang signifikan adalah gas asli (RM10.4 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM6 bilion), pengilangan makanan (RM2.1 bilion), produk logam (RM1.6 bilion), produk galian bukan logam (RM1.4 bilion) serta kimia dan bahan kimia (RM1.1 bilion).

Sebahagian besar pelaburan domestik (RM48.6 bilion) adalah bagi projek baharu, manakala RM4.2 bilion merupakan projek pembesaran/pelbagaian. Pelaburan asing yang berjumlah RM11.6 bilion adalah bagi projek baharu manakala projek pembesaran/pelbagaian pula bernilai RM10.3 bilion

Malaysia terus berjaya menarik pelaburan asing dalam sektor perkilangan di sebalik kelembapan ekonomi global. Pendekatan yang lebih fokus dan khusus dalam menarik pelaburan asing berkualiti dalam industri berteknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan, bernilai ditambah tinggi; dan aktiviti R&D dicerminkan melalui tahap pelaburan modal yang tinggi.

Pelaburan asing dalam projek perkilangan yang diluluskan pada tahun 2015 berjumlah RM21.9 bilion. Daripada jumlah ini, RM11.6 bilion atau 53.1 peratus adalah dalam projek baharu manakala selebihnya iaitu RM10.3 bilion atau 46.9 peratus adalah dalam projek pembesaran/pelbagaian.

Subsektor E&E menyumbang jumlah pelaburan asing yang tertinggi bernilai RM8.2 bilion. Projek pembesaran bagi *hard disk drives* dan *multi disk writers* bernilai RM2.1 billion telah menyumbang dalam mengukuhkan kepentingan industri ini bagi pelaburan asing. Industri-industri lain yang mencatatkan tahap pelaburan asing yang tinggi adalah produk logam asas (RM2.7 bilion), produk galian bukan logam (RM2.3 bilion), produk petroleum termasuk petrokimia (RM1.9 bilion) serta kimia dan bahan kimia (RM1.2 bilion).

Amerika Syarikat merupakan negara sumber utama dalam pelaburan asing pada tahun 2015 dengan pelaburan bernilai RM4.2 bilion bagi 19 projek yang diluluskan. Projek pembesaran bernilai RM2.1 bilion untuk mengeluarkan *hard disk drives* dan *multi disk writers* ini mengukuhkan kedudukan Amerika Syarikat sebagai sumber utama FDI. Ini diikuti oleh Jepun dengan pelaburan bernilai RM4 bilion dalam 60 projek. Sebahagian besar daripada pelaburan Jepun

juga tertumpu di dalam subsektor E&E. Sumber utama lain yang telah menyumbang kepada pelaburan asing pada tahun 2015 adalah HONG KONG (RM3.2 bilion), China (RM1.9 bilion), Singapura (RM1.4 bilion) dan Republik Korea (RM1.4 bilion). Secara keseluruhannya, enam negara ini menyumbang sebanyak 72.7 peratus daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan pada tahun 2015.

Projek yang diluluskan mengikut lokasi

Sebilangan besar projek yang diluluskan akan ditempatkan di Selangor (222 projek), Johor (137 projek) dan Pulau Pinang (107 projek), yang terus kekal sebagai negeri-negeri utama dari segi bilangan projek yang diluluskan. Sebanyak 466 projek atau 68.5 peratus daripada projek-projek perkilangan yang diluluskan akan ditempatkan di tiga negeri ini. Dari aspek nilai pelaburan yang diluluskan, Johor menerima jumlah pelaburan tertinggi bernilai RM31.1 bilion. Sarawak menduduki tempat kedua dengan pelaburan bernilai RM11.9 bilion, diikuti oleh Selangor (RM8.0 bilion), Melaka (RM6.9 bilion) dan Pulau Pinang (RM6.7 bilion). Kelima-lima negeri ini menyumbang sebanyak 86.3 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2015.

Pelaburan tertinggi yang diluluskan bagi Johor disumbang oleh pelbagai industri seperti produk petroleum termasuk petrokimia (RM26.0 bilion), pengilangan makanan (RM1.6 bilion) dan kimia dan bahan kimia (RM733 juta).

Sarawak telah mencatatkan pelaburan kedua tertinggi iaitu sebanyak RM11.8 bilion. Di antara



Produk E&E menyumbang sebanyak

RM277.9 bilion

daripada keseluruhan sektor perkilangan

projek utama yang diluluskan di Sarawak adalah projek baharu milik rakyat Malaysia bernilai RM10.4 bilion bagi mengeluarkan *Liquefied Natural Gas* (LNG). Pelaburan di Sarawak tertumpu dalam produk fabrikasi logam (RM646 juta) dan industri E&E (RM590 juta). Selangor pula telah menarik pelaburan bernilai RM8.0 bilion, terutamanya dalam kelengkapan pengangkutan (RM1.2 bilion), E&E (RM986 juta) dan produk galian bukan logam (RM977 juta).

Pelaksanaan Projek Perkilangan

Sebanyak 3,928 projek telah diluluskan dalam tempoh lima tahun bermula dari tahun 2011 sehingga 2015. Daripada jumlah ini, sebanyak 2,967 projek telah dilaksanakan setakat ini, di mana 2,751 projek telah memulakan pengeluaran, manakala 216 projek masih dalam fasa pembinaan dan pemasangan jentera. Jumlah pelaburan modal bagi 2,967 projek adalah bernilai RM175.1 bilion. Sebanyak 93 projek yang bernilai RM25.9 bilion pula telah memperolehi tapak lokasi, manakala 680 projek bernilai RM79.5 bilion dalam peringkat perancangan aktif. Apabila 773 projek ini direalisasikan kelak, jumlah pelaburan dalam projek-projek ini akan mencapai RM105.5 bilion.

Sebahagian besar projek yang dilaksanakan dalam tempoh lima tahun ini merangkumi industri utama seperti E&E, produk petroleum termasuk petrokimia, kelengkapan pengangkutan, kimia dan bahan kimia dan produk logam asas. Selangor mencatatkan bilangan terbesar bagi projek yang dilaksanakan, diikuti oleh Johor, Pulau Pinang, Kedah dan Sarawak.

Pada tahun 2015, sebanyak 15 syarikat terpaksa mengecilkan

operasi dan memberhentikan seramai 768 pekerja. Sebanyak 12 syarikat terpaksa menghentikan operasi disebabkan keadaan pasaran yang suram, peningkatan kos, masalah kewangan dan aktiviti penstrukturan semula. Namun begitu, kerugian ini telah diimbangi dengan penjanaaan 66,494 peluang pekerjaan baru daripada 351 projek yang telah memulakan pengeluaran pada tahun 2015.

Produk Elektrik dan Elektronik (E&E)

Sejak beberapa dekad yang lalu, industri E&E berperanan sebagai penggerak utama dalam ekonomi Malaysia untuk menarik pelaburan asing dan mewujudkan peluang pekerjaan. Pencapaian industri ini terbukti sekali lagi melalui sumbangannya sebagai sumber pendapatan eksport terbesar Malaysia pada tahun 2015. Eksport barangan E&E bernilai RM277.9 bilion dan menyumbang 44.4 peratus daripada jumlah barangan perkilangan pada tahun 2015. China, Singapura, Amerika Syarikat, Hong Kong dan Jepun adalah lima destinasi eksport utama, di mana eksport produk E&E Malaysia ke China menyumbang 15.6 peratus daripada semua eksport produk E&E Malaysia.

Syarikat-syarikat multinasional di dalam industri E&E terus mengembangkan keupayaan penyelidikan di Malaysia di samping menarik syarikat-syarikat tempatan dalam membangunkan kecekapan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta reka bentuk dan pembangunan (D&D) bagi menyokong aktiviti syarikat multinasional sejajar dengan aspirasi Malaysia untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Dari segi NKEA-E&E, subsektor seperti semikonduktor, teknologi LED, solar dan elektronik perindustrian dijangka memacu pertumbuhan terbesar dan menyumbang RM90.1 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (GNI) Malaysia dan 157,000 peluang pekerjaan menjelang tahun 2020. Industri E&E terus kekal sebagai pemacu ekonomi Malaysia dengan sumbangan yang signifikan

terhadap output industri perkilangan, peluang pekerjaan, pelaburan dan eksport negara. Kewujudan perkhidmatan perkilangan utama telah menyediakan peluang kepada syarikat-syarikat tempatan untuk membentuk perkongsian dan membolehkan syarikat kecil dan sederhana (PKS) tempatan membangunkan keupayaan bermula dari aktiviti reka bentuk sehingga aktiviti perkilangan dalam skala yang lebih besar. Kemunculan kuasa ekonomi baharu berikutan liberalisasi dan globalisasi telah mewujudkan pasaran yang kompetitif. Bagi membolehkan Malaysia berdaya saing dalam persekitaran yang kompetitif, Kerajaan Malaysia melalui NKEA memberi sokongan padu kepada syarikat-syarikat tempatan untuk beralih menjadi entiti tempatan yang besar yang terlibat dalam aktiviti bernilai tinggi.

Syarikat-syarikat multinasional juga telah menyumbang secara signifikan kepada ekonomi negara melalui aktiviti perolehan yang komprehensif. Tahap perolehan juga telah berkembang dari perolehan bahan mentah semata-mata kepada perolehan produk dan perkhidmatan bernilai tinggi yang melibatkan kolaborasi teknologi. Situasi ini telah berjaya menghasilkan syarikat tempatan seperti Vitrox dan Qdos yang kini mempunyai keupayaan mengeluarkan produk dan menyediakan perkhidmatan untuk pelanggan peringkat pertama. Kehadiran syarikat-syarikat multinasional di Malaysia memberi impak yang tinggi terutamanya di dalam subsektor E&E.

Selain menyumbang kepada eksport yang tinggi untuk negara, kerjasama seperti ini juga menjaga peluang pekerjaan yang berteraskan pengetahuan dan berpendapatan tinggi. Sementara aktiviti R&D dan D&D dilaksanakan oleh syarikat-syarikat multinasional E&E, secara tidak langsung syarikat tempatan juga mendapat manfaat melalui aktiviti R&D dalaman bagi memenuhi keperluan proses dan pembangunan produk dalam rangkaian bekalan syarikat multinasional yang akhirnya akan membantu industri untuk lebih maju.

Pada masa ini, kebanyakan syarikat tempatan yang telah membina keupayaan dan kapasiti untuk menjadi pembekal syarikat multinasional telah berjaya mendapat kontrak-kontrak bernilai tinggi.

Syarikat tempatan yang merupakan pengilang kontrak atau *Original Equipment Manufacturers (OEM)*, telah pun mula menjalankan aktiviti penyelidikan, reka bentuk kejuruteraan, inovasi dan integrasi sistem dalam membangunkan proprietari produk-produk E&E bagi tujuan eksport. Dengan itu, Malaysia terus menjadi destinasi pilihan bagi syarikat-syarikat multinasional yang ingin menjalankan aktiviti perkilangan berasaskan penyumberan luar. Malaysia telah menjadi pengkalan kepada beberapa syarikat *Electronic Manufacturing Services (EMS)* utama seperti Jabil, Plexus, Venture, Flextronics dan Celestica yang telah mengembangkan aktiviti secara meluas dengan menggabungkan lebih banyak fungsi reka bentuk di dalam operasi tempatan. Ini sekaligus telah meningkatkan nilai rantai industri ke paras yang lebih tinggi.

Permintaan ke atas produk E&E yang semakin meningkat melalui *Internet of Things (IoT)* telah mengukuhkan peranan industri ini sebagai pemangkin kepada pertumbuhan sektor-sektor lain. Industri E&E akan menjadi pemangkin IoT utama bagi kluster industri seperti penjagaan kesihatan, automasi, pengangkutan, logistik, keselamatan, pembangunan bandar pintar dan pelancongan. *Embedded system*, rangkaian sensor tanpa wayar, sistem kawalan, automasi (termasuk automasi rumah dan bangunan) dan lain-lain akan direvolusikan untuk membolehkan penggunaan IoT. Syarikat rekabentuk litar bersepadu (IC) seperti PMC-Sierra International, Altera, Phisontech, IC Microsystems dan Symmid merupakan di antara syarikat utama dalam bidang sensor dan teknologi sistem mikroelektromekanik (MEM).

IMPAK PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI) KE ATAS EKONOMI MALAYSIA

Sehingga Disember 2015, stok pelaburan langsung asing (FDI) mencecah RM507.2 juta atau 44% daripada KDNK Malaysia. Ia pernah mencecah dua kali ganda paras ini sebelum bermulanya krisis kewangan global pada tahun 2008. Kira-kira 44% daripada FDI disalurkan kepada sektor perkilangan, diikuti 22% kepada sektor kewangan, 9% kepada sektor ICT dan 6% kepada sektor perlombongan. Antara sumber utama pelaburan langsung asing (FDI) adalah Singapura sebanyak 21%, Jepun 16%, Netherlands 9% dan Amerika Syarikat 7%.

Menurut data mengenai pelaburan yang dilaksanakan dalam sektor perkilangan dari tahun 1980 hingga 2015 oleh MIDA, industri Elektrik dan Elektronik (E&E) merupakan penerima utama pelaburan langsung asing (FDI) sebanyak RM182 bilion yang mana sumber utama adalah dari Amerika Syarikat, Jepun, Jerman, Singapura dan Netherlands. Pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan berjumlah RM21.4 bilion pada 2015 diperuntukkan kepada sektor perubuhan global, syarikat berstatus MSC, perdagangan pengedaran, dan perkhidmatan kewangan.

Pelaburan langsung asing (FDI) mempunyai kesan pengganda ke atas ekonomi Malaysia yang akan memacu pertumbuhan jangka panjang, peluang pekerjaan, kemahiran dan inovasi. Ia membolehkan Malaysia untuk meningkatkan taraf dan mempelbagaikan rangkaian produk dari elektronik termaju kepada peralatan semikonduktor, peralatan perubatan dan struktur aero termaju. Kehadiran pelaburan langsung asing (FDI) yang tinggi dalam sektor perkilangan juga telah membantu meluaskan pasaran melalui pertumbuhan ekosistem rantaian bekalan dan industri perkhidmatan yang berkaitan. Kewujudan syarikat-syarikat asing telah memberi impak yang signifikan kepada sektor perkilangan dengan menyumbang kira-kira 44 peratus daripada jumlah pengeluaran, 39 peratus daripada jumlah pekerjaan, 56 peratus daripada pampasan pekerja dan 37 peratus daripada pembentukan modal kasar.

Manfaat Utama Pelaburan Langsung Asing (FDI):

Pembangunan Rantaian Bekalan

Sistem rantaian bekalan telah berkembang melalui penyumberan luar kepada pembekal-pembekal tempatan bagi bahan mentah, komponen, perisian, pembungkusan dan logistik. Ini telah membawa kepada integrasi vendor-vendor ke dalam rantaian bekalan global.

Kolaborasi Dengan Institusi Pengajian Tinggi

Kolaborasi di antara industri-akademia telah dapat merapatkan jurang di antara permintaan dan penawaran sumber kemahiran dan turut menggalakkan pemindahan teknologi dan penyelidikan industri.

Peningkatan Dalam Bakat Untuk Kemahiran Pengurusan

Pengurusan dalam kebanyakan syarikat yang terlibat dalam perkilangan produk bernilai tinggi dan penyelesaian kejuruteraan dikendalikan oleh pekerja-pekerja yang memperoleh kemahiran semasa bekerja di syarikat-syarikat multinasional. Justeru, kemahiran sumber manusia ini telah menyumbang kepada penubuhan syarikat-syarikat tempatan yang berkemahiran tinggi seperti Amaleus, Globetronics, Inari, Pentamaster, SAM Engineering and Equipment serta Vitrox. Syarikat-syarikat ini telah disenaraikan di Bursa Malaysia di mana peningkatan nilai pemegang saham dikongsi bersama rakyat Malaysia melalui pengagihan dividen.

Pertumbuhan Industri Perkongsian Perkhidmatan

Pelaburan langsung asing (FDI) dalam sektor perkilangan telah merangsang pertumbuhan perkhidmatan sokongan seperti pengurusan perbendaharaan, teknologi maklumat, kejuruteraan, pengurusan sumber manusia dan pemerolehan. Momentum yang kukuh yang wujud dalam industri perkongsian perkhidmatan ini telah mendorong kepada keperluan penubuhan ibu pejabat serantau.

Penjana Peluang Pekerjaan

Tenaga kerja di Malaysia telah memperoleh manfaat daripada peluang pekerjaan yang dijana melalui pertumbuhan pekerjaan berpendapatan tinggi dalam bidang kejuruteraan, reka bentuk dan pembangunan. Pelaburan syarikat-syarikat asing telah menjana sebanyak 41,424 peluang pekerjaan yang mewakili 62% daripada jumlah pekerjaan yang dijana di dalam sektor perkilangan.

Inovasi Melalui Penyelidikan Dan Pembangunan (R&D)

Inovasi melalui aktiviti R&D bertindak sebagai pemangkin dalam mewujudkan nilai melalui pembangunan proses dan produk baharu serta harta intelek dalam bentuk paten. Melalui penyumberan luar perkilangan, pelaburan langsung asing (FDI) telah memacu teknologi dengan menggalakkan syarikat Malaysia untuk bersama-sama merekabentuk dan membangunkan produk-produk baharu. Penyebaran pengetahuan ini di sepanjang rantaian nilai mewujudkan limpahan manfaat dan sinergi bagi tambahan produk dan perkhidmatan baharu.

ANJAKAN KEPADA AKTIVITI BERNILAI DITAMBAH

Bagi melengkapkan pelaburan langsung asing (FDI) dan membolehkan syarikat-syarikat Malaysia untuk bersaing di peringkat antarabangsa dengan lebih berkesan, MIDA kini dalam usaha mempromosikan Dana Pelaburan Strategik Domestik (DISF).


Dana ini mendorong peralihan kepada industri berasaskan nilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan dan inovasi dengan membolehkan syarikat-syarikat Malaysia mengukuhkan keupayaan penyerapan maklumat secara maksima. Syarikat-syarikat Malaysia dapat mengukuhkan kedudukan dalam rantaian nilai dengan pembangunan kapasiti melalui penglibatan dalam rantaian bekalan global, pengukuhan latihan dan R&D, penggalakkan perolehan teknologi baharu dan perolehan pensijilan antarabangsa.

Keutamaan DISF adalah bertumpu kepada industri aeroangkasa, peralatan perubatan, farmaseutikal,

elektronik, jentera dan peralatan, tenaga boleh diperbaharui dan industri bioteknologi. Dana ini memperuntukkan geran secara padanan ke atas perbelanjaan R&D, latihan, menaik taraf fasiliti, pelesenan teknologi baharu dan perolehan piawai antarabangsa. Melalui dana ini juga, syarikat-syarikat Malaysia mempunyai peluang untuk menembusi pasaran eksport baharu, meningkatkan kemahiran dan juga kecekapan peralatan.


Pelaburan langsung asing (FDI) akan memberi faedah berterusan kepada Malaysia melalui pertumbuhan jangka panjang, peluang pekerjaan, kemahiran dan inovasi. Dengan memanfaatkan pelaburan langsung asing (FDI) dan mengukuhkan kecekapan dan keberhasilan perniagaan, syarikat-syarikat tempatan di Malaysia akan dapat mengukuhkan daya saing dan mengorak langkah ke hadapan.

Malaysia: Stok Pelaburan Langsung Asing (FDI) pada Disember 2015




Sumber : DOSM, UNCTAD

Malaysia: Stok Pelaburan Langsung Asing (FDI) Mengikut Sektor pada Disember 2015 (Preliminary)



Sumber: DOSM, UNCTAD

Sumber Asing Utama



Sumber: DOSM

Beberapa tahun kebelakangan ini, Malaysia telah berjaya menarik beberapa syarikat pengeluar solar fotovoltaik antarabangsa untuk membangunkan fasiliti pengeluaran solar fotovoltaik di Malaysia. Setakat ini,

AUO Crystal (wafer), AUO - Sunpower (sel), Hanwha Q -Cells Malaysia (sel), First Solar Malaysia (*thin-film* dan modul solar *monocrystalline*) dan Panasonic Energy Malaysia telah pun memulakan pengeluaran dan mengeksport produk ke


luar negara. Kemunculan syarikat-syarikat solar terkemuka di Malaysia membantu mengukuhkan rantai nilai solar dan membuka peluang baharu kepada syarikat-syarikat tempatan.

Sektor	Subsektor	Contoh produk
Elektronik	Komponen	Semikonduktor, komponen pasif, papan litar bercetak, peralatan hentakan logam dan peralatan plastik kepersisan
	Pengguna	Produk audio video seperti <i>television receivers</i> , produk <i>infotainment</i> , pembesar suara, kamera dan permainan elektronik
	Perindustrian	Produk multimedia dan teknologi maklumat seperti komputer dan peralatan komputer; peralatan telekomunikasi, peralatan pejabat; dan produk <i>box built</i> untuk aplikasi industri
Elektrik	Elektrik	Papan agihan, panel kawalan, <i>switching apparatus</i> , pencahayaan, transformer, kabel & wayar, sel primer dan bateri, sel dan modul solar, penyaman udara, perkakasan rumah

Sebanyak 93 projek E&E dengan pelaburan berjumlah RM8.9 bilion telah diluluskan pada tahun 2015. Daripada jumlah ini, 26 projek merupakan projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM2.1 bilion manakala 67 adalah projek pembesaran/ pelbagaian dengan pelaburan berjumlah RM6.8 bilion. Pelaburan domestik bernilai RM0.7 bilion (8%) manakala pelaburan asing berjumlah RM8.2 bilion (92%). Syarikat E&E multinasional terus

mengembangkan keupayaan serta mempelbagaikan operasi di Malaysia dan ini mencerminkan keyakinan syarikat terhadap persekitaran pelaburan di Malaysia. Sumber utama pelaburan asing adalah Amerika Syarikat, China dan Jepun dan kebanyakan pelaburan yang diluluskan dari negara-negara ini adalah dalam subsektor komponen elektrik dan elektronik.

Pelaburan yang diluluskan dalam industri E&E mengikut subsektor, 2015 (RM juta)



Komponen Elektronik

Pada tahun 2015, subsektor komponen elektronik merupakan penyumbang terbesar dalam industri E&E di mana 45 peratus daripada jumlah pelaburan dalam industri E&E adalah daripada subsektor ini. Sebanyak 28 projek telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM4 bilion pada tahun 2015. Projek-projek yang diluluskan adalah bagi pengeluaran komponen elektronik seperti *hard disk drives*, peranti semikonduktor dan peranti optoelektronik, di mana kebanyakannya didorong oleh pelaburan asing.

Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam subsektor komponen elektronik, pelaburan asing bernilai RM3.8 bilion (94.4%), manakala pelaburan domestik RM228.6 juta (5.6%). Tujuh merupakan projek baharu dengan pelaburan berjumlah RM138.8 juta manakala 21 projek (RM3.9 bilion) merupakan projek pembesaran/pelbagaian. Projek-projek ini dijangka menjana sebanyak 11,876 peluang pekerjaan.

Subsektor ini telah mengalami perubahan struktur di mana syarikat telah mengalihkan tumpuan kepada proses *front-end* yang memerlukan penyelidikan, reka bentuk dan pembangunan yang lebih maju.

Ini memberi peluang kepada jurutera tempatan untuk terlibat dalam pembangunan produk baharu dan teknologi terkini.

Antara projek utama yang diluluskan adalah projek pembesaran oleh syarikat asing dengan pelaburan sebanyak RM2 bilion untuk mengeluarkan *hard disk drives* dan *media multi disk writers*. Projek ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 8,559 peluang pekerjaan tambahan. Selain itu, satu projek milik rakyat Malaysia sepenuhnya dengan pelaburan sebanyak RM71 juta telah diluluskan melibatkan penyediaan die di peringkat wafer untuk fotonik litar bersepadu (IC).

Elektronik Pengguna

Pada tahun 2015, tiga projek milik rakyat asing telah diluluskan dengan pelaburan bernilai RM101.6 juta. Daripada jumlah ini, dua merupakan projek baharu dan satu projek pembesaran/pelbagaian. Projek signifikan yang telah diluluskan merupakan projek baharu syarikat milik rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM66.5 juta bagi mengeluarkan *speaker cones*.

Elektronik Perindustrian

Pada tahun 2015, sebanyak 16 projek telah diluluskan dalam subsektor elektronik perindustrian dengan jumlah pelaburan bernilai RM1.7 bilion. Daripada jumlah ini, 12 projek merupakan projek pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan sebanyak RM1.6 bilion (93.1%), manakala empat projek merupakan projek baharu dengan pelaburan berjumlah RM116.7 juta (6.9%). Pelaburan asing mencatatkan nilai sebanyak RM1.6 bilion manakala pelaburan domestik sebanyak RM75.4 juta.

Di antara projek utama dalam subsektor ini adalah projek pembesaran milik rakyat asing dengan pelaburan bernilai RM567.8 juta bagi mengeluarkan produk pencetak pelbagai fungsi. Projek ini dijangka akan menjana sebanyak 771 peluang pekerjaan tambahan. Projek lain yang turut memberikan sumbangan signifikan kepada subsektor ini merupakan satu projek baharu milik rakyat Malaysia yang melibatkan pelaburan sebanyak RM36.3 juta bagi pengeluaran peranti ujian semikonduktor.

Produk Elektrik

Pada tahun 2015, sejumlah 46 projek telah diluluskan dalam subsektor elektrik dengan jumlah pelaburan sebanyak RM3.1 bilion. 13 projek merupakan projek baharu manakala 33 projek adalah projek pembesaran/pelbagaian. Subsektor ini didominasi oleh pelaburan asing bernilai RM2.7 bilion (86.5%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM418 juta (13.5%). Projek-projek ini dijangka akan menjana sebanyak 6,248 peluang pekerjaan. Berdasarkan kelulusan yang direkodkan bagi industri

E&E, subsektor produk elektrik merupakan pelaburan kedua terbesar dengan projek solar sebagai penyumbang utama.

Antara pelaburan signifikan yang telah diluluskan adalah projek baharu berjumlah RM609 juta untuk mengeluarkan sel solar fotovoltaiik yang dijangka akan mewujudkan sebanyak 692 peluang pekerjaan; projek pembesaran berjumlah RM587 juta untuk membangunkan dan mengeluarkan *silicon photovoltaic ingots*, wafer, sel-sel, modul dan *thin film solar modules*; serta satu projek baharu



bagi mengeluarkan panel solar dengan pelaburan sebanyak RM50 juta.

Kelengkapan Pengangkutan

Industri kelengkapan pengangkutan terdiri daripada subsektor automotif yang mencatatkan sumbangan pelaburan terbesar, aeroangkasa, pembinaan dan baik pulih kapal dan rel.

Pada tahun 2015, sebanyak 55 projek dalam industri

kelengkapan pengangkutan telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM6.5 bilion. Pelaburan domestik berjumlah RM6.0 bilion (92.3%), manakala pelaburan asing adalah sebanyak RM506 juta (7.7%). Projek-projek yang diluluskan ini, dijangka untuk menjana sebanyak 2,696 peluang pekerjaan.


Daripada jumlah projek yang diluluskan, 16 projek adalah projek baharu manakala 39 lagi merupakan projek pembesaran/pelbagaian.

Pelaburan projek-projek baharu yang diluluskan merangkumi 86% (RM5.6 bilion) daripada jumlah pelaburan yang diluluskan manakala projek pembesaran/pelbagaian menyumbang 14% (RM876.8 juta).

Automotif

Industri automotif merangkumi aktiviti pengilangan/pemasangan kenderaan bermotor, termasuk motosikal; pemuliharaan/pemasangan semula/pembinaan semula/penukaran

Pelaburan diluluskan dalam industri kelengkapan pengangkutan mengikut subsektor, 2015



kenderaan bermotor; serta pengeluaran peralatan dan komponen, termasuk gerabak dan badan kenderaan.

Pada masa ini terdapat empat Projek Nasional dan sembilan syarikat pemasang dalam subsektor kenderaan bermotor, dengan kapasiti pemasangan sebanyak 963,300 unit setahun. Di samping itu, terdapat 11 pengeluar/pemasang motosikal dan skuter dengan kapasiti pemasangan sebanyak 1,069,700 unit setahun.

Berdasarkan statistik Persatuan Automotif Malaysia (MAA), pengeluaran kenderaan bermotor di Malaysia pada tahun 2015 adalah sebanyak 614,664 unit yang merangkumi 563,883 unit kenderaan penumpang dan 50,781 unit kenderaan komersial. Jualan kenderaan bermotor yang mencapai 666,674 unit pada tahun 2015 yang terdiri daripada 591,298 unit kenderaan penumpang dan 75,376 unit kenderaan komersial.

Pada tahun 2015, sejumlah 50 projek telah diluluskan dalam industri ini dengan pelaburan bernilai RM1.45 bilion. Pelaburan domestik berjumlah RM970.7 juta (67.1%), manakala pelaburan asing adalah sebanyak RM475.9 juta (32.9%). Projek-projek yang diluluskan dijangka akan menjana sebanyak 2,241 peluang pekerjaan.

Daripada jumlah yang diluluskan, sebanyak 12 projek adalah projek baharu manakala 38 adalah projek pembesaran/ pelbagaian. Projek-projek baharu mencatatkan 39.9 peratus (RM577.4 juta) daripada jumlah pelaburan yang diluluskan

termasuk projek bernilai RM300 juta milik rakyat Malaysia untuk mengeluarkan casis bagi *special purpose vehicle*, lori dan bas. Antara projek baharu lain yang signifikan adalah satu projek milik rakyat asing bagi pengeluaran tangki minyak plastik untuk kenderaan bermotor dengan pelaburan sebanyak RM99.8 juta dan satu projek milik rakyat Malaysia bernilai RM67.5 juta bagi mengeluarkan dan memasang trak komersial, *prime movers*, bas, van, *pick-up* dan *special purpose vehicle*.

Pada tahun 2015, projek pembesaran/pelbagaian dalam subsektor automotif mencatatkan jumlah RM869.2 juta (60.1%), merangkumi projek milik majoriti rakyat asing dengan pelaburan bernilai RM150 juta bagi mengeluarkan sistem *e-lighting* kenderaan. Projek lain yang melibatkan aktiviti pembesaran/ pelbagaian adalah satu projek bernilai RM103 juta milik majoriti rakyat asing untuk mengeluarkan sensor *Magnetic Resistance Element* (MRE) serta satu projek milik rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM84.4 juta untuk mengeluarkan dan memasang kenderaan komersial, kenderaan multi-purpose dan kenderaan *multi utility*.

Pelaburan yang diluluskan pada tahun 2015 adalah selaras dengan Dasar Automotif Negara (NAP) 2014, di mana sebahagian besar daripada pelaburan dalam komponen automotif bertujuan untuk menyokong ekosistem perkilangan kenderaan berkecekapan tenaga (EEV). Pelaburan domestik kekal sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan industri ini. Tahun 2015 juga menyaksikan peluang yang

besar bagi kebanyakan syarikat Malaysia yang melabur dalam aktiviti perkilangan melibatkan kenderaan berkecekapan tenaga (EEV).

Berdasarkan Dasar Automotif Negara (NAP), industri automotif dijangka akan menyumbang 10 peratus kepada KDNK negara menjelang tahun 2020 di mana pengeluaran kenderaan akan meningkat kepada 1.35 juta unit. Dari segi peluang pekerjaan, industri automotif dijangka akan mewujudkan sebanyak 150,000 peluang pekerjaan menjelang tahun 2020.

Aeroangkasa

Industri aeroangkasa Malaysia terdiri daripada subsektor perkilangan bahagian dan komponen, aktiviti penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO); reka bentuk dan pembangunan serta pemasangan dan pengendalian pesawat ringan serta khidmat sokongan. Pada masa ini, terdapat lapan syarikat yang terlibat dalam pemasangan pesawat dan 28 syarikat dalam pengeluaran bahagian dan komponen pesawat termasuk peralatan sokongan di darat. Lebih daripada 50 syarikat terlibat dalam aktiviti MRO.

Pada tahun 2015, sebanyak empat projek dalam industri aeroangkasa telah diluluskan dengan pelaburan bernilai RM5.0 bilion. Pelaburan asing mencatatkan RM30.6 juta (0.6%), manakala pelaburan domestik berjumlah RM4.9 bilion (99.4%). Projek-projek yang diluluskan dijangka akan menjana sebanyak 395 peluang pekerjaan.

Daripada empat projek yang diluluskan, tiga merupakan projek baharu dengan pelaburan berjumlah RM4.9 bilion (98%). Antara projek baharu yang signifikan adalah pengeluaran dan pemasangan *fan cases* oleh syarikat milik rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM317.7 juta. *Engine fan casing* merupakan salah satu bahagian enjin yang paling besar dan agak kompleks untuk dikeluarkan. Melalui pelaburan baharu ini, tenaga kerja tempatan dapat beralih kepada aktiviti perkilangan dalam *precision machining* dan pemasangan bahagian-bahagian aeroangkasa yang bernilai tinggi.

Selain projek baharu, terdapat juga satu projek pembesaran bernilai RM7.6 juta yang dimiliki secara usahasama di antara syarikat tempatan dan asing bagi menjalankan aktiviti reka bentuk, pembangunan dan perkilangan peralatan dan bahagian-bahagian pelindung enjin pesawat.

Kepentingan industri aeroangkasa telah diperkukuhkan lagi di bawah RMK-11. Berikutan kesaling-hubungan subsektor ini dengan sub sektor yang lain, ditambah dengan pelbagai kesan pengganda, akan meningkatkan pembangunan ekosistem industri aeroangkasa yang merangkumi MRO; bahan komposit serta komponen dan bahagian logam. Dalam proses menjadikan Malaysia sebagai hab syarikat aeroangkasa, lebih banyak peluang dibuka bagi *original equipment manufacturers* (OEMs) lain untuk melengkapkan rantai bekalan dan mempercepatkan penyertaan PKS tempatan menceburi pasaran global. Melangkah ke



hadapan, industri aeroangkasa di Malaysia dijangka akan terus meningkat berdasarkan *Blueprint Aeroangkasa* bagi tahun 2015-2030.

Pembinaan dan Baik Pulih Kapal

Industri pembinaan dan baik pulih kapal di Malaysia melibatkan perkilangan pelbagai jenis kapal termasuk tongkang, bot penumpang/feri, kapal peronda, bot tunda, *landing crafts*, kapal tangki, kapal persiaran, kapal layar, *hydrofoils*, *hovercrafts* dan aktiviti pembaikan kapal.

Menurut *Review of Maritime Transport 2015* yang dikeluarkan oleh UNCTAD, sehingga tahun 2014, Malaysia menduduki tempat ke-25 dalam senarai negara-negara dengan armada berdaftar yang tertinggi (dengan 608 kapal dan muatan gabungan 16,137,885 ribu DWT iaitu 0.9 peratus daripada jumlah armada dunia).

Terdapat kira-kira 100 limbungan kapal yang berdaftar di Malaysia, di mana 39 berada di Malaysia

Barat manakala 61 di Malaysia Timur. Kebanyakan limbungan mempunyai kemudahan dalam pembinaan kapal bersaiz kecil dan sederhana seperti feri, tongkang, kapal tunda, *offshore support vessels* (OSVs), kapal layar, *fishing vessels* dan kapal peronda. Limbungan yang lebih besar berupaya untuk membina dan menawarkan perkhidmatan kepada kapal-kapal yang lebih besar seperti *bulkers* dan kapal tangki. Ia juga mampu memfabrikasi/servis struktur luar pesisir termasuk menaiktaraf dan menukar *floating production storage and offloading/floating storage and offloading (FPSO/FSO vessels)*.

Pada tahun 2015, satu syarikat milik majoriti rakyat Malaysia telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM67.5 juta. Projek ini dijangka akan menjana sebanyak 60 peluang pekerjaan. Pelaburan yang diluluskan ini merupakan petunjuk positif bagi industri ini yang didorong oleh pelabur tempatan. Industri ini dijangka akan berkembang seiring dengan pertumbuhan sektor maritim yang menyumbang secara signifikan



Industri jentera dan kelengkapan (M&E) secara umum boleh dikategorikan kepada empat subsektor seperti berikut:

Jentera dan kelengkapan khusus untuk industri-industri tertentu; Jentera dan kelengkapan bagi penjanaan kuasa; Jentera kerja logam; dan Jentera dan kelengkapan perindustrian, modul dan komponen awam.

kepada pembangunan ekonomi Malaysia. Industri ini berpotensi untuk berkembang terutamanya dalam aktiviti pengilangan komponen dan bahagian berkaitan, integrasi sistem serta pengeluaran peralatan marin yang lain.

Industri Jentera Dan Kelengkapan (M&E)

Industri jentera dan kelengkapan (M&E) merangsang revolusi perindustrian dan terus mendorong kemajuan dalam pembangunan ekonomi serta teknologi Malaysia disebabkan hubungan dengan semua segmen ekonomi seperti pengilangan dan perkhidmatan. Sektor ini menyediakan teknologi canggih dan terkini dalam menghasilkan produk-produk inovatif yang menggabungkan elektronik, bahan termaju dan integrasi perisian.

Komitmen yang berterusan dalam inovasi teknologi adalah faktor utama negara-negara ekonomi maju seperti Amerika Syarikat, Eropah, Jepun dan Taiwan untuk kekal sebagai peneraju global dalam pasaran M&E. Penggunaan IOT melalui konsep pengilangan pintar telah membawa kepada automasi dan produktiviti yang lebih tinggi serta keberkesanan dan kemampanan di kalangan ekonomi global.

Industri M&E di Malaysia adalah di antara yang terbesar dan paling kukuh di rantau ASEAN. Sektor ini didominasi oleh syarikat-syarikat kecil dan sederhana yang menyediakan produk-produk khusus dan menawarkan pengilangan menyeluruh yang merangkumi fasa reka bentuk awal dan pembangunan sehingga ke fasa pengedaran dan logistik. Ini adalah untuk memenuhi permintaan yang tinggi daripada industri tempatan dan antarabangsa.

Industri M&E di Malaysia sebelum ini hanya melibatkan M&E yang diimport bagi menyokong industri pertanian dan berasaskan sumber. Kini ia telah berkembang dan mendapat pengiktirafan global di kalangan pengilang berprestij untuk proses tertentu dan kelengkapan automasi terutamanya untuk industri elektrik dan elektronik (E&E) di rantau ASEAN.

Terdapat kira-kira 120 syarikat utama yang berpangkalan di Malaysia mampu untuk menghasilkan sistem pengendalian maju dengan automasi sepenuhnya dan penggabungan robot pintar termasuk komunikasi Mesin-ke-Mesin (M2M). Malaysia menempatkan beberapa syarikat terkenal dalam industri ini seperti Vitrox, SRM Integration, Visdynamics dan Kumpulan Walta.

Oleh itu, adalah penting bagi Kerajaan untuk meningkatkan strategi dalam mengembangkan lagi pertumbuhan industri M&E, terutamanya berkenaan peningkatan penggunaan teknologi termaju. RMK-11 telah mengenal pasti industri M&E sebagai salah satu subsektor pemangkin di bawah sektor pengilangan yang perlu terus dibangunkan untuk memacu transformasi ekonomi negara.

Lebih banyak syarikat Malaysia yang beralih daripada menjadi pengilang kontrak kepada OEM dengan pelaburan yang besar dalam R&D, reka bentuk kejuruteraan, inovasi dan sistem integrasi. Dengan keupayaan yang dipertingkatkan dan penglibatan dalam aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi di seluruh ekosistem M&E, syarikat-syarikat Malaysia telah mencapai pengiktirafan antarabangsa untuk berintegrasi dengan rangkaian bekalan global. Sebagai tambahan, syarikat Malaysia juga telah menggunakan pengetahuan dan sumber ke arah membangunkan M&E milik sendiri untuk pasaran eksport global.

Pada tahun 2015, sebanyak 97 projek M&E telah diluluskan dengan jumlah pelaburan bernilai RM1.8 bilion. Daripada jumlah ini, 58 adalah projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM1.4 bilion (77.8%), manakala 39 adalah projek pembesaran/pelbagaian yang

melibatkan pelaburan sebanyak RM418.8 juta (22.2%). Majoriti aliran masuk pelaburan (53.5% atau RM964 juta) merupakan sumber domestik, dan bakinya terdiri daripada sumber asing (RM838.5 juta, 46.5%). Projek-projek ini dijangka akan menyediakan sebanyak 4,428 peluang pekerjaan.

Subsektor M&E perindustrian am, modul, komponen dan bahagian merupakan penyumbang terbesar pelaburan bagi tahun 2015. Sebanyak 51 projek dengan pelaburan berjumlah RM883.5 juta telah diluluskan, terdiri daripada 34 projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM677.3 juta (76.7%) dan 17 projek pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan berjumlah RM206.1 juta (23.3%). Pelaburan domestik dalam subsektor ini berjumlah RM594.1 juta (67.2% daripada jumlah subsektor) manakala pelaburan asing berjumlah RM289.3 juta (32.8%).

Subsektor M&E khusus bagi industri tertentu berada di kedudukan kedua dari segi pelaburan yang diluluskan bagi tempoh yang sama. Ia menyaksikan kemasukan sebanyak RM740.2 juta bagi 31 projek, di mana 17 adalah projek baharu berjumlah RM604.5 juta (81.7%) dan 14 projek pembesaran/pelbagaian dengan jumlah pelaburan sebanyak RM135.7 juta (18.3%). Kebanyakan pelaburan dalam subsektor ini didorong oleh pelaburan asing berjumlah RM448.8 juta (60.6%) dan akan terus menguasai dalam inovasi teknologi, manakala pelaburan domestik berjumlah RM291.4 juta (39.4%).

Pelaburan yang diluluskan dalam subsektor penyelenggaraan,

menaiktaraf atau pemulihan M&E berada di kedudukan ketiga dengan jumlah pelaburan sebanyak RM121.4 juta. Ianya terdiri daripada empat projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM52.4 juta (43.2%) dan tujuh projek pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan berjumlah RM69 juta (56.8%). Pelaburan dari sumber asing bernilai RM64.9 juta (53.5%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM56.5 juta (46.5%).

Empat buah projek dari subsektor penjaan kuasa dan jentera kerja logam menjana pelaburan sebanyak RM57.4 juta di mana majoriti pelaburan adalah dari sumber asing.

Antara projek utama yang diluluskan adalah projek baharu oleh syarikat milik penuh rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM15.7 juta bagi melaksanakan pemasangan dan integrasi robotik bagi pemeriksaan penglihatan

serta sistem *pick and place* dan juga pengilangan pencetak 3D. Syarikat ini adalah anak syarikat konglomerat Malaysia yang mempunyai pengalaman lebih daripada 35 tahun dalam bidang pengedaran dan latihan reka bentuk 3D dan analisis perisian serta kelengkapan *additive manufacturing*.

Pengilangan pencetak 3D akan menyasarkan pasaran domestik dan pengguna. Teknologi yang terlibat dalam pencetak 3D akan menjadi gabungan hibrid Digital Light Processing (DLP) and Stereolithography (SLA). Syarikat menamakan teknologi hibrid tersebut sebagai "Stereo Photolithography". Syarikat akan melabur dalam aktiviti R&D dan D&D di mana 23 daripada 37 kakitangannya (62%) diambil khusus untuk menjalankan pelbagai aktiviti R&D dan D&D. Apabila dilaksanakan, projek ini akan menjadi yang pertama seumpamanya, dilakukan oleh sebuah syarikat tempatan.



Satu projek baharu milik penuh syarikat multinasional terkemuka Jepun, yang baru sahaja meraikan ulang tahun ke-140 pada tahun 2015 dan telah mengukuhkan kedudukannya sebagai salah satu peneraju global dalam penghasilan peralatan analitikal dan ukuran seperti *Gas Chromatography*, *Gas Chromatography Mass Spectrometry*, *Spectroscopy* dan peralatan saintifik lain. Projek yang dicadangkan di Sendayan, Negeri Sembilan ini adalah bagi mengeluarkan *spectrophotometer*, *chromatograph* and *chromatograph-mass spectrometer*. Instrumen-instrumen analitikal dan ukuran ini digunakan untuk menganalisa parameter saintifik seperti komposisi bahan, pengasingan unsur-unsur dan jumlah cahaya diserap atau dipantulkan daripada gas atau sampel cecair. Instrumen-instrumen analisis dan ukuran ini amat penting bagi memastikan kualiti dan keselamatan aspek pengeluaran dalam bidang farmaseutikal, makanan, bahan kimia dan lain-lain industri berteknologi tinggi. Projek ini akan menjadi yang pertama di Malaysia bagi mengeluarkan *spectrophotometer*, *chromatograph* and *chromatograph-mass spectrometer* dan dijangka akan memulakan operasi menjelang Disember 2016. Projek ini akan mengukuhkan lagi keupayaan kumpulan itu di sub-benua India dan rantau Asia Tenggara yang telah menunjukkan pertumbuhan ekonomi luar biasa pada tahun-tahun kebelakangan ini dan dijangka akan terus berkembang pada masa hadapan.



Aktiviti R&D akan dijalankan secara meluas di Malaysia di mana perbelanjaan ke atas aktiviti R&D dan 11 kakitangan R&D dianggarkan mencecah RM7.1 juta untuk tempoh 10 tahun. Projek ini melibatkan pelaburan sebanyak RM85.1 juta. Sebanyak 156 peluang pekerjaan akan dijana dimana 32 peratus pekerjaan adalah dalam bidang sains dan teknikal (S&T).

Satu projek baharu oleh syarikat milik rakyat Malaysia sepenuhnya untuk mengeluarkan kelengkapan pemeriksaan penglihatan dan rakaman serta komponen yang berkaitan untuk semikonduktor dan industri solar di utara Semenanjung Malaysia. Syarikat ini mempunyai pengkhususan mesin die-sorting dalam Wafer Level Chip Scale Package (WLCSP). Pelanggan syarikat ini melibatkan nama-nama terkenal dalam industri semikonduktor seperti Broadcom, Qualcomm dan Avago. Syarikat ini turut

menawarkan pakej ganjaran yang menarik termasuk bayaran gaji yang tinggi daripada kadar pasaran semasa dan dasar perkongsian keuntungan yang menarik dan setimpal dengan kecekapan dan produktiviti yang tinggi, terutamanya dalam bidang kejuruteraan.

Industri Sokongan Kejuruteraan

Industri sokongan kejuruteraan (ESI) Malaysia yang dinamik dan kukuh menyediakan sokongan penting untuk pertumbuhan sektor perkilangan dan perkhidmatan. Industri ini boleh dianggap sebagai tunjang kepada semua industri lain kerana ia adalah asas penting untuk pertumbuhan industri lain. ESI kini terus berkembang seiring dengan aspirasi negara untuk beralih kepada sebuah negara perindustrian. Malaysia diiktiraf di peringkat global dari segi keupayaannya, kualiti pengeluaran, dan penghantaran

cepat dan boleh diyakini dalam pelbagai aktiviti kejuruteraan terutamanya dalam pemesinan dan fabrikasi.

Di dalam era ekonomi yang mencabar dan kebangkitan negara-negara pengeluaran kos rendah seperti Vietnam dan Myanmar, di tambah dengan sumber tenaga berkemahiran rendah yang ramai, industri kejuruteraan sokongan (ESI) Malaysia hanya mampu bersaing dengan mengeluarkan produk bernilai ditambah yang tinggi dan perkhidmatan yang bersepadu. Fokus perlu diberikan kepada produk campuran yang bernilai tinggi dan berjumlah rendah, penekanan kepada reka bentuk dan pembangunan, jaminan kualiti yang ketat dan masa penghantaran yang tepat. Strategi Lautan Biru ini akan memastikan ESI Malaysia dapat bersaing dalam segmen pasaran khusus dengan margin yang lebih baik dan melibatkan teknologi yang lebih maju.

Syarikat-syarikat ESI Malaysia digalakkan untuk meningkatkan keupayaan dan kebolehan ke arah rantaian nilai lebih tinggi dalam ekosistem dan menyediakan penyelesaian pengilangan untuk industri berteknologi tinggi seperti industri semikonduktor, jentera, perubatan, minyak dan gas serta aeroangkasa, selaras dengan usaha Malaysia untuk menjadi lokasi pilihan bagi penyumberan luar peringkat global.

Sebanyak 45 projek ESI telah diluluskan pada tahun 2015 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM760.9 juta. Daripada jumlah ini, 29 adalah projek baharu dengan pelaburan bernilai RM374.1 juta (49.2%),

manakala 16 lagi adalah projek pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan sebanyak RM386.8 juta (50.8%). Pelaburan domestik berjumlah RM525.4 juta (69%) manakala pelaburan asing berjumlah RM235.5 juta (31%), dengan 2,669 peluang pekerjaan dijangka akan diwujudkan.

Subsektor jentera mempunyai kelulusan menggalakkan di mana sebanyak 21 projek dengan pelaburan bernilai RM279.7 juta telah diluluskan. Daripada jumlah ini, 11 adalah projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM129.2 juta (46.2%) dan 10 adalah projek pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan berjumlah RM150.5 juta (53.8%). Pelaburan asing berjumlah RM89.2 juta (31.9%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM190.5 juta (68.1%).

Seterusnya adalah subsektor penuangan pembentukan logam di mana tiga projek telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM231.9 juta. Dua adalah projek baharu yang merupakan pelaburan domestik sebanyak RM217.5 juta dan baki satu projek pelbagaian dengan pelaburan asing sebanyak RM14.4 juta. Sebanyak 12 projek di bawah subsektor *mould and die* pula telah diluluskan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM164.8 juta. Sepuluh merupakan projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM145.3 juta (88.2%) dan dua projek pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan bernilai RM19.4 juta (11.8%). Pelaburan asing berjumlah RM61.3 juta (37.2%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM103.5 juta (62.8%).

Subsektor kejuruteraan permukaan menyumbang

enam projek dengan pelaburan sebanyak RM78 juta. Ini terdiri daripada lima projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM65.2 juta (83.6%) dan satu projek pelbagaian dengan pelaburan berjumlah RM12.7 juta (16.4%). Pelaburan asing berjumlah RM70.5 juta (90.4%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM7.5 juta (9.6%).

Satu projek baharu telah diluluskan dengan pelaburan domestik sebanyak RM6.5 juta bagi subsektor hentakan logam. Ini adalah satu projek penting yang merupakan projek usahasama baharu di antara sebuah syarikat konglomerat Malaysia dan sebuah syarikat Jepun, yang akan membangunkan Pusat Kecemerlangan aktiviti R&D bagi produk *mould and die* serta jig dan lekapan untuk industri automotif. Pusat ini akan menumpukan kepada *mould and die* untuk bingkai pintu, bingkai dalam, *roof drip mouldings*, *belt line moulding and inner & outer weatherstrip*. Syarikat Jepun tersebut pula akan memindahkan pengetahuan teknikal dan teknologi kepada rakyat tempatan dengan penempatan 16 kakitangan berpengalaman sepenuh masa dari Jepun untuk tiga tahun pertama operasi. Sejumlah 32 rakyat Malaysia akan mendapat faedah dari pemindahan teknologi ini. Projek baharu ini akan melibatkan pelaburan berjumlah RM48.9 juta dan akan terus mengukuhkan ekosistem industri automotif di Malaysia.

Satu lagi projek adalah projek pembesaran dan pelbagaian oleh sebuah syarikat milik rakyat Malaysia sepenuhnya yang terletak di selatan Semenanjung

INTERNET OF THINGS (IOT) PENUMPUN KEPADA KOMUNIKASI DAN TEKNOLOGI MESIN-KE-MESIN (M2M)

M&E adalah industri yang sangat kompetitif dan sentiasa bergerak ke arah sistem pengeluaran baharu untuk menyediakan penyelesaian bersepadu yang meliputi proses pengeluaran keseluruhan dengan automasi dan teknologi termaju.

Untuk kekal kompetitif di pasaran global, sektor perindustrian Malaysia perlu menerimapakai automasi dan konsep pintar dalam proses pengeluaran seperti *embedded system* yang didorong oleh IOT. Pada masa hadapan, akan terdapat perubahan struktur asas dalam industri global ke arah IOT, di mana setiap 'perkara' termasuk M&E akan didigitalkan dan saling berhubung, mewujudkan rangkaian antara mesin, sumber manusia dan internet. Pengilangan pintar dengan penggunaan IOT akan meningkatkan kawalan proses dan teknologi automasi yang akan membolehkan pengguna akhir memaksimumkan produktiviti kelengkapan.

IOT berpotensi untuk menghubungkan sehingga sepuluh kali lebih banyak 'perkara' dengan internet menjelang tahun 2020. Cisco meramalkan pada tahun 2020 akan terdapat 50 bilion 'perkara' dihubungkan dengan internet, iaitu dua kali ganda jumlah yang disambungkan pada tahun 2015. Apabila muncul teknologi baharu seperti *data lakes*, kini keupayaan untuk merakam dan memproses data akan menjadi kenyataan. Penggunaan *embedded system* tradisional, rangkaian sensor tanpa wayar, sistem kawalan, automasi (termasuk automasi rumah dan bangunan) dan lain-lain akan direvolusikan untuk mengadaptasi penggunaan IOT.

Pengukuran, kawalan automatik, pengoptimuman loji, pengurusan kesihatan dan keselamatan serta fungsi lain boleh disediakan dan diintegrasikan dengan sebilangan besar rangkaian sensor. Ini menjana kemungkinan yang positif dalam pembangunan ekosistem industri M&E di mana ia

berkemampuan untuk menawarkan kecekapan tenaga, peningkatan produktiviti dan keuntungan yang lebih tinggi.

Deskripsi 'mesin-ke-mesin' (M2M) adalah luas dan boleh diterjemahkan untuk menggambarkan sebarang teknologi yang membolehkan peranti yang berangkai untuk bertukar-tukar maklumat dan melaksanakan tindakan tanpa bantuan sumber manusia secara manual.

Komunikasi M2M sering digunakan untuk pemantauan jarak jauh. Ia digunakan untuk penghantaran data automatik dan pengukuran di antara peranti mekanikal atau elektronik. Komponen utama bagi sistem M2M merangkumi: *Field-deployed wireless devices with embedded sensors or RFID-Wireless communication networks with complementary wire-line access*. Sistem ini juga meliputi *sensor, RFID, Wi-Fi or cellular communications link* dan perisian pengkomputeran autonomi yang diprogramkan untuk membantu peranti rangkaian mentafsir data dan membuat keputusan.

Masa hadapan Industri M&E akan difokuskan kepada M&E yang berteknologi tinggi dan bernilai ditambah tinggi yang menggabungkan teknologi utama masa hadapan termasuk elektronik, robotik, bahan termaju dan integrasi perisian. Industri ini perlu mengukuhkan aktiviti teras seperti R&D, D&D, pengilangan prototaip, pembangunan perisian, integrasi sistem, pemasangan, pengujian dan penentuan. Dengan adanya sumber manusia berkemahiran tinggi dan undang-undang perlindungan Harta Intelek yang ketat, ditambah pula dengan industri kejuruteraan sokongan yang dinamik, penyediaan penyelesaian menyeluruh, Malaysia akan kekal kompetitif sebagai lokasi pilihan untuk aktiviti penyelesaian pengilangan dan teknologi pengeluaran.

Malaysia untuk menjalankan aktiviti kejenteraan komposit, bahagian-bahagian struktur dan komponen untuk industri aeroangkasa. Syarikat ini telah ditubuhkan pada tahun 1985, mengeluarkan alat-alat ganti selepas pasaran bagi menyokong industri pengilangan semikonduktor. Kini, syarikat telah mengembangkan keupayaannya dalam mengeluarkan kejenteraan komponen pemasangan untuk pelbagai industri seperti semikonduktor dan kelengkapan automasi, minyak dan gas serta aeroangkasa. Matlamat perniagaan syarikat ini adalah untuk mencapai tahap integrasi yang tinggi dengan pelanggan, dengan memberi fokus bagi menyediakan perkhidmatan bernilai tambah. Melalui peningkatan berterusan dalam proses, sistem dan kawalan syarikat ini, ia telah mencapai prestasi kualiti yang konsisten atau di bawah 300 ppm selama lebih daripada tiga tahun dan prestasi penghantaran yang cepat dan menepati masa. Syarikat ini telah diperakui dengan standard AS 9100C dan ISO9001 dan sedang mendapatkan persijilan bagi NADCAP dan ISO 14000. Syarikat juga telah melabur dalam beberapa pusat kejenteraan dengan teknologi terkini untuk memenuhi permintaan yang kian meningkat dalam industri aeroangkasa untuk penggunaan bahan eksotik seperti Monel, Titanium dan Hastalloy. Projek pembesaran ini melibatkan pelaburan sebanyak RM35.2 juta dan akan melengkapkan lagi ekosistem industri aeroangkasa di Malaysia.

Satu syarikat baharu milik rakyat asing sepenuhnya akan menjalankan aktiviti rawatan

permukaan bagi alat-alat ganti aeroangkasa di kawasan tengah Semenanjung Malaysia. Aktiviti ini akan dijalankan di premis baharu yang akan mematuhi sepenuhnya standard yang ditetapkan oleh Program Akreditasi Aeroangkasa Nasional dan Kontraktor Pertahanan (NADCAP) dalam menjalankan aktiviti *etching, electroplating, anodizing and conversion coating* untuk komponen dan alat ganti aeroangkasa seperti *airframes, blades and flaps*.

Industri pengilangan alat ganti pesawat mempunyai cabaran dalam penerokaan pasaran yang tinggi disebabkan oleh syarat-syarat ketat yang perlu dipatuhi dalam pensijilan/

standard antarabangsa. Para pengilang mesti mendapatkan pelbagai persijilan, termasuk NADCAP untuk menyediakan perkhidmatan rawatan haba dan rawatan permukaan serta proses-proses khas yang lain. Projek ini akan melengkapkan dan meningkatkan bilangan pemain industri di Malaysia yang menawarkan perkhidmatan kejuruteraan permukaan sekunder terutamanya untuk industri aeroangkasa. Syarikat itu telah mengenal pasti sebahagian besar jualan bagi pasaran eksport ke syarikat-syarikat multinasional seperti Pratt & Whitney, Minebea dan Senior Aero. Projek baharu ini akan melibatkan pelaburan sebanyak RM33.7 juta.



PROSES SEKUNDER TERPILIH: PAUTAN PENTING KEPADA EKOSISTEM INDUSTRI BERTEKNOLOGI TINGGI

Industri kejuruteraan permukaan merujuk kepada rangkaian luas teknologi yang direka untuk mengubah ciri-ciri permukaan komponen logam dan bukan logam bagi tujuan kejuruteraan yang unik dan spesifik.

Kini industri tertumpu untuk membangunkan kilang penyaduran moden dengan kelengkapan dan teknologi terkini dalam rawatan permukaan dan penyaduran yang berketepatan tinggi untuk industri elektrik dan elektronik, minyak dan gas, perubatan dan aeroangkasa.

Trend semasa dalam teknologi kejuruteraan permukaan meliputi peralihan dari keperluan estetik semata-mata kepada pengubahsuaian permukaan yang diperlukan dalam industri bernilai tinggi seperti aeroangkasa dan perubatan.

Teknologi terkini dalam kejuruteraan permukaan termasuk pemendapan dan pemercikan wap secara fizikal dan kimia. Teknologi ini membolehkan bahan pengalir dan penebat disalut dengan sebarang jenis substrat seperti logam, seramik dan plastik sensitif haba. Aktiviti ini boleh digunakan dalam pengilangan *hard disk*, komputer dan paparan video, panel paparan rata, alat pemotong bersalut nipis dan keras bagi serta penyalutan anti-reflektif/anti-silau untuk industri automotif dan kaca.

Dalam industri aeroangkasa, proses sekunder terpilih ditadbir oleh Program Akreditasi Aeroangkasa Negara dan Kontraktor Pertahanan (NADCAP). NADCAP adalah satu pendekatan pengurusan industri untuk penilaian pematuhan di mana pakar-pakar teknikal dari pihak industri dan Kerajaan akan bekerjasama untuk membangunkan keperluan akreditasi pembekal dan menentukan keperluan program operasi. Ini menghasilkan pendekatan yang standard untuk jaminan kualiti dan mengurangkan pertindihan dalam pengauditan industri aeroangkasa. Pada masa ini, hanya segelintir syarikat di Malaysia yang mampu menawarkan proses penyalutan yang disahkan oleh NADCAP. Terdapat peningkatan dalam pelaburan diluluskan berjumlah RM59.2 juta menerusi tiga projek untuk melaksanakan proses sekunder atau penyalutan terpilih untuk industri aeroangkasa. Ini selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadi Negara Aeroangkasa No. 1 di Asia Tenggara menjelang tahun 2030; seperti yang digariskan dalam Blueprint Aeroangkasa Negara (2015-2030). Aeroangkasa juga telah dikenal pasti sebagai bidang pertumbuhan tinggi dalam sektor perkilangan dalam RMK-11.

Industri sokongan kejuruteraan berterusan menjadi sektor yang penting, berdasarkan sebilangan besar pelaburan berkualiti yang diluluskan dalam industri tersebut pada tahun 2015. Projek-projek yang diluluskan menunjukkan bahawa industri ini sedang bergerak ke arah pengeluaran produk berteknologi dan bernilai ditambah tinggi. Mod pelaburan tanpa ekuiti kini menjadi trend yang semakin meningkat dan

industri kejuruteraan sokongan Malaysia sedang bersiap sedia untuk menjadi pusat setempat dengan menawarkan penyelesaian kepada pelanggan melalui proses pengilangan menyeluruh. Pembangunan masa hadapan industri sokongan kejuruteraan akan tertumpu kepada pengukuhan perkhidmatan dan peningkatan keupayaan serta kualiti pengeluaran bagi menawarkan penyelesaian secara menyeluruh.

Industri ini sedang menuju ke arah persijilan antarabangsa bagi membekalkan alat ganti dan komponen dalam industri minyak dan gas, aeroangkasa, perubatan dan solar/fotovoltaik. Selaras dengan perkembangan pesat pasaran penyumberan luar global, Malaysia perlu melatih lebih banyak pembekal penyelesaian pengilangan menyeluruh untuk mendapat tempat

dalam pasaran penyumberan luar global, terutamanya dari industri berteknologi tinggi. Syarikat-syarikat Malaysia perlu bergabung untuk menjadi lebih besar dalam menyediakan penyelesaian bagi menyokong pertumbuhan sektor perkilangan di Malaysia yang bergerak ke arah industri yang berteknologi tinggi, berintensifkan modal dan bernilai ditambah tinggi.

Produk Logam Asas

Industri besi dan keluli di Malaysia memainkan peranan utama dalam pembangunan sektor perkilangan dan pembinaan. Industri ini meliputi pengilangan produk logam asas seperti ferus (besi dan keluli iaitu keluli karbon dan keluli aloi) dan bukan ferus (aluminium, timah, tembaga, zink, plumbum dan lain-lain) serta produk logam fabrikasi. Secara umum, industri ini boleh dikategorikan kepada dua subsektor utama iaitu:

- Produk panjang terdiri daripada bilet, *bloom*, keratan, bar dan rod dawai bagi produk hulu dan pertengahan; serta produk hiliran seperti jejaring dawai, dawai halus, bolt serta nat; dan
- Produk rata terdiri daripada kepingan, plat, *hot rolled coils* (HRC), *cold rolled coils* (CRC), lembar dan gegelung tergalvani bagi produk hulu dan pertengahan; serta produk hiliran seperti paip, tiub, plat timah dan produk logam fabrikasi.

Majoriti penggunaan keluli ketara (*Apparent Steel Consumption, ASC*) di Malaysia tertumpu kepada produk panjang yang banyak digunakan dalam sektor pembinaan. Ini merangkumi kira-kira 69 peratus daripada jumlah penggunaan keluli di dalam negara. Sektor automotif merupakan sektor pengguna kedua terbesar yang disusuli oleh sektor perumahan dan peralatan elektrik. ASC per kapita

dicatatkan sebanyak 339 kg pada tahun 2015. Sementara kadar pertumbuhan tahunan bagi permintaan keluli dijangka akan mencapai empat peratus bagi tahun 2016 sehingga 2018.

Selaras dengan cadangan-cadangan projek bagi sektor pembinaan yang digariskan dalam Bajet 2016, ASC di Malaysia dijangka akan meningkat kepada 11 juta tan metrik pada tahun 2016 berbanding 10.4 juta tan metrik pada tahun 2015. Pada masa ini, industri besi dan keluli di Malaysia masih berhadapan persaingan sengit dengan keluaran import yang lebih murah, terutamanya dari China. Kemasukan keluli import yang murah berpunca daripada lebih penawaran di China yang menyumbang penurunan harga keluli dan lambakan dalam pasaran ASEAN. Selain dari itu, kilang-kilang keluli tempatan masih beroperasi di bawah kapasiti pengeluaran dan belum mencapai skala ekonomi.

Minat pelaburan asing didorong oleh dasar liberalisasi dalam pemilikan ekuiti dan sokongan Kerajaan terhadap projek hijau dan berteknologi tinggi yang menggalakkan kecekapan tenaga, mengurangkan pelepasan karbon dan pengeluaran keluli yang berkualiti tinggi. Pemain industri besi dan keluli digalakkan untuk meningkatkan rantai nilai dengan beralih daripada teknologi *scrap-based* ke arah teknologi bahan mentah alternatif seperti HBI, DRI atau *virgin ore* bagi membolehkan pengeluaran gred keluli yang lebih tinggi untuk menyokong industri perkilangan berteknologi tinggi seperti automotif, jentera, minyak dan gas serta E&E.





Malaysia berada di kedudukan keempat dalam ASEAN sebagai pengeluar terbesar dengan jumlah pengeluaran sebanyak 4.7 juta MT. Thailand merupakan pengeluar terbesar dengan jumlah pengeluaran sebanyak 6.8 juta MT diikuti oleh Indonesia (6.4 juta MT) dan Vietnam (5.6 juta MT) bagi tempoh yang sama. Dari segi ASC, Malaysia mengekalkan kedudukan di tempat keempat sebagai pengguna keluli terbesar sebanyak 10 juta MT. Thailand juga kekal di tempat teratas (17.3 juta MT), diikuti oleh Vietnam (14.4 juta MT) dan Indonesia (12.8 juta MT).

Pada tahun 2014, pengeluaran keluli mentah negara-negara di Asia Tenggara mencatatkan penurunan sebanyak 48 peratus kepada 21 juta MT pada tahun 2014 berbanding 40 juta MT pada tahun 2013. Manakala

ASC produk keluli meningkat sedikit sebanyak 4 peratus kepada 84 juta MT daripada 81 juta MT pada tahun 2013. Masih terdapat banyak potensi untuk meningkatkan perdagangan intra-ASEAN bagi keluli, di mana loji keluli tempatan digalakkan untuk meningkatkan rantai nilai bagi mengeluarkan gred produk yang lebih tinggi dan material keluli khas untuk menampung aktiviti pengilangan berteknologi tinggi dalam bidang E&E, minyak dan gas, automotif, M&E, aeroangkasa dan lain-lain.

Industri besi dan keluli akan kekal sebagai salah satu komponen utama untuk menyokong pertumbuhan ekonomi di Malaysia secara keseluruhan memandangkan industri ini merupakan ejen yang diperlukan oleh pelbagai aktiviti ekonomi seperti industri perkilangan dan pembinaan

yang berkemampuan untuk menjana dan membentuk agenda pembangunan negara. Dasar-dasar sokongan juga telah dikuat kuasakan untuk merangsang industri, di mana mulai 1 Julai 2015 kelulusan projek hulu baharu, pembesaran dan pelbagaian dikehendaki untuk menerapkan elemen yang berteknologi tinggi serta ciri-ciri bernilai ditambah lebih tinggi, mesra alam sekitar dan berkecekapan tenaga.

Duti import bagi produk rata telah dikurangkan daripada 50 peratus kepada 15 peratus, di mana pengurangan seterusnya di antara sifar ke 10 peratus menjelang tahun 2021 akan membantu untuk membangunkan industri fabrikasi tempatan dan mendorong permintaan terhadap keluli. Standard mandatori untuk produk panjang dan rata serta

syarat bagi Sijil Kelulusan telah diperkenalkan untuk menghalang produk tidak bermutu daripada memasuki negara. Pelaksanaan Akta CIDB (Pindaan) 2011 (Akta 520) yang berkuat kuasa mulai 1 Jun 2015 akan memastikan isu-isu berhubung kualiti dan keselamatan dapat dibendung. Tindakan anti-lambakan, timbal balas dan perlindungan merupakan beberapa instrumen penyelesaian perdagangan untuk melindungi dan mempertahankan kepentingan industri keluli tempatan daripada amalan perdagangan yang tidak adil.

Pada tahun 2015, sebanyak 59 projek telah diluluskan dengan pelaburan bernilai RM5.0 bilion, di mana 46 projek merupakan produk logam asas dan 13 projek adalah produk fabrikasi logam. Daripada jumlah ini, pelaburan asing mencatatkan jumlah sebanyak RM2.9 bilion (58%) manakala pelaburan domestik RM1.8 bilion (42%). Projek ini dijangka akan menjana sebanyak 5,654 peluang pekerjaan.

Pada tahun 2015, terdapat 46 projek diluluskan yang melibatkan pengilangan produk logam asas dengan pelaburan sebanyak RM4.7 bilion. Daripada jumlah ini, 27 adalah projek baharu dengan pelaburan berjumlah RM3.8 bilion manakala 19 adalah projek pembesaran/ pelbagaian dengan pelaburan sebanyak RM961 juta. Pelaburan asing mencatatkan jumlah RM2.9 bilion (62%) berbanding pelaburan tempatan RM1.8 bilion (38%).

Daripada 46 projek yang diluluskan, lima adalah bagi pengeluaran produk hulu

(RM152 juta - ingot dan bilet), enam projek bagi produk pertengahan (RM3.4 bilion – *narrow strips* dan bar), 23 bagi produk hiliran (RM739 juta - paip, tin aluminium), dan 12 bakinya adalah penubuhan pusat perkhidmatan keluli. Penyertaan pelaburan tempatan didapati menyerlah dalam aktiviti produk hiliran dan pusat perkhidmatan keluli di mana 90 peratus daripada projek-projek ini merupakan milik majoriti rakyat Malaysia.

Di antara projek penting yang diluluskan pada tahun 2015 adalah projek baharu milik majoriti rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM2.7 bilion untuk mengeluarkan *hot-rolled narrow strips* yang berpotensi untuk menawarkan peluang pekerjaan kepada 1,545 orang. Projek bersepadu dari China ini akan menggunakan teknologi relau bagas untuk menghasilkan *hot-rolled coils* yang bergred lebih tinggi untuk menyokong pengeluaran paip dalam industri minyak dan gas. Kira-kira 80 peratus daripada pengeluaran akan dieksport dan projek ini

dijangka akan melengkapkan lagi ekosistem industri produk rata. Selain itu, satu projek pelbagaian melibatkan syarikat milik majoriti rakyat Malaysia akan mengeluarkan rod dawai keluli dalam industri hulu bagi pengeluaran bilet serta industri hiliran bagi pengeluaran *deformed bar*. Pelaburan tambahan sebanyak RM147 juta ini akan menjadikan syarikat salah satu daripada pengeluar bersepadu bagi produk panjang.

Satu lagi projek pembesaran yang signifikan adalah projek milik rakyat Malaysia yang sedang mengeluarkan pelbagai produk tin aluminium seperti tin bagi makanan kering, konfeksi, minyak makan, makanan terproses dan lain-lain. Syarikat merancang untuk mengeluarkan dua jenis tin minuman aluminium dengan tambahan pelaburan sebanyak RM217 juta. Pembesaran ini adalah selaras dengan aspirasi syarikat untuk menawarkan penyelesaian pembungkusan keseluruhan kepada industri makanan dan minuman di Malaysia.



Kerajaan sedang menggalakkan industri besi dan keluli untuk menerapkan teknologi terkini dan beralih ke arah pengeluaran produk besi dan keluli yang bergred lebih tinggi untuk menampung industri berteknologi tinggi seperti E&E, automotif, aeroangkasa, M&E serta minyak dan gas. Terdapat peluang pelaburan dalam keluaran logam bukan ferus memandangkan subsektor ini masih belum diterokai sepenuhnya. Sehingga kini kebanyakan pelaburan dalam subsektor ini tertumpu kepada produk hiliran aluminium, timah dan tembaga.



Produk Logam Fabrikasi

Aktiviti fabrikasi logam boleh diklasifikasikan kepada empat kategori: fabrikasi untuk industri minyak dan gas pesisir/luar pesisir; fabrikasi untuk bangunan dan pembinaan awam; fabrikasi untuk loji pemprosesan/pengilangan dan jentera perindustrian; serta fabrikasi struktur dan komponen kelengkapan.

Syarikat-syarikat tempatan menjalankan fabrikasi untuk industri minyak dan gas pesisir/luar pesisir yang merangkumi kerja-kerja fabrikasi untuk keperluan platform bagi penggerudian minyak luar pesisir seperti jaket, modul pengeluaran,

dek platform, modul penginapan, barisan paip dan spool serta aktiviti berkaitan industri pesisir seperti loji penapisan petroleum, loji petrokimia dan kemudahan penyimpanan.

Dalam kategori fabrikasi bangunan dan pembinaan awam, syarikat-syarikat tempatan mereka bentuk struktur besar bagi bangunan tinggi, jambatan, jejambat, menara transmisi dan kemudahan infrastruktur lain seperti pelabuhan dan lapangan terbang. Sementara bagi fabrikasi loji pengilangan dan pemprosesan pula, syarikat menjalankan projek turnkey untuk membina, memasang dan memulakan loji pemprosesan di Malaysia.

Bagi fabrikasi struktur dan komponen industri M&E, kebanyakan syarikat mempunyai keupayaan untuk membekalkan keperluan jentera & peralatan industri perkilangan tempatan. Industri juga meliputi produk fabrikasi logam yang lain seperti pengeluaran tangki, drum, kotak besi dan barangan rumah.

Sebanyak 13 projek telah diluluskan pada tahun 2015 yang melibatkan pelaburan bernilai RM200 juta. Pelaburan domestik mencatatkan jumlah sebanyak RM113 juta (57%), manakala pelaburan asing RM86 juta (43%). Daripada 13 projek ini, 10 adalah projek baharu dengan jumlah pelaburan bernilai RM143 juta serta 3 projek pembesaran/pelbagaian berjumlah RM56 juta. Projek-projek ini dijangka akan menjana sebanyak 867 peluang pekerjaan.

Industri logam fabrikasi semakin kukuh bertapak di Malaysia.

Dalam industri bangunan dan pembinaan, kebanyakan syarikat fabrikasi tempatan mula memperolehi permintaan dari luar negara. Hasilnya, beberapa syarikat fabrikasi tempatan mula memperolehi pengiktirafan antarabangsa dalam industri ini.

Tekstil dan Produk Tekstil

Industri tekstil dan produk tekstil di Malaysia merangkumi rangkaian luas aktiviti hulu dan hiliran dari pempolimeran ke pencelupan dan percetakan. Industri ini merupakan penyumbang eksport ke-10 terbesar negara pada tahun 2015 yang menyumbang kira-kira RM12.6 bilion kepada jumlah pengeluaran yang diekspor oleh Malaysia. Amerika Syarikat kekal sebagai pasaran eksport utama bagi produk tekstil Malaysia yang menyumbang 19 peratus daripada jumlah eksport industri diikuti oleh Jepun dan China.

Di sebalik kelembapan ekonomi global, diperhatikan bahawa kebanyakan projek yang diluluskan dalam industri tekstil dan produk tekstil pada tahun 2015 melibatkan aktiviti hulu yang berkualiti tinggi. Sebanyak empat projek bernilai RM25.3 juta telah diluluskan pada tahun 2015, di mana dua merupakan projek pembesaran/pelbagaian (RM9.2 juta) manakala selebihnya adalah projek baharu (RM16.1 juta). Daripada empat projek yang diluluskan, tiga adalah bagi pengeluaran tekstil hulu/utama dengan jumlah pelaburan bernilai RM17.1 juta dan satu projek pakaian siap bernilai RM8.2 juta.

Satu daripada projek berkualiti yang telah diluluskan merupakan

projek pembesaran oleh syarikat milik asing sepenuhnya untuk menghasilkan geotekstil bukan tenunan (*secutex*). Ia merupakan *needle-punched staple fibre* yang digunakan untuk tujuan pengasingan, penapisan, perlindungan dan penyaliran. Geotekstil *secutex* turut digunakan dalam pelbagai bidang kejuruteraan sivil seperti kejuruteraan hidraulik,


kejuruteraan tapak pelupusan serta pembinaan jalan raya dan terowong.

Di bawah RMK-11, pengeluar tekstil dan pakaian Malaysia akan beralih ke arah revolusi industri baharu yang memanfaatkan sistem pengilangan pintar dan mampan yang tertumpu kepada pembangunan tekstil teknikal, tekstil perubatan, tekstil pintar

dan pakaian pintar. Kerajaan Malaysia akan memberi tumpuan pada bidang pertumbuhan baharu yang meliputi *agrotech*, *builtech*, *clothtech*, *geotech*, *hometech*, *inductech*, *medtech*, *mobiltech*, *packtech*, *protech*, *sportech* dan *oekotech*.



Pelaburan Diluluskan Dalam Industri Produk Mineral Bukan Galian Mengikut Subsektor 2015



Produk Mineral Bukan Logam

Industri ini terdiri daripada produk mineral bukan logam seperti seramik, tanah liat, produk simen dan konkrit, produk kaca, kapur, barit, marmar, granit dan komponen *Industrialised Building System* (IBS).

Pada tahun 2015, sejumlah 25 projek dengan nilai pelaburan sebanyak RM3.7 bilion telah diluluskan dalam industri ini. Daripada jumlah ini, 18 projek merupakan projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM2.9 bilion, manakala 7 projek adalah pembesaran/pelbagaian bernilai RM779.4 juta. Kebanyakan pelaburan (62%) adalah dari sumber asing (RM2.3 bilion) dan selebihnya adalah sumber tempatan (RM1.4 bilion). Berdasarkan jumlah projek dan pelaburan ini, 10 projek adalah bagi mengeluarkan simen dan konkrit, enam komponen IBS, tujuh produk kaca dan dua produk seramik.



Berdasarkan statistik kelulusan, subsektor produk kaca menyumbang 85 peratus daripada jumlah pelaburan pada tahun 2015. Industri kaca dan produk kaca dijangka akan berkembang melibatkan kaca khusus/berfungsi seperti kaca emisi rendah serta kaca bersalut khas dan berprestasi tinggi bagi memenuhi peningkatan permintaan dalam industri pembinaan dan solar. Bidang pertumbuhan baharu adalah dalam pengeluaran gentian kaca dan kaca bersalut yang berfungsi sebagai produk penebat berkecekapan tenaga.

Antara projek terbesar dalam subsektor ini adalah dua projek kaca milik asing sepenuhnya dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1.4 bilion. Syarikat-syarikat ini merancang untuk mengeluarkan *float glass* berkualiti tinggi yang bercirikan jimat tenaga dan mesra alam yang akan digunakan dalam sektor senibina, automotif, kejuruteraan solar dan elektronik. Pengeluaran produk ini adalah selaras dengan Dasar Teknologi Hijau Kebangsaan untuk menggalakkan bahan binaan hijau yang berkecekapan

tenaga. Di samping itu, pelaksanaan projek-projek ini akan menyumbang pemindahan pengetahuan dan teknologi kepada rakyat Malaysia menerusi aktiviti R&D, latihan serta program vendor tempatan. Pengeluaran *float glass* dalam negara oleh dua pengeluar terbesar ini juga akan mengurangkan import secara beransur-ansur. Buat masa ini Malaysia mengimport 82 peratus permintaan *float glass* dalam negara. Manakala bagi kaca solar, syarikat dijangka akan mengeksport 80 peratus keluaran ke Amerika Syarikat, Australia dan Eropah.

Satu lagi projek pembesaran bernilai RM718 juta yang menonjol dalam industri ini adalah dari Nippon Electric Glass (NEG). Syarikat ini merancang untuk meningkatkan 17 peratus kapasiti pengeluaran gentian kaca yang terletak di Shah Alam, Selangor. NEG menawarkan kira-kira 30 peratus dalam syer pasaran global. Produk ini digunakan untuk memantapkan lagi resin berprestasi tinggi untuk kegunaan dalam kejuruteraan plastik dan alat ganti automotif. Menerusi peningkatan kapasiti, NEG akan meraih peluang untuk terus

mengembangkan perusahaan gentian kaca. Kira-kira 90 peratus daripada keluaran akan dieksport ke pasaran Eropah, Amerika Syarikat, China dan Republik Korea.

Penggunaan IBS sebagai sebahagian daripada komponen pasang siap menunjukkan usaha pemodenan dan industrialisasi dalam sektor pembinaan. Industri pembinaan Malaysia telah menikmati pertumbuhan dua angka sejak beberapa tahun lalu dan dijangka akan mencapai pertumbuhan 10.3 peratus di bawah Rancangan Malaysia ke-11. Inisiatif baharu telah diumumkan oleh Kerajaan baru-baru ini semasa pembentangan Bajet 2016 untuk meningkatkan penggunaan IBS di Malaysia. Di antara inisiatif yang diumumkan adalah penetapan mandatori ke atas projek pembinaan swasta bernilai RM50 juta ke atas untuk mencapai sekurang-kurangnya 50 skor IBS, pelaksanaan penyelarasan modular sebagai standard kepada reka bentuk projek-projek IBS (MS 1064), penghapusan duti import ke atas jentera dan kelengkapan berat untuk projek-projek IBS, peningkatan kadar levi bagi pekerja asing tidak mahir, penetapan mandatori *Deed of Assignment* bagi projek-projek persekutuan yang dilaksanakan melalui kaedah IBS, penerapan modul IBS dalam silibus pembelajaran di Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), syarat pengkhususan IBS dalam iklan tender untuk projek IBS Kerajaan serta pengecualian daripada melaksanakan kaedah IBS dalam projek Kerajaan (kawasan terpencil, nilai projek kurang RM10 juta dan projek pengubahsuaian).

MIDA memberi tumpuan terhadap aktiviti hulu yang dijalankan oleh pengilang IBS untuk mengeluarkan bahan, alat ganti dan komponen serta proses bersepadu dalam rantai bekalan. Kebanyakan kontraktor IBS yang berjaya memiliki keupayaan untuk mengilang dan merekabentuk secara dalaman. Kontraktor-kontraktor ini turut melabur atau merekacipta sistem yang menjadikan mereka tidak terikat dengan pengilang sedia ada. Kebanyakannya mencari peluang untuk bekerjasama dengan syarikat IBS asing bagi tujuan penambahbaikan menerusi perolehan teknologi baharu, di mana usahasama ini turut digalakkan oleh MIDA.

Melangkah ke hadapan, Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) telah diperkenalkan oleh Kerajaan dengan objektif untuk mengubah industri pembinaan Malaysia menjadi industri yang lebih moden, produktif dan mampan untuk menikmati pertumbuhan berterusan dan membolehkan syarikat-syarikat Malaysia bersaing di dalam dan luar negara. CITP akan memacu era kemajuan dan pertumbuhan dalam industri ini di sepanjang tahun 2016- 2020.

Peranti Perubatan

Industri peranti perubatan di Malaysia menawarkan pelbagai rangkaian produk yang luas merangkumi sarung tangan perubatan, peranti implan, peranti ortopedik, mesin dialisis serta perkakasan pengimejan diagnostik yang meminimalkan penggunaan peralatan pembedahan invasif untuk kegunaan perubatan, pembedahan, pergigian, optikal dan kesihatan umum.



Sehingga kini, industri peranti perubatan di Malaysia terdiri daripada lebih 190 buah syarikat yang didominasi oleh syarikat bersaiz kecil dan sederhana. Industri ini merangkumi produk yang bernilai ditambah tinggi dan berteknologi termaju seperti perentak jantung, *stents*, peranti implan ortopedik serta peranti elektromedikal, terapeutik dan pemantauan. Lebih daripada 20 syarikat multinasional telah memilih Malaysia sebagai lokasi luar pesisir untuk perkilangan dan perkhidmatan operasi yang berkaitan.

Pada Jun 2015, Kerajaan telah mengumumkan bahawa subsektor peranti perubatan dikenal pasti sebagai salah satu subsektor berpotensi tinggi untuk dibangunkan di bawah RMK-11. Industri ini juga telah ditetapkan sebagai salah satu bidang pertumbuhan di bawah NKEA-Penjagaan Kesihatan dan disasarkan akan memberi impak

yang besar kepada ekonomi Malaysia. Kerajaan juga telah menetapkan lapan Projek Permulaan (EPP) bagi subsektor peranti perubatan di bawah NKEA-Penjagaan Kesihatan.

Terdapat lebih daripada 46,000 peluang pekerjaan telah dipenuhi dalam industri ini, di mana sebahagian besarnya adalah dalam peringkat pengurusan, profesional, penyeliaan dan kakitangan teknikal.

Pada tahun 2015, sebanyak 30 projek dengan nilai pelaburan sebanyak RM1.8 bilion telah diluluskan. Daripada jumlah ini, 16 adalah projek baharu yang mencatatkan pelaburan bernilai RM1.4 bilion dan 14 projek pembesaran/pelbagaian berjumlah RM355.4 juta. Pelaburan asing menyumbang nilai sebanyak RM1.2 bilion (66.3%) manakala pelaburan domestik RM603.2 juta (33.7%). Projek-projek ini dijangka akan

menjana sebanyak 7,872 peluang pekerjaan. Daripada 30 projek yang diluluskan ini, 25 projek (83%) yang menyumbang pelaburan sebanyak RM742.2 juta adalah untuk mengeluarkan peranti perubatan selain sarung tangan perubatan. Kebanyakan projek-projek ini adalah untuk mengeluarkan produk bermutu dan bernilai ditambah yang tinggi.

Antara projek penting yang diluluskan adalah:

- Satu projek baharu oleh syarikat milik majoriti rakyat Malaysia untuk mengeluarkan kit pembedahan bio-scaffold, *bio-scaffold salinan 3D* dan sel stem *regenerative implantable*. Projek ini merupakan yang pertama seumpamanya ditubuhkan di Malaysia melibatkan pelaburan sebanyak RM128.3 juta. Kira-kira 128 pekerjaan akan diwujudkan di mana 77.3 peratus adalah dalam bidang sains dan teknikal (S&T).
- Satu projek baharu dengan pelaburan bernilai RM121.5 juta oleh syarikat milik asing untuk mengeluarkan peralatan dan kelengkapan pembedahan, bekas steril, unit pembedahan elektro untuk pembedahan yang berfrekuensi tinggi dan lampu bilik pembedahan. Syarikat ini merupakan salah satu daripada lima syarikat di dunia yang mengeluarkan segmen produk sebegini. Syarikat akan bekerjasama dengan universiti tempatan iaitu Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia dalam bidang pembangunan produk dan merancang untuk menubuhkan Pusat

Kecemerlangan (CoE) di Malaysia. Syarikat akan mengeksport 80 peratus daripada keluarannya ke Asia Pasifik, Eropah, Jepun, India dan China. Sebanyak 214 peluang pekerjaan akan diwujudkan di mana 19.6 peratus adalah dalam bidang S&T.

- Satu syarikat milik rakyat Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM51.3 juta untuk mengeluarkan *metered-dose inhaler* (MDI). Syarikat merancang untuk membangunkan kemudahan canggih untuk mengilang MDI yang mematuhi piawaian antarabangsa menerusi usahasama dengan pembekal teknologi antarabangsa. Projek ini akan mewujudkan sebanyak 127 peluang pekerjaan kepada pekerja yang berpendidikan dan

berkemahiran tinggi, di mana 59.8 peratus kakitangan adalah dalam bidang pengurusan, teknikal dan sains.

Projek-projek yang diluluskan ini merupakan bukti bahawa Malaysia semakin banyak meraih minat global di kalangan syarikat yang mengeluarkan peranti perubatan bernilai ditambah tinggi menerusi pelaburan modal dan R&D ke dalam negara. Kehadiran projek seumpama ini membuka peluang kepada negara untuk memupuk kumpulan bakat dalaman dengan meningkatkan keupayaan teknikal dalam R&D dan bidang pengilangan melalui pemindahan teknologi dan latihan di kalangan rakyat Malaysia.

Rentak inovasi dalam industri ini akan berterusan



mempercepatkan inovasi baharu dan pemain yang merevolusikan pembangunan produk, proses pengilangan dan model perniagaan. Contoh produk inovatif meliputi kombinasi produk/penumpuan teknologi produk seperti dadah dan biologik, elektronik, *Internet of Things* (IOT) dan Percetakan 3-D (*additive manufacturing*) yang digunakan sebagai gabungan dengan peranti perubatan.

Dengan penetapan peraturan di samping industri sokongan yang mantap serta sokongan dan inisiatif Kerajaan, industri peranti perubatan Malaysia akan menjadi lebih kukuh dan terus berkembang ke pasaran global.

Farmaseutikal

Farmaseutikal merupakan industri yang sedang berkembang di Malaysia yang mempunyai keupayaan untuk menghasilkan hampir kesemua bentuk dos, termasuk *sterile preparation*, suntikan dan *time-release medication*. Di antara syarikat tempatan yang terkemuka adalah Pharmaniaga, CCM Pharmaceuticals, Kotra Pharma, Hovid dan Xepa-Soul Pattinson serta beberapa syarikat pengilang milik asing yang terkenal seperti Y.S.P. Industries, GlaxoSmithKline (GSK) dan Ranbaxy. Syarikat-syarikat ini kebanyakannya tertumpu pada dadah-dadah generik terutamanya antibiotik, ubat penahan sakit serta suplemen dan suntikan kesihatan.

Malaysia merupakan ahli *The Pharmaceutical Inspection Convention and Pharmaceutical Inspection Cooperation Scheme* (PIC/S). Oleh itu,

produk farmaseutikal keluaran tempatan diterima secara meluas di peringkat global, terutamanya di kalangan negara-negara anggota PIC/S lain yang menyumbang kepada pertumbuhan pasaran yang signifikan.

Sehingga November 2015, sebanyak 264 kemudahan telah dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (DCA), Kementerian Kesihatan Malaysia dalam kategori perubatan tradisional - 178 (67%), farmaseutikal - 77 (29%) dan produk veterinar - 9 (4%). Sebanyak 24,030 produk farmaseutikal telah didaftarkan di DCA, yang menunjukkan peningkatan ketara dalam bilangan pendaftaran produk yang meliputi tradisional (50%), preskripsi (28%), bukan preskripsi (17%), suplemen kesihatan (3%) dan perubatan veterinar (2%).

Sebanyak 12 projek dengan pelaburan sebanyak RM939.7 juta telah diluluskan pada tahun 2015. Projek-projek ini didominasi pelaburan domestik berjumlah RM563.9 juta (60%) dan pelaburan asing sebanyak RM375.8 juta (40%). Daripada 12 projek yang diluluskan, empat daripadanya adalah projek baharu dengan nilai pelaburan RM329.9 juta (35%) dan lapan projek pembesaran/ pelbagaian RM609.8 juta (65%). Projek-projek yang diluluskan dijangka akan menjana sebanyak 447 peluang pekerjaan.

Antara projek penting yang diluluskan adalah:

- Satu syarikat milik asing dengan pelaburan berjumlah RM249.8 juta bagi menjalankan penyelidikan,

pembangunan dan pengilangan *oral solid dosage, lyophilized and liquid injectables* untuk produk onkologi. Projek ini dijangka akan menjana sebanyak 128 peluang pekerjaan tambahan, di mana 70 peratus daripadanya adalah dalam bidang sains dan teknikal. Produk onkologi yang akan mematuhi standard Eropah dan US FDA ini dijangka akan menyumbang lebih RM100 juta kepada eksport Malaysia dalam tempoh lima tahun pertama pengeluarannya. Projek ini berpotensi untuk menyumbang secara signifikan untuk mengukuhkan ekosistem ubat onkologi dan Bahan Farmaseutikal Aktif (*Active Pharmaceutical Ingredients, API*) di Malaysia dengan memanfaatkan kepakaran syarikat dalam formulasi, pembangunan dan pengeluaran API yang kompleks dan berkualiti.

- Satu projek milik rakyat Malaysia dengan jumlah pelaburan sebanyak RM135 juta untuk menjalankan pembangunan, pengilangan dan pengkomersilan produk biosimilar. Syarikat menjalinkan usahasama dengan syarikat biofarmaseutikal asing dan telah mendapatkan hak untuk menjalankan pembangunan, pengilangan dan pengkomersilan empat produk biosimilar di ASEAN. Projek ini menjadi lambang keupayaan syarikat tempatan untuk mengeluarkan produk biofarmaseutikal termaju melalui penyelidikan dan pembangunan dalaman. Projek ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 33 peluang pekerjaan

kepada rakyat Malaysia di dalam pelbagai bidang disiplin biofarmaseutikal.

Projek-projek yang diluluskan ini merupakan pencapaian utama dalam ekosistem farmaseutikal Malaysia bagi menghasilkan produk farmaseutikal yang lebih sofistikated dan bernilai ditambah tinggi. Pelaburan yang diluluskan pada tahun 2015 mencerminkan usaha Kerajaan ke arah mencapai objektif untuk meningkatkan produktiviti dan pertumbuhan mampan dalam produk farmaseutikal yang bernilai ditambah tinggi dan menjadi pengganti import di Malaysia.

Di antara fokus utama dalam produk farmaseutikal bernilai ditambah tinggi adalah biofarmaseutikal. Syarikat farmaseutikal yang telah bertapak kini sedang memberi tumpuan kepada biofarmaseutikal kerana terdapat potensi permintaan yang besar di peringkat global. Bilangan permohonan paten pada setiap tahun didapati semakin meningkat pada kadar 25 peratus, di mana lebih daripada 1,500 biomolekul sedang menjalani ujian klinikal. Potensi produk farmaseutikal *niche* yang mengandungi rumusan unik atau menggunakan bahan istimewa seperti *orphan drug*, ubat onkologi, ubat penyakit tropikal dan *targeted drug deliveries* dijangka akan mewujudkan segmen pasaran yang signifikan.

Kerajaan telah memperluaskan skop EPP3-Farmaseutikal Malaysia dengan melibatkan aktiviti pengilangan biofarmaseutikal yang terdiri daripada biologik dan vaksin serta produk *over-the-counter* (OTC). Kerajaan juga

menggalakkan jalinan kukuh di antara syarikat tempatan dan multinasional menerusi usahasama kontrak pengilangan ke arah akses pasaran yang lebih besar. Melalui usaha bersepadu Kerajaan, industri dan pihak-pihak berkepentingan yang lain, Malaysia bersedia untuk menjadi peneraju terkemuka dalam industri farmaseutikal.

Industri Bioteknologi

Penglibatan Malaysia dalam industri bioteknologi bukan sesuatu yang baharu, di mana negara telah berkembang dari bioteknologi pertanian konvensional kepada produk yang bernilai ditambah tinggi serta pemprosesan kompleks seperti biosimilar, penemuan dadah, saringan molekul dan sel stem. Pada tahun 2020, sumbangan bioekonomi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara dijangka akan menyumbang di antara lapan sehingga 10 peratus.

Sebagai negara pertama di Asia Tenggara yang melancarkan inisiatif bioekonomi, Malaysia menyediakan platform yang efektif dan kondusif untuk industri berasaskan bio menyumbang secara positif kepada agenda pembangunan mampan Malaysia, menambahbaik daya saing industri, menggalakkan perkongsian awam-swasta dan menawarkan faedah sosio-ekonomi kepada negara.

Sehingga Disember 2015, sebanyak 271 syarikat telah dianugerahkan status Bionexus oleh Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp) dengan pelaburan sebanyak RM6.6 bilion dan mewujudkan

10,770 pekerjaan. Subsektor yang tertinggi adalah bio-pertanian (62.9%) diikuti oleh bio-industri (25.5%) dan bio-perubatan (11.6%). Kebanyakan syarikat ini terlibat dalam penemuan dadah, bio-material, bio-kimia, saringan dan diagnostik molekul, *bio-based farm inputs* dan variasi makanan bernilai tinggi.

Pada tahun 2015, sejumlah 26 projek bioteknologi menerima status BioNexus, di mana tiga projek telah diluluskan Lesen Pengilang di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1.7 bilion. Pelaburan baharu dalam sektor bioteknologi terus berkembang di mana peratusan terbesar disumbangkan oleh sumber domestik dengan pelaburan berjumlah RM1.5 bilion (89.9%). Manakala pelaburan asing menyumbang RM176 juta (10.1%) daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2015. Projek-projek yang diluluskan ini akan mewujudkan sebanyak 1,747 peluang pekerjaan.

Antara projek penting yang diluluskan adalah:

Satu projek baharu milik rakyat Malaysia sepenuhnya dengan pelaburan bernilai RM1 bilion di bawah Projek Transformasi Bioekonomi (BTP) yang menyumbang syer besar pelaburan bagi pengkomersilan undang menggunakan elemen bioteknologi. Projek bersepadu ini meliputi R&D, pusat penetasan, pusat pembesaran, kilang pemprosesan dan kilang makanan yang terletak di Sabah dan dijangka akan mewujudkan sebanyak 591 peluang pekerjaan.



Sektor bioteknologi di Malaysia juga menyaksikan kemasukan projek milik rakyat asing bernilai RM60 juta oleh pengeluar dan pengedar terapi selular terkemuka di Asia Pasifik. Projek yang dijangka menawarkan 60 peluang pekerjaan ini akan melibatkan penubuhan kemudahan perkilangan termaju untuk terapi selular di Malaysia dan berkeupayaan untuk memenuhi standard pengilangan cGMP dan PIC/S antarabangsa yang terbaharu dan menyediakan terapi inovatif kepada pesakit di seluruh rantau Asia Pasifik.

Satu lagi projek yang signifikan adalah pelaburan bernilai RM27.8 juta untuk mengkomersilkan kit diagnostik molekular minyak sawit yang menyediakan kaedah tepat dan jitu untuk menentukan bentuk buah sawit dari anak benih atau *field planted palm* sebelum penanaman atau pemuahan. Projek yang

merupakan usahasama syarikat dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia ini membolehkan penanam dan peladang untuk mengurus dan merangsang hasil minyak sawit yang lebih baik serta menjimatkan sumber berharga dan kawasan penanaman.

Pelaburan tempatan dan asing yang baharu ini menunjukkan minat dan kesungguhan Kerajaan dalam pembangunan bioteknologi. Syarikat-syarikat yang telah memilih untuk melabur di Malaysia menjelaskan bahawa pemilihan tersebut dipengaruhi oleh ketersediaan bio-sumber dan infrastruktur sokongan bagi R&D syarikat seterusnya. Limpahan sumber semula jadi seperti minyak sawit dan sekam padi menyediakan platform buat Malaysia untuk mengambil kesempatan ke atas sisa-sisa ini dengan memanfaatkannya ke dalam pemrosesan hiran yang bernilai lebih tinggi untuk membantu mewujudkan faedah sosio-ekonomi kepada negara.

Malaysia merupakan hab pengilangan yang ideal untuk memenuhi permintaan Asia bersandarkan rangkaian logistik yang cemerlang, rangka peraturan yang teratur mengikut piawaian PIC/S serta kesungguhan komitmen Kerajaan dalam pembangunan tenaga kerja bio-industri.

Evolusi ekonomi Malaysia ke arah ekonomi berasaskan bio akan menjadi PEMACU PERUBAHAN buat Malaysia dalam menangani keperluan ekonomi semasa, untuk menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi, menawarkan peluang pekerjaan dan meningkatkan daya saing global.

Pertanian Dan Pemrosesan Makanan

Sektor pertanian meliputi aktiviti akuakultur dan perikanan marin, penanaman makanan, buah-buahan dan sayur-sayuran,

florikultur, penternakan ikan hiasan, penternakan haiwan ruminan dan apikultur. Penternakan, perikanan, buah-buahan dan sayur-sayuran adalah subsektor utama yang mempunyai hubungan signifikan dengan industri pemprosesan makanan di Malaysia.

Di bawah NKEA-Pertanian, Pendapatan Negara Kasar (PNK) dijangka akan melonjak sebanyak RM21.4 bilion melalui 16 Projek Permulaan (EPP) dan 11 peluang perniagaan. NKEA-Pertanian juga dijangka akan mewujudkan sebanyak 75,000 peluang pekerjaan yang kebanyakannya terletak di kawasan luar bandar bagi mencapai sasaran mengurangkan jurang pendapatan di antara penduduk bandar dan luar bandar. Tumpuan adalah untuk mengubah sektor tradisional yang berskala kecil dan berasaskan penghasilan kepada industri perniagaan agro berskala besar yang menyumbang kepada pertumbuhan dan kemampanan ekonomi.

Subsektor ini merangkumi setiap aktiviti bernilai tambah yang memanfaatkan produk pertanian atau hortikultur. Transformasi dalam industri makanan dari pemprosesan konvensional kepada pemprosesan yang menggunakan teknologi baharu muncul adalah selaras dengan pembangunan industri di peringkat global.

Pada tahun 2015, sejumlah 27 projek pertanian yang telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM261.2 juta berbanding RM250.5 juta pada tahun 2014 (29 projek). Berdasarkan projek yang diluluskan ini, 15 merupakan

projek baharu dan 12 adalah projek pembesaran/pelbagaian. Pelaburan domestik mencatatkan RM261 juta (99.9%) manakala pelaburan asing RM0.2 juta (0.1%).

Projek-projek yang diluluskan adalah dalam subsektor akuakultur, penternakan ayam/itik dan daging serta penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran.

Antara projek utama yang diluluskan ialah:


- Satu projek baharu oleh sebuah anak syarikat milik rakyat Malaysia sepenuhnya dengan pelaburan sebanyak RM151.7 juta untuk menjalankan aktiviti akuakultur penternakan udang, pemprosesan udang dan juga perikanan laut dalam di Pahang.

- Satu projek pembesaran oleh syarikat milik rakyat Malaysia sepenuhnya dengan pelaburan bernilai RM45.4 juta untuk menjalankan aktiviti penternakan haiwan ruminan bersepadu di Sabah.

Subsektor pemprosesan makanan merangkumi keseluruhan aktiviti bernilai ditambah yang menggunakan produk pertanian atau hortikultur. Transformasi dalam industri makanan dari pemprosesan konvensional ke pemprosesan melibatkan teknologi baharu muncul adalah selaras dengan pembangunan industri ini di peringkat global.

Pada tahun 2015, nilai import makanan mencatatkan jumlah sebanyak RM17.8 bilion. Kebanyakan produk yang diimport adalah produk boleh dimakan dan produk penyediaan

Pelaburan Diluluskan Dalam Industri Pemprosesan Makanan Mengikut Subsektor 2015



(RM5.2 bilion), produk tenusu (RM3.5 bilion), gula & konfeksi gula (RM3.4 bilion), sayur-sayuran dan buah-buahan (RM1.8 bilion) dan koko dan penyediaan koko (RM1.5 bilion). Jumlah eksport makanan pula berjumlah RM18.0 bilion pada tahun 2015. Di antara produk utama yang dieksport adalah produk boleh dimakan dan produk penyediaan (RM5.6 bilion), koko dan penyediaan koko (RM4.1 bilion), bijirin dan tepung (RM2.8 bilion), produk tenusu (RM1.4 bilion) dan marjerin dan lemak makanan (RM1.1 bilion).

Kerajaan telah memilih industri makanan sebagai subsektor ketujuh yang menjadi sebahagian daripada Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) iaitu tambahan kepada enam NKRA sedia ada. Ini adalah untuk menangani isu kenaikan kos sara hidup, di mana peningkatan harga makanan di peringkat global kini menjejaskan negara-negara di seluruh dunia. Untuk meringankan beban rakyat dan memastikan keselamatan dan sekuriti bekalan makanan, Kerajaan telah mengemukakan mekanisme kawalan harga bagi kebanyakan barangan makanan keperluan. NKRA baharu ini merangkumi makanan dan barangan keperluan lain yang berkaitan rantai bekalan.

Sebanyak 42 projek dengan nilai pelaburan sebanyak RM2.2 bilion telah diluluskan pada tahun 2015. Berdasarkan jumlah pelaburan yang diluluskan dalam subsektor pemrosesan makanan termasuk minuman dan tembakau ini, pelaburan domestik mencatatkan jumlah RM1.9 bilion (85.5%) dan pelaburan asing RM0.3 bilion (14.5%). Projek-projek ini dijangka akan menjana sebanyak 2,970 peluang pekerjaan tambahan.

Projek-projek yang diluluskan adalah bagi pengeluaran coklat dan konfeksi gula, produk berasaskan bijirin dan tepung, minuman, produk tenusu, produk makanan laut, bahan makanan, produk daging terproses dan produk makanan lain seperti produk madu, herba, rempah ratus dan lain-lain.

Antara projek-projek utama yang diluluskan ialah:

- Satu projek baharu oleh syarikat milik majoriti rakyat Malaysia dengan pelaburan bernilai RM1.3 bilion untuk mengeluarkan gula halus. Projek yang berkecekapan tenaga ini akan dilaksanakan dalam dua fasa dan dijangka akan menghasilkan 1-2 juta MT gula halus setahun di dalam negara untuk memenuhi permintaan tempatan.
- Satu projek baharu oleh syarikat milik asing sepenuhnya dengan pelaburan sebanyak RM22.8 juta untuk mengeluarkan pewarna makanan semulajadi yang halal. Syarikat mengkhusus dalam warna-warna semulajadi dan karamel untuk penggunaan dalam makanan dan minuman yang berasal dari sumber pertanian, biologiikal atau mineral

Produk Minyak Sawit

Industri produk minyak sawit terdiri daripada minyak sawit, minyak isirong sawit, oleokimia dan derivatif (termasuk biodiesel) serta produk daripada biomas sawit (termasuk penjaan tenaga). Industri minyak sawit Malaysia kekal sebagai salah satu industri terpenting negara yang merupakan penyumbang keempat terbesar kepada

ekonomi, di mana NKEA-Minyak Sawit menetapkan sasaran PNK untuk mencapai RM178 bilion pada tahun 2020.

Indonesia kekal sebagai pengeluar terbesar minyak sawit dunia manakala Malaysia merupakan salah satu daripada pengeksport terbesar. Negara pengguna utama minyak sawit adalah China, India dan Eropah. Sebagai salah satu daripada pengeluar dan pengeksport terbesar minyak sawit dan produk minyak sawit, Malaysia memainkan peranan yang penting sebagai pembekal minyak sawit untuk memenuhi keperluan global terhadap minyak dan lemak dengan mampan.

Berdasarkan Data MPOB 2015, pengeluaran minyak sawit mentah (*crude palm oil, CPO*) pada tahun 2015 berjumlah 19.9 juta tan, peningkatan sebanyak 1.0% daripada 19.7 juta tan pada tahun 2014. Pengeluaran minyak isirong sawit mentah dan kek isirong sawit masing-masing berjumlah 2.3 juta tan dan 2.5 juta tan (jumlah yang sama pada tahun 2014). Sabah, Sarawak dan Johor adalah pengeluar utama minyak sawit mentah. Kadar penggunaan loji minyak sawit dan penghancur isirong sawit adalah 90.0 peratus dan 67.8 peratus masing-masing, manakala loji penapis minyak kelapa mencatatkan 63.6 peratus dan oleokimia 84.5 peratus.

Pada tahun 2015, sebanyak 73 projek dengan pelaburan sebanyak RM2.2 bilion telah diluluskan untuk pengeluaran produk minyak sawit berbanding 49 projek dengan pelaburan RM5.6 bilion pada tahun 2014. Projek-projek ini meliputi pengeluaran produk minyak sawit dan isirong sawit, oleokimia,

produk daripada biomas sawit dan penjana tenaga dari biomas sawit. Pelaburan asing mencatatkan RM849.3 juta, manakala domestik pelaburan RM1.3 bilion. Subsektor oleokimia merekodkan pelaburan tertinggi dengan RM662.7 juta diikuti oleh projek penjana tenaga biomas sawit (RM543.9 juta), minyak sawit dan isirong sawit (RM543.7 juta) dan produk daripada biomas sawit (RM397.2 juta).

Minyak Sawit dan Minyak Isirong Sawit

Penapisan dan penghancuran adalah aktiviti utama dalam subsektor ini. Pada masa ini, terdapat 52 loji penapis dan 44 loji penghancur beroperasi dengan jumlah kapasiti masing-masing sebanyak 25.3 juta tan dan 7.0 juta tan setahun. Loji penapis memproses sebanyak 14.6 juta tan minyak sawit mentah dan 1.6 juta tan minyak isirong sawit mentah, manakala loji penghancur memproses 5.0 juta tan isirong sawit. Produk utama yang dihasilkan adalah olein sawit dan stearin yang ditapis, diluntur dan dinyahbau (*refined, bleached and deodorised*, RBD). Lain-lain produk termasuk produk marjerin, vanaspati dan lemak khusus.

Pada tahun 2015, 12 projek dengan pelaburan sebanyak RM543.7 juta telah diluluskan bagi produk minyak sawit dan minyak isirong sawit, di mana enam merupakan projek baharu dan enam lagi projek pembesaran/pelbagaian. Pelaburan asing berjumlah RM276.1 juta manakala pelaburan domestik RM267.6 juta.

Satu projek penting yang diluluskan adalah projek pembesaran syarikat milik rakyat Malaysia sepenuhnya

dengan pelaburan sebanyak RM27.3 juta untuk mengeluarkan bahan tambah makanan haiwan berasaskan sawit. Bahan tambah ini adalah produk sampingan daripada pemprosesan minyak dan lemak yang membekalkan nutrien tertentu yang bersesuaian dengan keperluan industri ternakan haiwan ruminan.

Biomass Sawit

Enam jenis minyak biomas sawit dikeluarkan sebagai produk sampingan daripada industri minyak sawit: pelepah kelapa sawit, batang kelapa sawit, tandan buah kosong, tempurung isirong sawit, gentian mesokarpa dan loji sisa buangan minyak sawit. Malaysia boleh memperolehi manfaat dari sumbangan tambahan sebanyak RM30 bilion kepada PNK dan peningkatan 66,000 pekerjaan menerusi penggunaan biomas dari industri minyak sawit bagi aktiviti hiliran yang bernilai ditambah lebih tinggi.

Dalam subsektor produk biomas sawit, 15 projek dengan pelaburan sebanyak RM397.2 juta telah diluluskan pada tahun 2015 berbanding 12 projek dengan pelaburan RM82.9 juta pada tahun 2014. Pelaburan domestik mencatatkan RM249.3 juta manakala pelaburan asing RM147.9 juta. Projek-projek yang diluluskan melibatkan penggunaan tandan buah kosong dan batang kelapa sawit untuk mengeluarkan pelet, pulpa dan briket.

Aktiviti penapisan dan penghancuran di Malaysia telah mencapai tahap matang dan tidak lagi dipromosikan sebagai bidang pertumbuhan. Walau bagaimanapun, terdapat peluang-peluang

signifikan dalam aktiviti hiliran yang menjana produk bernilai ditambah yang tinggi dalam subsektor biomas sawit. Sementara bagi aktiviti hulu, bidang pertumbuhan boleh didapati dalam produk berasaskan oleokimia serta makanan nutrisi dan bahan serta aktiviti R&D yang kebanyakannya melibatkan tahap teknologi tinggi.

Produk Oleokimia

Sebagai salah satu pengeluar oleokimia asas yang terbesar di dunia, peralihan Malaysia secara beransur-ansur ke arah pengeluaran derivatif oleokimia dan bahan kimia berasaskan bio yang bernilai ditambah tinggi menunjukkan kejayaan EPP6 di bawah NKEA-Minyak Sawit.

Limpahan bahan mentah tempatan dan ketersediaan pembangunan teknologi dalam industri oleokimia mendorong syarikat-syarikat untuk menghasilkan produk khusus berasaskan minyak sawit seperti surfaktan, bio-pelincir dan derivatif gliserol untuk industri kimia dan biodiesel hijau. Walaupun kemelesetan harga petrokimia semasa memberi kelebihan kepada produk berasaskan petro, produk oleokimia akan terus menarik minat dan permintaan sebagai bahan kimia hijau yang selamat dan mampan.

Pelaburan berjumlah RM662.7 juta telah diluluskan pada tahun 2015 bagi tujuh projek oleokimia yang dianggarkan akan menjana sebanyak 304 peluang pekerjaan baharu. Daripada tujuh projek diluluskan, dua adalah projek baharu. Lebih 62 peratus daripada pelaburan ini adalah daripada sumber asing (RM413.3



juta), manakala selebihnya merupakan daripada sumber domestik (RM249.4 juta).

Salah satu projek yang signifikan ialah projek minyak berasaskan biosintetik bernilai RM588 juta yang akan memanfaatkan derivatif minyak sawit bagi menghasilkan minyak asas untuk motor dan pelincir yang digunakan dalam pelbagai industri ringan dan berat. Ujian lapangan yang telah dilaksanakan oleh syarikat utama minyak dan pelincir motor membuktikan bahawa prestasi minyak berasaskan biosintetik adalah lebih baik berbanding pelincir berasaskan petroleum. Projek ini akan ditempatkan di Taman Kertih Biopolimer, Terengganu yang akan mewujudkan sebanyak 90 peluang pekerjaan berkemahiran

tinggi baharu. Usahasama ini dijangka akan membantu pertumbuhan segmen hilir sambil melindungi segmen hulu dari ketidakpastian harga komoditi.

Kimia dan Produk Kimia

Industri kimia dan produk kimia terdiri daripada subsektor kimia pertanian, gas perindustrian, bahan kimia bukan organik, cat, sabun dan detergen, kosmetik dan barang dandanan serta produk kimia lain-lain.

Industri kimia dan produk kimia merupakan salah satu daripada industri utama di Malaysia kerana berkait rapat dengan hampir setiap sektor lain dalam ekonomi. Kimia merupakan komponen utama dalam industri seperti

elektrik dan elektronik, automotif, minyak dan gas, farmaseutikal, pembinaan dan lain-lain. Pembangunan ekosistem industri kimia yang lebih efisien akan mengurangkan kebergantungan kepada bahan mentah kimia import, selain memberi manfaat kepada industri tempatan dari segi kualiti yang lebih baik dan memendekkan tempoh pengeluaran produk. Walau bagaimanapun, industri kimia perlu mengikuti arus perkembangan semasa dalam aspek teknologi, automasi, R&D dan kecekapan untuk kekal berdaya saing dalam pasaran global.

Pada tahun 2015, sejumlah 28 projek dengan pelaburan sebanyak RM877.2 juta telah diluluskan, di mana 14 merupakan projek baharu (RM573.9 juta) dan selebihnya adalah projek pembesaran/pelbagaian (RM303.3 juta). Pelaburan tempatan mencatatkan jumlah sebanyak RM221.4 juta (25.2%) manakala pelaburan asing RM655.8 juta (74.8%). Projek-projek yang diluluskan dijangka akan mewujudkan sebanyak 1,326 peluang pekerjaan baharu.

Projek utama oleh syarikat milik rakyat asing yang diluluskan pada tahun 2015 melibatkan satu projek baharu bagi mengeluarkan *synthetic zeolite* di Terengganu (RM379 juta) untuk menyokong pembangunan kluster pelbagai industri terutamanya automotif, kimia dan petrokimia. Projek ini akan menjadi yang pertama seumpamanya di Malaysia dan akan menyediakan sebanyak 87 peluang pekerjaan, di mana 62 peratus terdiri dalam kategori pengurusan, teknikal dan penyeliaan.


Produk Petroleum Termasuk Petrokimia

Industri petroleum dan petrokimia terdiri daripada tiga subsektor utama: gas asli, produk petroleum dan produk petrokimia.

Sejumlah 13 projek dengan pelaburan sebanyak RM37.4 juta telah diluluskan untuk mengeluarkan petroleum dan produk petrokimia pada tahun 2015, lebih tinggi daripada jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM15.9 bilion pada tahun 2014. Pelaburan tempatan yang berjumlah RM35.5 bilion (95%) membuktikan kejayaan inisiatif Kerajaan dalam meningkatkan pelaburan domestik. Projek-projek ini dianggarkan akan menjana sebanyak 1,989 peluang pekerjaan baharu.

Di sebalik kemerosotan dalam industri minyak dan gas, pertumbuhan industri petroleum dan petrokimia di Malaysia kekal positif, disebabkan oleh komitmen Kerajaan, persekitaran pelaburan yang menarik dan permintaan masa hadapan. Ketersediaan bahan mentah daripada projek-projek yang diluluskan ini akan memangkin pertumbuhan industri petrokimia di Malaysia bagi mengeluarkan produk petroleum premium dan kimia khusus, di samping menjana lebih banyak peluang pekerjaan yang berpendapatan lebih tinggi dan berintensifkan pengetahuan.

Tahun 2015 merekodkan satu lagi pencapaian utama dalam kemajuan Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan dan Petrokimia PETRONAS (*Refinery and Petrochemical Integrated Development, RAPID*) di Pengerang, Johor



Pelaburan diluluskan produk petroleum dan petrokimia

RM37.4 bilion

dengan penganugerahan pakej petrokimia: Pakej Kejuruteraan, Perolehan serta Pembinaan dan Permulaan (EPCC) bagi petrokimia untuk *Polypropylene* (PP), *Linear Low Density Polyethylene* (LLDPE), dan *Ethylene Oxide/Glycol Ethylene* (EO/EG). Projek RAPID kini berjalan seperti yang dijadualkan.

Malaysia juga telah mengukuhkan kedudukan dalam penarafan dunia sebagai pembekal gas asli cecair (LNG), di mana keretapi LNG baharu akan meningkatkan tambahan sebanyak 3.6 juta tan metrik setahun (MTPA) kepada kapasiti pengeluaran sedia ada sebanyak 25.7 juta MTPA oleh Kompleks PETRONAS LNG.

Produk Plastik

Industri produk plastik merupakan salah satu industri yang paling dinamik dan rancak dalam sektor perkilangan negara. Ketersediaan bekalan resin keluaran tempatan menyumbang kepada pertumbuhan penting industri yang menjadikannya salah satu sektor industri yang kukuh di Malaysia.

Subsektor plastik mencatatkan 43 projek yang diluluskan pada tahun 2015 dengan pelaburan bernilai RM911 juta. Daripada jumlah ini, 31 merupakan projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM570.9 juta, manakala selebihnya adalah projek pembesaran/pelbagaian bernilai RM340.1 juta. Sebanyak 22 projek yang diluluskan adalah syarikat milik rakyat Malaysia sepenuhnya (RM364 juta), 11 projek milik rakyat asing sepenuhnya (RM175.1 juta) dan baki 10 projek merupakan usahasama (RM371.9 juta). Peluang pekerjaan baharu sebanyak 3,863 dijangka akan dijana daripada projek subsektor plastik.

Dasar Kerajaan dan insentif yang kondusif berterusan akan dapat membangunkan industri plastik ke arah subsektor berkepelbagaian tinggi yang mengeluarkan variasi produk yang luas. Penekanan terhadap pelaburan dalam jentera baru dan automasi akan menyaksikan peningkatan dalam produktiviti di samping mengurangkan kebergantungan kepada buruh, terutamanya pekerja asing tidak mahir. Kerajaan telah memperkenalkan langkah baharu yang boleh membantu pengilang produk plastik bagi mengautomasikan proses pengeluaran untuk kekal berdaya saing dalam memasuki pasaran baharu yang tersedia menerusi perjanjian-perjanjian perdagangan bebas. Selain daripada itu, kejatuhan harga minyak memberi manfaat kepada pengilang produk plastik memandangkan kos bahan mentah dan tenaga yang lebih rendah akan menawarkan margin yang lebih baik.

Produk Getah

Industri produk getah boleh dikategorikan kepada produk susu getah, tayar dan produk berkaitan tayar serta produk getah industri dan umum. Industri ini merupakan salah satu industri yang kukuh di Malaysia, didominasi oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang sedang beralih ke arah produk getah yang bernilai ditambah dan berteknologi lebih tinggi.

Sebanyak 16 projek dengan pelaburan berjumlah RM143.4 juta telah diluluskan pada tahun 2015. Daripada projek-projek ini, 10 adalah projek baharu dengan jumlah pelaburan bernilai RM132.5 juta, manakala selebihnya merupakan projek pembesaran/pelbagaian yang mencatatkan pelaburan sebanyak RM10.9 juta. Lebih 81.3 peratus merupakan sumber domestik (RM116.6 juta) dan sumber asing menyumbang bakinya (RM26.8 juta). Sebanyak 10 projek yang diluluskan adalah syarikat milik rakyat Malaysia sepenuhnya (RM111.7 juta), dua projek adalah usahasama (RM7 juta) dan empat projek milik rakyat asing sepenuhnya (RM24.7 juta). Pelaburan ini banyak meliputi pengilangan pelbagai jenis tayar, tayar celup, produk getah 'hijau', kompaun getah, produk getah perindustrian dan umum serta kitar semula sisa tayar menjadi serbuk getah. Projek-projek ini dianggarkan akan menjana sebanyak 574 peluang pekerjaan baharu.

Penurunan harga getah asli global sejak tahun 2013 dan kelemahan ringgit memberi faedah kepada pengeluar getah kerana dapat menikmati



kos bahan mentah yang lebih rendah dan pulangan yang lebih baik daripada pasaran eksport memandangkan produk mereka dijual dalam matawang USD.

Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk melonjakkan industri produk getah dengan membangunkan Bandar Getah di Kedah. Bandar Getah ini akan menempatkan pengilang pemangkin utama yang mengkhusus kepada produk lateks dan getah khusus, produk getah berkejuruteraan tepat, produk getah 'hijau' dan lain-lain.

Kayu/Produk Kayu Dan Perabot

Sebahagian besar sektor berasaskan kayu di Malaysia dimiliki oleh rakyat tempatan, di mana kira-kira 87 peratus daripada syarikat terdiri daripada

pengilang kecil dan sederhana. Setelah bertahun-tahun, industri ini telah membangun dari industri pemprosesan primer kepada industri termaju yang menghasilkan sejumlah besar produk hiliran bernilai ditambah.

Pada tahun 2015, sebanyak 70 projek telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM902 juta, di mana 50 projek adalah pelaburan baharu bernilai RM641 juta dan 20 projek pembesaran/pelbagaian sebanyak RM261 juta. Pelaburan domestik mencatatkan RM654 juta manakala pelaburan asing RM248 juta. Projek ini dijangka akan menjana sebanyak 3,268 peluang pekerjaan.

Subsektor perabot merekodkan pelaburan tertinggi pada tahun 2015. Subsektor ini menarik


RM87 juta pelaburan menerusi 18 projek. Daripada jumlah ini, 12 adalah projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM72 juta, manakala baki adalah projek pembesaran/pelbagaian bernilai RM16 juta. Pelaburan domestik menyumbang RM61 juta, manakala pelaburan asing menyumbang baki bernilai RM26 juta.

Subsektor produk panel dan subsektor pertukangan kayu dan tanggam kemasan dan pembina masing-masing menarik enam dan tujuh projek yang diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM31 juta dan RM189 juta. Sebagai tambahan, 39 projek dengan pelaburan sebanyak RM595 juta telah diluluskan bagi pengilangan produk lain berasaskan kayu dan bahan seperti pelet kayu, kayu digergaji dan sisa pertanian.

Kertas, Percetakan Dan Penerbitan

Industri kertas, percetakan dan penerbitan merangkumi pengilangan pulpa, kertas, produk kertas serta aktiviti percetakan dan penerbitan. Subsektor kertas meliputi pengeluaran kertas *medium*, *test liner*, *newsprint*, kertas percetakan dan penulisan, kertas tisu, kertas colok dan juga kertas khas. Subsektor produk kertas pula terdiri daripada produk pembungkusan seperti karton beralun, pembungkusan dalaman dan bahan kusyen, label, pelekat dan lampin pakai buang. Sementara subsektor percetakan dan penerbitan pula termasuk semua material percetakan dan pembungkusan, buku, majalah, dokumen keselamatan, kad ucapan,

Pelaburan Diluluskan Dalam Industri Kertas, Percetakan dan Penerbitan Mengikut Subsektor 2015



kalender dan pelbagai aktiviti percetakan lain-lain. Kapasiti pengeluaran dalam industri kertas di Malaysia telah meningkat secara progresif. Terdapat 23 kilang kertas dengan kapasiti pengeluaran kira-kira 1.9 juta tan metrik setahun. Sisa kertas

merupakan bahan mentah utama yang digunakan oleh industri untuk menghasilkan produk kertas. Sehingga kini, industri ini telah menyediakan lebih daripada 5,000 peluang pekerjaan. Industri percetakan dan penerbitan domestik

kebanyakannya terdiri daripada pengeluar kecil dan sederhana yang berorientasikan pasaran tempatan. Pada masa ini terdapat kira-kira 1,000 syarikat yang kebanyakannya beroperasi melibatkan percetakan umum.

TEKNOLOGI BAHARU DAN BAHARU MUNCUL

Kilang-kilang boleh menjadi lebih pintar menerusi aplikasi alat yang digunakan bagi inisiatif *Industri 4.0* dan *Internet of Things (IOT)*. Kilang-kilang pintar akan meningkatkan produktiviti kakitangan, menambahbaik pengurusan tenaga, menganalisa prediktif penyelenggaraan, melaksanakan semakan inventori, mengkaji untuk meminimalkan masa ketergendalaan dan melaksanakan *integrated remote operation*. Fenomena IOT ini merupakan gelombang internet seterusnya yang berpotensi untuk memberi kesan positif kepada hampir setiap industri daripada pertanian kepada penjagaan kesihatan, serta melibatkan komuniti perniagaan dan masyarakat umum.

Kilang-kilang pintar akan menjadi lebih responsif terhadap permintaan pengguna dan beroperasi dalam keadaan yang lebih kos berkesan dengan memanfaatkan pemusatan teknologi seperti *big data analysis*, *cloud solutions*, *embedded system*, mobiliti dan kesalinghubungan rangkaian.

Sedang industri mencapai kemajuan dalam membangunkan dan memanfaatkan perkilangan pintar, beberapa cabaran yang melibatkan peraturan/pematuhan, kesediaan infrastruktur dan keperluan keselamatan siber perlu ditangani untuk memudahkan pemerolehan kompetensi, kapasiti dan peluang pasaran baharu di kalangan pemain industri di Malaysia agar kadar pertumbuhan yang lebih tinggi dalam IOT dapat dicapai.

Dalam era *disruptive technology* dan kreativiti yang baharu, penggunaan percetakan 3D atau *additive manufacturing* akan mewujudkan peluang pasaran baharu. Peningkatan trend ke arah *mass customisation*, *distributed manufacturing* serta perkilangan berskala kecil sedang meneraju pertumbuhan yang

menggalakkan dalam teknologi ini. Ia berpotensi untuk merevolusikan sepenuhnya proses perkilangan tradisional yang menggunakan bahan seperti logam atau polimer. Teknologi yang boleh membangunkan objek kompleks dan sukar untuk dikeluarkan secara tradisional ini, telah digunakan untuk mencetak *customised products* seperti alat bantuan pendengaran dan alat ganti bagi enjin kapal terbang.

Terdapat pertumbuhan positif terhadap permintaan bateri lithium ekoran peningkatan stabil dalam pengeluaran kereta hibrid dan elektrik serta peranti mudah alih. Pada masa ini, pembangunan penyimpanan tenaga untuk automotif adalah lebih kepada projek usahasama di antara pengeluar kereta dan pengeluar bateri. Lithium masih lagi menjadi material pilihan untuk penyimpanan tenaga; namun tiada teknologi yang lebih baik dari yang lain. Sistem pengurusan bateri merupakan satu lagi faktor penting untuk penyimpanan tenaga dan memandangkan kapasiti serta penggunaan yang semakin pesat, keperluan untuk keandalan, kecekapan dan keselamatan adalah paling utama.

Berhubung aplikasi hiliran nadir bumi, semakin banyak aktiviti pembangunan dapat diperhatikan terutamanya dalam sektor automotif bagi motor elektrik, *drivetrain* dan sistem penyimpanan tenaga. Walau bagaimanapun, dalam masa yang sama pihak-pihak akademik dan industri sedang mengkaji kaedah untuk mengurangkan penggunaan logam nadir bumi dalam sesuatu produk disebabkan faktor kos dan kebimbangan terhadap bekalan yang tidak konsisten. Oleh itu, meskipun penggunaan nadir bumi dalam setiap produk ingin dikurangkan tetapi penggunaannya masih lagi meningkat kerana aplikasi yang luas.

Pada tahun 2015, sebanyak 16 projek telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM962.8 juta. Daripada jumlah ini, dua projek merupakan pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan sebanyak RM645.7 juta (67%), manakala 14 lagi adalah projek baharu RM317.1 juta (33%). Pelaburan asing mencatatkan jumlah RM813.7 juta (85%), manakala RM149.1 juta (15%) adalah pelaburan domestik. Projek-projek ini dijangka akan mewujudkan hampir sebanyak 1,065 peluang pekerjaan. Berdasarkan subsektor, pelaburan tertinggi dicatatkan oleh subsektor produk kertas dengan pelaburan bernilai RM917.8 juta (12 projek), diikuti oleh subsektor percetakan & penerbitan RM45.0 juta (4 projek).

Sektor Primer: Melengkapi Pertumbuhan

Sektor primer terdiri daripada tiga subsektor penting iaitu pertanian, perlombongan serta perladangan dan komoditi. Sektor primer menyumbang sebanyak RM3.8 bilion pelaburan yang diluluskan pada tahun 2015, di mana pelaburan asing mencatatkan jumlah RM1.8 bilion atau 47 peratus, manakala pelaburan tempatan RM2.0 bilion atau 63 peratus daripada sektor primer yang diluluskan. Subsektor perlombongan mendahului subsektor lain dengan pelaburan yang diluluskan mencecah RM2.8 bilion menerusi 26 projek. Pelaburan selebihnya dalam sektor primer meliputi subsektor perladangan dan komoditi dengan pelaburan bernilai RM712.2 juta dan subsektor pertanian sebanyak RM261.2 juta.

Pertanian

Pada tahun 2015, sebanyak 27 projek telah diluluskan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM261.2 juta. Pelaburan domestik mencatatkan nilai RM260.9 juta (99.9%), manakala pelaburan asing RM0.2 juta (0.1%). Projek-projek ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 929 peluang pekerjaan.

Perlombongan

Pelaburan dalam subsektor perlombongan terdiri daripada penerokaan minyak dan gas dan perlombongan dalam mineral-mineral lain. Pada tahun 2015, sejumlah 26 projek telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM2.8 bilion. Nilai pelaburan asing adalah RM1.6 bilion (58.6%) dan pelaburan domestik RM1.2 bilion (41.4%). Minyak dan gas menyumbang sebanyak RM2.5 bilion menerusi 23 projek pada tahun 2015, manakala selebihnya adalah bagi lain-lain mineral.

Perladangan dan Komoditi

Pada tahun 2015, pelaburan bernilai RM712.2 juta menerusi empat projek telah diluluskan dalam subsektor perladangan dan komoditi, di mana semua pelaburan adalah dalam subsektor kelapa sawit. Pelaburan domestik adalah sebanyak RM583.3 juta (81.9%) dan pelaburan asing RM128.9 juta (18.1%). Projek ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 360 peluang pekerjaan.





“SEKTOR
PERKHIDMATAN:
MENGEKALKAN
MOMENTUM
KETEGUHAN”



PELABURAN DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN



Sektor perkhidmatan yang berkembang di Malaysia terus mengekalkan momentum yang teguh dan menarik pelaburan yang signifikan.

Tahun 2015 menyaksikan sejumlah 4,150 projek diluluskan dalam sektor perkhidmatan dengan pelaburan sebanyak RM108.2 billion atau 58 peratus daripada jumlah pelaburan. Pelaburan tempatan menyumbang sebanyak RM95.8 billion manakala pelaburan asing berjumlah RM12.4 billion. Projek yang diluluskan ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 112,194 peluang pekerjaan.

Dalam sektor perkhidmatan, subsektor hartanah merupakan sektor penyumbang utama dengan nilai pelaburan yang diluluskan berjumlah RM26.9 billion, diikuti oleh subsektor pengangkutan RM15.7 billion, perkhidmatan kewangan RM15.4 billion, utiliti RM11.7 billion dan pertubuhan global RM8.2 billion. Kerajaan Malaysia kekal komited kepada liberalisasi yang progresif untuk meningkatkan daya saing sektor perkhidmatan dan memastikan kemampuannya, sekaligus menyumbang kepada kejayaan program transformasi ekonomi (ETP).

Pada tahun 2015, 4,150 projek dengan pelaburan sebanyak RM108.2 billion atau 58 peratus daripada jumlah pelaburan telah diluluskan dalam sektor perkhidmatan. Pelaburan tempatan menyumbang RM95.8 billion manakala pelaburan asing berjumlah RM12.4 billion. Projek-projek ini akan menjana sebanyak 112,194 peluang pekerjaan.

Malaysia kekal sebagai proposisi pelaburan yang menarik

Malaysia terus menjadi tarikan utama kepada para pelabur; terutama dari segi lokasi geografi dan akses kepada sumber-sumber serantau serta rangkaian bekalan di rantau Asia Tenggara. Faktor-faktor seperti dasar perdagangan yang teguh dan pro-perniagaan, serta infrastruktur pengangkutan, komunikasi dan perkhidmatan kewangan bertaraf dunia yang memudahkan perkembangan pasaran serantau turut mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai pusat operasi serantau terunggul bagi para pelabur. Menurut Laporan Daya Saing Global WEF bagi tahun 2014-2015, Malaysia

berada di kedudukan ke-24 daripada 140 negara dari segi daya saing dan infrastruktur.

Sementara elemen-elemen ini membantu Malaysia menjadi lokasi pilihan syarikat-syarikat multinasional untuk menubuhkan operasi serantau atau global, Kerajaan Malaysia terus memperkenalkan pelbagai insentif bagi memastikan negara ini kekal menjadi proposisi pelaburan yang menarik.

Mengukuhkan kelebihan strategik Malaysia

Kerajaan Malaysia telah mengumumkan insentif Hab Prinsipal pada Mei 2015 bagi

Lokasi yang strategik, akses kepada sumber-sumber serantau dan rantaian bekalan di rantau Asia Tenggara, serta pelbagai kelebihan strategik yang lain terus menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat operasi serantau yang ideal untuk pelabur.

memperkuatkan kedudukan Malaysia sebagai lokasi pilihan bagi syarikat multinasional yang ingin menubuhkan pusat operasi global. Perubahan dalam trend rantaian bekalan global dan model perniagaan terkini telah menyebabkan Kerajaan menyemak semula insentif sedia ada dan meningkatkan rantaian nilai bagi memenuhi pelbagai keperluan perniagaan syarikat tempatan dan asing. Insentif ini akan melengkapi fokus Malaysia dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) dengan menggalakkan syarikat global dalam sektor-sektor utama untuk mengukuhkan pengurusan rantaian bekalan dan menempatkan fungsi operasi global di Malaysia.

Mengikut definisi, Hab Prinsipal adalah "sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia yang menggunakan Malaysia sebagai pusat untuk menjalankan perniagaan serantau dan global serta operasi untuk mengurus, mengawal, dan menyokong fungsi utamanya termasuk pengurusan risiko, membuat keputusan, aktiviti perniagaan strategik, perdagangan, kewangan, pengurusan dan sumber manusia". Struktur sebuah syarikat Hab Prinsipal akan membolehkan syarikat-syarikat untuk mengoptimumkan sumber-sumber, membina kapasiti dan membuat keputusan dengan pantas bagi mengukuhkan kecekapan operasi dan memberikan perkhidmatan pelanggan dan nilai pemegang saham yang lebih baik serta konsisten. Syarikat-syarikat multinasional yang menerima pakai struktur ini akan lebih berupaya untuk berkongsi sumber dan pengalaman dalam kumpulan syarikat berkenaan serta mengambil peluang

daripada hasil integrasi dan pengharmonian yang lebih baik.

Selari dengan perkembangan model ibu pejabat dan rantaian bekalan serantau terkini, semakin banyak syarikat multinasional yang menerima pakai struktur Hab Prinsipal. Pengenalanan insentif ini tepat pada masanya, sesuai dengan peranan Malaysia sebagai hos Sidang Kemuncak ASEAN pada tahun 2015 yang membolehkan syarikat multinasional untuk mendapat manfaat daripada perjanjian kerjasama ekonomi dalam Komuniti Ekonomi ASEAN atau AEC seperti *ASEAN Trade in Goods Agreement (ATIGA)*, *ASEAN Comprehensive Investment Agreement* dan *ASEAN Framework Agreement on Services*.

Insentif Hab Prinsipal yang diperkenalkan bertujuan bagi mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai lokasi pilihan bagi menubuhkan pusat operasi global di kalangan syarikat multinasional.

Memandangkan lokasi Malaysia yang strategik dalam AEC, ditambah dengan pertumbuhan ekonomi yang teguh, hubungan serantau yang baik dan infrastruktur yang mantap, Malaysia mempunyai kualiti-kualiti yang tepat sebagai pintu masuk logistik serantau di Asia. Sebagai tulang belakang keseluruhan rantaian bekalan, subsektor logistik terus menjadi faktor utama yang merangsang perdagangan, memudahkan

kecekapan perniagaan dan memacu pertumbuhan ekonomi. Dalam Indeks Prestasi Logistik (LPI) 2014 oleh Bank Dunia, Malaysia telah menduduki tempat ke-25 daripada 160 buah negara, mendahului China dan Thailand yang masing-masing di tempat ke-28 dan ke-35. Dengan negara-negara berpendapatan tinggi mendominasi 20 tempat pertama, Malaysia adalah antara negara-negara berpendapatan sederhana-tinggi yang terkemuka dalam LPI.

Berikutan pengenalan Pelan Induk Logistik dan Fasilitati Perdagangan (2015-2020) pada awal tahun 2015, Malaysia kini mempunyai rangka kerja yang kukuh untuk menyelesaikan cabaran dalam sektor logistik dan akan menjadikan Malaysia sebagai pemain serantau dalam jangka masa sederhana. Rangka tindakan ini akan menggariskan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan untuk memanfaatkan kekuatan subsektor logistik di negara ini dan mewujudkan asas yang kukuh untuk masa hadapan.

Pada November 2015, menteri-menteri di Asia Tenggara telah menerima pakai Pelan Tindakan Strategik Pengangkutan Kuala Lumpur, satu pelan induk 10 tahun bagi jaringan, kecekapan, integrasi, keselamatan dan kemampuan sektor pengangkutan AEC yang lebih baik menjelang tahun 2025. Dengan peningkatan kerjasama dan hubungan di kalangan negara-negara anggota AEC, Malaysia dan seluruh rantau ini akan bersama mengorak langkah sepenuhnya ke hadapan. Kemudahan perdagangan dan logistik akan menjadi keutamaan memandangkan peranan penting yang dimainkan oleh jaringan pengangkutan

Pelan Induk Logistik dan Fasilitasi Perdagangan (2015-2020) menyediakan rangka kerja yang kukuh buat Malaysia bagi menyelesaikan cabaran dalam subsektor logistik dan mengangkat negara menjadi pemain serantau.

dan penyelarasan prosedur serta peraturan dalam persekitaran perdagangan hari ini. Inisiatif seperti Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China juga dijangka akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan subsektor logistik dan menjadikan Malaysia sebagai lokasi pilihan untuk perkhidmatan logistik bernilai ditambah.

Terus Memenuhi Keperluan Global Dan Serantau Syarikat Multinasional

Malaysia terus mengukuhkan kedudukan sebagai hab kompetitif untuk operasi dan pertumbuhan global melalui inisiatif hab operasi global, hab prinsipal, pusat pengurusan perbendaharaan dan pusat perkhidmatan logistik bersepadu. Pertumbuhan-pertumbuhan ini memberi sokongan kepada subsektor yang luas dan aktiviti yang terdiri daripada pengurusan rantai bekalan dan logistik kepada perbankan dan perkhidmatan kewangan, dengan membantu meningkatkan kelebihan daya saing subsektor-subsektor ini di samping menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Pertubuhan Dan Operasi Global

Tahun 2015 menyaksikan syarikat-syarikat multinasional terus mengambil peluang atas kelebihan daya saing Malaysia untuk menubuhkan pusat operasi global dan serantau. Pada tahun 2015, sejumlah 3,683 projek pertumbuhan global telah diluluskan oleh MIDA di mana daripada jumlah ini, 2,042 merupakan Pejabat Perwakilan (RE), 1,035 Pejabat Serantau (RO) dan 271 Ibu Pejabat Operasi (OHQ). Manakal baki pertumbuhan yang diluluskan terdiri daripada 252 Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC), 32 Hab Operasi Global (GOH), 35 Pusat Pengedaran Serantau (RDC), 10 Pusat Pengurusan Perbendaharaan (TMC) dan 6 Hab Prinsipal (PH).

Hab Operasi Global

Antara tahun 2011 sehingga 2015, Kerajaan telah meluluskan sebanyak 32 projek Hab Operasi Global (GOH) dengan pelaburan bernilai RM26.6 juta sebagai sebahagian daripada usaha untuk menggalakkan syarikat multinasional menubuhkan Hab Operasi Global di Malaysia. Pada tahun 2015, empat projek GOH telah diluluskan dengan jumlah pelaburan bernilai RM2.6 bilion dan sebanyak 1,655 peluang pekerjaan akan diwujudkan.

Envico Enterprises Sdn. Bhd., anak syarikat Kumpulan Valiram, iaitu syarikat tempatan yang diasaskan oleh Jethanand Valiram. Sejak penubuhannya pada tahun 1935, Kumpulan Valiram telah berkembang dari sebuah syarikat pengendali perniagaan tekstil kepada peneraju industri dalam sektor peruncitan barangan mewah dan khusus. Kumpulan ini mempunyai 190 outlet di rantau Asia Pasifik dan memasarkan jenama utama mewah bagi

barangan seperti jam tangan dan barang kemas, fesyen dan aksesori, minyak wangi dan kosmetik, coklat dan manisan serta makanan dan minuman.

Envico Enterprises Sdn. Bhd., yang akan bertindak sebagai pusat kawalan bagi Valiram Group dan menjalankan fungsi strategik utama kumpulan seperti perbendaharaan yang akan memberi manfaat kepada rakyat Malaysia dalam membangunkan kemahiran mengenai bidang pengurusan serantau. Melalui projek ini, industri pelancongan juga akan mendapat manfaat daripada peningkatan perdagangan barangan mewah dan khusus.

Haemonetics Malaysia Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat Haemonetics Corporation, yang merupakan peneraju global dalam pembuatan pelbagai jenis sistem pengurusan darah dan plasma. Syarikat ini juga menyediakan perkhidmatan peranti perubatan, peranti perubatan pakai-buang, platform teknologi maklumat dan perkhidmatan perundingan untuk perubatan bagi mengurangkan kos penjagaan kesihatan berkaitan pengumpulan darah, hospital dan pesakit di seluruh dunia. Haemonetics memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada sektor penjagaan kesihatan, iaitu salah satu bidang utama ekonomi negara (NKEA) yang digalakkan oleh Kerajaan.

Haemonetics Malaysia Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai syarikat di bawah skim *Approved Toll Manufacturer* yang menyediakan perkhidmatan pergudangan dan pengedaran untuk beberapa operasi global Haemonetics yang lain. Antara produk yang tersenarai termasuklah set beg darah tanpa penapis, set penapis keseluruhan darah,

set beg penapis sel merah, set plasma, set platlet, set penyelamat sel dan set sel darah merah yang akan dieksport ke Asia dan Eropah. Pengurusan Rantai Bekalan Global adalah pelengkap keseluruhan rangkaian bekalan operasi global Haemonetics.

QI Services (M) Sdn. Bhd., anak syarikat Kumpulan QI, yang merupakan sebuah syarikat multinasional yang terlibat dalam pelbagai bidang terutamanya bidang pendidikan, hospitaliti, jualan langsung, perkhidmatan kewangan dan peruncitan. Kumpulan QI mempunyai perniagaan di 30 buah negara dengan pejabat-pejabat serantau utamanya di Hong Kong, Malaysia, Singapura, Thailand dan Filipina. Bagi mengukuhkan operasi serantaunya, QI telah mengembangkan ibu pejabat operasinya di Malaysia untuk menjadi sebuah Hab Kecemerlangan Global bagi memusatkan perolehan kumpulan serantau dan pengedaran, pemrosesan data dan analisis, serta aktiviti-aktiviti latihan dan pengurusan kakitangan. Syarikat itu akan menyediakan pekerjaan kepada 251 rakyat Malaysia yang akan dilatih dalam bidang pengurusan perbendaharaan dan penyelarasan perniagaan.

Panasonic, sebuah syarikat multinasional elektronik dari Jepun, telah mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan di Malaysia melalui 20 buah anak syarikat yang menjalankan pelbagai aktiviti termasuk R&D, pengilangan, perolehan dan pengedaran. Pengurusan syarikat Panasonic Malaysia Sdn. Bhd. yang berfungsi sebagai ibu pejabat operasi pertama Kumpulan Panasonic di luar Jepun ini, akan menyediakan perkhidmatan pengurusan utama

seperti pembangunan strategi perniagaan, pemasaran dan sumber produk kepada syarikat-syarikat Panasonic yang berkaitan di dalam Malaysia. Panasonic juga telah memindahkan Pusat Penyelidikan Gaya Hidup ke Malaysia yang akan menjalankan penyelidikan mengenai pilihan tingkah laku dan gaya hidup pengguna yang kritikal bagi pembangunan produk dan pasaran baharu. Projek baharu Panasonic ini akan melibatkan pelaburan sebanyak RM243.7 juta dalam tempoh 10 tahun dan akan menjana sebanyak 45 peluang pekerjaan tambahan.

Ibu Pejabat Operasi (OHQ)

Malaysia kekal sebagai destinasi pilihan untuk syarikat-syarikat multinasional dan konglomerat tempatan yang ingin menubuhkan Ibu Pejabat Operasi (OHQ) di rantau Asia Pasifik. Sehingga tahun 2015, sejumlah 271 OHQ telah diluluskan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM8.7 bilion. Penubuhan OHQ ini dijangka akan menjana sebanyak 14,860 peluang pekerjaan tambahan kepada rakyat Malaysia. Pada tahun 2015, sejumlah 17 OHQ telah diluluskan berbanding dengan 16 OHQ pada tahun 2014. Projek-projek yang diluluskan akan melibatkan pelaburan berjumlah RM2.7 bilion dan menjana sebanyak 1,352 peluang pekerjaan di mana 1,251 adalah untuk rakyat tempatan.

Daripada 17 OHQ yang diluluskan pada 2015, empat OHQ merupakan syarikat milik rakyat Malaysia. Ini menunjukkan bahawa pelabur-pelabur tempatan terus memilih Malaysia sebagai pangkalan untuk pengembangan operasi ke luar negara. Antara negara-negara lain yang telah menubuhkan OHQ pada 2015 adalah Perancis (2), Jerman (1), United Kingdom

(1), British Virgin Islands (1), Denmark (1), Belanda (1), Finland (1) dan Sweden (1). Dua syarikat Singapura telah memindahkan OHQ mereka ke Malaysia untuk memanfaatkan lokasi strategik negara ini bagi tujuan memusatkan perkhidmatan serantau serta untuk mengekalkan kecekapan operasi dan kos. Baki dua syarikat yang telah diluluskan OHQ berasal dari negara Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Penubuhan syarikat-syarikat OHQ di Malaysia pada tahun 2015 akan menawarkan perkhidmatan dalam pelbagai subsektor, terutama subsektor minyak dan gas. Di dalam subsektor minyak dan gas, dua daripada syarikat yang telah diluluskan OHQ adalah pembekal perkhidmatan minyak dan gas, manakala satu lagi merupakan syarikat penerokaan dan pengeluaran. Tiga buah OHQ telah diluluskan bagi subsektor bangunan dan pembinaan. Subsektor-subsektor lain yang diluluskan termasuklah IT dan komunikasi (2), makanan dan minuman (2), perindustrian (2), logistik (2), E&E (1) dan penyelidikan pasaran.

Antara projek-projek signifikan OHQ yang diluluskan termasuklah syarikat NYKSM Maritime Services Sdn. Bhd., Arla Foods Sdn. Bhd. dan Saint Gobain Malaysia Sdn. Bhd.

Kumpulan NYK, yang beribu pejabat di Tokyo, Jepun adalah sebuah syarikat logistik global yang beroperasi di lima benua dan mempunyai pekerja seramai 8,000 orang. Kumpulan ini pakar dalam perkhidmatan perkapalan dan sehingga 2015, Singapura merupakan pangkalan serantau bagi kegiatan teknikal dan pengurusan kapal bagi kumpulan syarikat ini.

Kemudian NYKSM Maritime Services Sdn. Bhd. ditubuhkan

di Malaysia sebagai syarikat OHQ baharu sebagai pusat perkhidmatan sokongan teknikal setempat untuk syarikat-syarikat perkapalan. OHQ ini juga akan menubuhkan akademi latihan bagi melatih kadet-kadet Malaysia yang akan berkhidmat dalam operasi pengurusan kapal serantau Kumpulan NYK. Sekurang-kurangnya 20 kadet Malaysia akan mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang seperti *preventive maintenance, oil major vetting, dry-docking, ship inspection, lay-up services and retrofit services*.

Arla Foods Sdn. Bhd. merupakan anak syarikat Arla Foods a.m.b.a, pengeluar produk tenusu kelima terbesar di dunia. Arla mempunyai kilang di 11 buah negara dan operasi jualan di 30 buah negara. Arla Foods telah memilih Malaysia berbanding empat negara-negara lain sebagai lokasi untuk menubuhkan OHQ bagi menyokong aktiviti serantaunya yang semakin berkembang di Asia Tenggara dan juga untuk menjadi hab pengurusan untuk rantau Asia. Syarikat OHQ ini juga akan menawarkan perkhidmatan seperti perancangan perniagaan dan koordinasi, kawalan pasaran dan promosi jualan, serta perancangan dan khidmat nasihat kewangan korporat. Arla Foods dijangka melabur sebanyak RM95 juta untuk operasi OHQ dalam tempoh 10 tahun.

Sebuah syarikat konglomerat multinasional Perancis juga telah diluluskan untuk menubuhkan OHQ di Malaysia. Syarikat ini adalah pengeluar utama bahan binaan dengan operasi di 64 buah negara dan perolehan jualan yang dicatatkan sebanyak RM4.7 bilion pada tahun 2014.

Syarikat ini mempunyai kilang pembuatan plasterboard (eternit) yang terbesar di Malaysia yang memenuhi keperluan pasaran di

Singapura, Indonesia dan New Zealand.

OHQ di Malaysia ini akan menguruskan aktiviti kumpulan itu di Asia Tenggara dan menyediakan perkhidmatan seperti perancangan perniagaan strategik, nasihat kewangan dan latihan teknikal. Syarikat OHQ ini dijangka akan melabur sebanyak RM99 juta untuk operasi dan akan menjana sebanyak 109 peluang pekerjaan profesional.

Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC)

Sehingga tahun 2015, sejumlah 254 Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC) telah diluluskan dengan jumlah jualan dianggarkan sebanyak RM79 bilion manakala pelaburan dalam syarikat-syarikat IPC ini bernilai RM10 bilion. Daripada jumlah yang diluluskan ini, kira-kira 100 IPC atau 39.3 peratus adalah dari Jepun, 44 dari Malaysia, 18 dari Amerika Syarikat, 17 dari Singapura, 12 dari Taiwan dan 5 dari Jerman. Bakinya pula adalah dari negara-negara seperti Kanada, United Kingdom, India, Indonesia, Switzerland dan Kepulauan Cayman. Terdapat juga IPC yang telah ditubuhkan melalui usahasama antara syarikat.

Sejumlah 130 atau 51.2 peratus daripada IPC ini menawarkan perkhidmatan untuk industri E&E manakala selebihnya menawarkan perkhidmatan kepada industri kimia/petrokimia (33); industri jentera dan bahagian (22); industri tekstil (11), industri minyak dan gas (10); industri perabot (8) dan lain-lain industri.

Kebanyakan syarikat IPC telah mempelbagaikan aktiviti yang merangkumi pengurusan rantaian bekalan bagi operasi

pengeluaran di Malaysia dan di rantau Asia Pasifik. Operasi IPC juga akan meningkatkan daya saing dengan mengadakan hubungan sinergi dan integrasi dengan aktiviti pengilangan, infrastruktur umum dan kemudahan sokongan. Ini menjadikan keseluruhan proses pembuatan lebih cekap dan kos efektif. Pada tahun 2015, sejumlah sembilan IPC telah diluluskan berbanding enam IPC pada tahun 2014. Daripada jumlah projek yang diluluskan, tiga adalah dari Jepun, masing-masing satu dari Taiwan dan Thailand, manakala selebihnya adalah dari Malaysia. Syarikat-syarikat IPC ini akan membawa masuk pelaburan berjumlah RM1.01 bilion, iaitu 60 peratus berbanding jumlah pelaburan sebanyak RM394.4 juta yang diluluskan pada tahun 2014. Perolehan jualan tahunan dijangka akan berjumlah sebanyak RM2.3 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 65 peratus berbanding jumlah keseluruhan nilai jualan tahunan RM797.7 juta pada tahun 2014. Syarikat-syarikat IPC ini akan menjana sebanyak 233 peluang pekerjaan rakyat Malaysia, terutama dalam kategori pengurusan, teknikal dan mahir.

Antara syarikat IPC yang diluluskan adalah LeBlanc Communications (Malaysia) Sdn. Bhd. dan Scientex Distribution Sdn. Bhd. Aktiviti utama LeBlanc Communications termasuk pembuatan, pengedaran dan pemasangan menara telekomunikasi bagi syarikat-syarikat rangkaian terkemuka dunia seperti Hua Wei, Ericsson, Alcatel-Lucen, ZTE dan Nokia Siemens Networks, dan juga pelanggan utama seperti P1, Maxis, UMobile, American Towers, Orange, Vodacom dan Tigo. Selaras dengan peningkatan permintaan global bagi menara telekomunikasi,

LeBlanc Communications telah melebarkan operasinya bagi mengoptimalkan aktiviti perolehan syarikat. Melalui pelaburan berjumlah RM127.7 juta bagi operasi IPC, LeBlanc Communications dijangka akan menyediakan sebanyak 29 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

Scientex Distribution Sdn. Bhd. (dahulunya dikenali sebagai GW Flexible Packaging Sdn. Bhd.) adalah sebuah syarikat di bawah Kumpulan Scientex. Aktiviti utama syarikat adalah pembuatan *stretch films* dengan kapasiti pengeluaran sebanyak 10 bilion meter setahun.

Scientex Berhad, syarikat induk yang disenaraikan di bawah Bursa Saham Malaysia, telah diluluskan status dan insentif IPC di bawah Scientex Distribution Sdn. Bhd. untuk mengoptimalkan operasi perniagaan dengan membekalkan *stretch films* kepada syarikat rangkaian dan pelanggan utama. Jumlah pelaburan untuk operasi IPC ini adalah sebanyak RM455.6 juta dan akan menjana sebanyak 29 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

Pusat Pengedaran Serantau (RDC)

Pada tahun 2015, sejumlah 35 Pusat Pengedaran Serantau (RDC) telah diluluskan dengan pelaburan bernilai RM974.5 juta dan anggaran jualan tahunan sebanyak RM4.8 bilion. Sebanyak 833 peluang pekerjaan akan diwujudkan di mana 89.7 peratus atau 747 peluang pekerjaan adalah untuk rakyat Malaysia. Dua RDC telah diluluskan pada tahun 2015, berbanding dengan tiga RDC yang diluluskan pada tahun 2014. Syarikat-syarikat ini adalah dari Singapura dan Netherlands dengan pelaburan bernilai RM238.9 juta dan

anggaran jualan tahunan berjumlah RM616.8 juta yang akan menjana sebanyak 47 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

Antara dua syarikat RDC yang baru beroperasi adalah Puma Energy (M) Sdn. Bhd., iaitu anak syarikat Puma Energy Asia Pacific B.V. (Netherlands) yang terlibat dalam membekalkan bahan api berkualiti dan produk minyak, dan juga bertindak sebagai syarikat pegangan pelaburan bagi operasi di 45 negara. Syarikat ini beroperasi di Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat, Johor dan mengedarkan produk sendiri iaitu minyak bitumen bergred tinggi untuk syarikat-syarikat rangkaiannya di Asia Pasifik dan di seluruh dunia. Pelaburan syarikat sebanyak RM198.3 juta dan akan menjana sebanyak 29 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Satu lagi syarikat RDC, Draka Marketing and Services Sdn. Bhd., anak syarikat Kumpulan Prysmian mempunyai kira-kira 130 tahun pengalaman dalam subsektor tenaga dan kabel telekomunikasi. Kumpulan Prysmian beroperasi di ASEAN dengan 10 buah loji dan dua pusat pengedaran untuk pasaran tenaga dan telekomunikasi. Draka Marketing and Services Sdn. Bhd. akan memulakan operasi RDC di Alor Gajah, Melaka yang akan menawarkan perkhidmatan kepada rangkaian kumpulan syarikat di seluruh dunia. Kumpulan Prysmian akan melabur sejumlah RM40 juta yang akan menyediakan sebanyak 18 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

Hab Prinsipal

Sejak pelaksanaan insentif Hab Prinsipal pada Mei 2015, MIDA telah meluluskan enam projek syarikat-syarikat multinasional utama dalam industri elektronik, aeroangkasa, komoditi (pulpa & kertas dan minyak sawit) dan industri makanan dan minuman (F&B). Pelaburan berjumlah RM1.3 bilion ini akan menjana sebanyak 361 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi kepada rakyat Malaysia. Projek-projek yang diluluskan akan melibatkan penggunaan yang signifikan terhadap perkhidmatan sampingan tempatan seperti kemudahan kewangan, logistik dan perkhidmatan rantaian bekalan serta perkhidmatan profesional dan utiliti. Skim ini menawarkan fleksibiliti kepada syarikat untuk memilih lokasi bagi penubuhan hab prinsipal utama selari dengan objektif strategik masing-masing.

Honeywell adalah syarikat terkemuka yang tersenarai dalam Fortune 100 dan peneraju dalam pelbagai aktiviti teknologi dan pengilangan dengan menawarkan perkhidmatan kepada pelanggan di seluruh dunia ke atas produk-produk dan perkhidmatan aeroangkasa; teknologi kawalan untuk bangunan, residensi dan industri; turbochargers; dan material khusus. Di peringkat global, Honeywell memperoleh jualan tahunan kira-kira RM160 bilion dan mempunyai 150,000 pekerja.

Honeywell mempunyai tiga kumpulan perniagaan utama iaitu *Aerospace; Automation and Control Solutions; dan Performance Materials and Technologies*. Syarikat ini mempunyai enam entiti di Malaysia dan setiap entiti adalah pakar dalam segmen tertentu.

Honeywell telah membuat keputusan strategik untuk menjadi syarikat multinasional pertama menyertai inisiatif Hab Prinsipal bagi mempunyai pengurusan sumber yang lebih baik untuk menyokong pelan pembesaran perniagaan di Malaysia dan rantau Asia. Honeywell komited menggunakan teknologi inovatifnya untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih bersih dan mampan, lebih selamat, kekal berhubung, lebih efisien dalam penggunaan tenaga dan produktif.

Asia Pacific Resources International Ltd. atau APRIL merupakan salah satu daripada syarikat pengeluar pulpa dan kertas terbesar serta pemaju terkemuka bagi perladangan fiber. Jenama terkenal Paper One milik APRIL kini dijual di lebih 75 negara di seluruh dunia. Melalui syarikat Hab Prinsipal yang akan ditubuhkan, APRIL akan memberi tumpuan kepada sumber strategik, perolehan dan pendedaran, jualan dan pemasaran, pembangunan perniagaan dan pemerolehan bakat yang lebih berpengalaman bagi menguruskan operasi syarikat. APRIL merancang untuk menjadikan Malaysia sebagai hab perdagangan utama bagi kumpulan itu dan akan membuat pelaburan berjumlah RM380 juta dalam tempoh 10 tahun.

Kumpulan Apical tergolong dalam rangkaian syarikat-syarikat yang diuruskan oleh *Royal Golden Eagle* (RGE) yang mengkhusus dalam industri minyak sawit serta pulpa dan kertas. RGE mempunyai aset bernilai lebih daripada RM60 billion dan 50,000 pekerja di seluruh dunia. Setelah membuat keputusan untuk memindahkan ibu pejabat operasinya dari Singapura dan menubuhkan sebuah Hab Prinsipal di Malaysia melalui Apical (Malaysia) Sdn.

Bhd., kumpulan itu kini akan membuat pelaburan berjumlah RM256.8 juta dalam tempoh 10 tahun yang akan menjana sebanyak 55 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi. Apical Malaysia akan mengambilalih peranan sebagai pusat kawalan dan akan membangunkan strategi perniagaan keseluruhan bagi Kumpulan Apical serta menjadi hab perdagangan utama dengan peningkatan dalam jumlah dagangan di Malaysia.

EASIC ialah syarikat semikonduktor yang mengkhusus dalam reka bentuk dan pembangunan Permohonan Litar Bersepadu Khusus (*Application Specific Integrated Circuits*, ASIC). Sejak ditubuhkan pada tahun 1999, Kumpulan ini yang beribu pejabat di Santa Clara, California telah berkembang dan kini mempunyai anak-anak syarikat di Malaysia, Jepun, Bermuda dan Romania.

EASIC memberikan perkhidmatan litar bersepadu khusus bagi membolehkan pelanggan meningkatkan kecekapan operasi dengan menjimatkan masa, kos dan tenaga yang diperlukan untuk membawa produk berteknologi ke pasaran.

EASIC Malaysia Sdn. Bhd. telah ditubuhkan sebagai syarikat utama dalam kumpulannya yang menjadi hab R&D di luar pesisir rantau Asia Pasifik. Syarikat ini juga akan menawarkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dalam bidang R&D untuk rakyat Malaysia dan akan memberikan sumbangan yang besar kepada industri semikonduktor di Malaysia. EASIC kini akan mengukuhkan kedudukannya di Asia Pasifik dengan mengadakan pengurusan rantaian bekalan setempat bagi produk-produknya di Malaysia.

Kumpulan PureCircle membangunkan dan mengeluarkan bahan-bahan makanan semulajadi untuk digunakan oleh industri makanan & minuman (F&B) global. PureCircle Malaysia telah menjadi pusat untuk operasi global PureCircle yang menempatkan satu daripada dua kilang penapis stevia milik Kumpulan PureCircle. Disebabkan permintaan global yang semakin meningkat bagi produk stevia, PureCircle akan membuat pelaburan tambahan RM186 juta untuk memperluaskan keupayaan pengeluaran di Malaysia dan China. Kumpulan PureCircle juga telah memilih Malaysia untuk menjadi hab perdagangan utama dengan memusatkan pengedaran produknya melalui operasi Hab Prinsipal ini. Hab Prinsipal ini juga akan menguruskan strategi perniagaan utama bagi kumpulan itu dan menjalankan fungsi-fungsi utama yang lain seperti perbendaharaan dan pengurusan dana serta pemerolehan bakat yang lebih berpengalaman bagi menguruskan operasi syarikat. Keputusan PureCircle untuk mempelbagaikan aktiviti pengilangan di Malaysia dan meningkatkan rantaian nilai dengan menceburi bidang penyediaan perkhidmatan rantaian bekalan, mencerminkan keyakinannya dalam daya saing Malaysia di rantau ini.

Super Group Ltd. adalah pengeluar minuman dan makanan terkemuka di Asia Tenggara yang mempelopori minuman 3-dalam-1 di rantau ini. Di Malaysia, Kumpulan Super merupakan pemilik kepada salah satu kilang pengeluaran serbuk kopi yang terbesar di Asia Tenggara dengan kapasiti 15,000 metrik tan serbuk kopi segera. Syarikat Hab Prinsipal baharu kumpulan ini yang bertempat di Johor akan memusatkan dan

mengawal pengurusan produk kopi di bawah segmen bahan makanan. Selain daripada melaksanakan fungsi strategik seperti perancangan perniagaan dan pusat perolehan, syarikat juga akan mengambil alih peranan sebagai pusat R&D utama untuk pembangunan ramuan produk kopi baharu daripada operasi Kumpulan Super di Singapura. Pemindahan fungsi R&D ini ke Malaysia adalah satu langkah besar bagi kumpulan itu yang sebelum ini telah menjalankan kebanyakan aktiviti R&D di Singapura. Ia juga membuktikan keyakinan syarikat kepada keupayaan teknologi dan bakat Malaysia dalam sektor R&D. Projek Hab Prinsipal Kumpulan Super ini juga akan mewujudkan sebanyak 50 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi.

Insentif Hab Prinsipal memenuhi trend terkini di kalangan syarikat dalam memusatkan fungsi strategik untuk meningkatkan kecekapan operasi. Insentif ini juga menyediakan pelbagai kelonggaran kepada syarikat seperti pemansuhan had *drop shipment* untuk aktiviti pemerolehan dan pengedaran serta kelayakan untuk menikmati Fleksibiliti Pertukaran Asing yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.

Melangkah ke hadapan, MIDA merancang untuk menjalankan aktiviti promosi yang agresif melalui seminar, misi pelaburan spesifik, mesyuarat bersama syarikat berpotensi dan program *outreach* bagi menarik syarikat-syarikat multinasional dan konglomerat tempatan untuk menjadikan Malaysia sebagai pangkalan untuk menjalankan perniagaan serantau dan global.

Pusat Pengurusan Perbendaharaan (TMC)

Sehingga tahun 2015, sejumlah 10 Pusat Pengurusan Perbendaharaan (TMCs) telah diluluskan dengan pelaburan bernilai RM301.6 juta dan akan menjana sebanyak 144 peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia. Pada tahun 2015, sebanyak dua projek TMC telah diluluskan berbanding empat projek pada tahun 2014. Walaupun terdapat penurunan dalam bilangan projek yang diluluskan, nilai pelaburan projek-projek yang diluluskan pada tahun 2015 masih signifikan iaitu sebanyak RM114.7 juta (2014: RM120.3 juta).

Syarikat-syarikat TMC yang ditubuhkan pada 2015 adalah milik konglomerat tempatan dalam subsektor makanan dan minuman dan infrastruktur tenaga. Dengan pengembangan operasi ke luar negara, syarikat-syarikat konglomerat tempatan ini membuat keputusan strategik untuk memanfaatkan infrastruktur perbankan Malaysia yang kukuh dan memusatkan aktiviti pengurusan dana di negara ini.

Pejabat Serantau/Perwakilan (RO/RE)

Malaysia adalah pangkalan bagi Pejabat Serantau/Perwakilan (RO/RE) untuk menyelaras dan menyokong operasi syarikat di rantau Asia Pasifik. Penubuhan Pejabat Serantau/Perwakilan (RO/RE) ini akan memberi peluang kepada syarikat-syarikat luar negara untuk menubuhkan operasi serantau bagi tempoh jangka panjang melalui syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Pejabat Serantau/Perwakilan (RO/RE) ini merupakan langkah pertama bagi syarikat-syarikat asing untuk menjalankan kajian kemungkinan (*feasibility study*) mengenai peluang pelaburan

Berikutan pelancaran insentif Hab Prinsipal pada Mei 2015, enam syarikat Hab Prinsipal telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM1.3 bilion yang akan mewujudkan sebanyak 361 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi.

di Malaysia dan untuk menyelaras aktiviti perniagaan bagi ibu pejabat syarikat di rantau ini.

Pada tahun 2015, sebanyak 116 Pejabat Serantau/Perwakilan (RO/RE) telah diluluskan dengan jumlah pelaburan bernilai RM146.5 juta dan dijangka akan mewujudkan sebanyak 333 peluang pekerjaan, di mana 229 merupakan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Daripada jumlah 116 Pejabat Serantau/Perwakilan (RO/RE) yang diluluskan ini, 67 projek (57.8%) adalah Pejabat Perwakilan (RE) manakala 49 projek (42.2%) adalah Pejabat Serantau (RO). Negara-negara tempasal bagi Pejabat Serantau/Perwakilan (RO/RE) ini termasuk dari Brunei, Vietnam, Kepulauan Cayman, Mesir, Belgium dan Portugal. Tahun 2015 juga menyaksikan peningkatan dalam bilangan syarikat-syarikat yang diluluskan dari Hong Kong, dengan enam projek telah diluluskan berbanding dua projek pada tahun 2014. Pada tahun ini juga terdapat tiga projek dari Norway berbanding hanya satu pada tahun 2014.

Pada tahun 2015, Singapura dengan 12 kelulusan, merupakan negara yang mempunyai paling

banyak Pejabat Serantau/ Perwakilan (RO/RE) diluluskan. Kelulusan selebihnya adalah untuk Pejabat Serantau/ Perwakilan (RO/RE) dari Jepun (11), Amerika Syarikat (8), United Kingdom (7), dan Jerman (7). Syarikat-syarikat dari subsektor jentera dan kejuruteraan sokongan, minyak dan gas, E&E, peralatan perubatan dan IT dan perisian, adalah merupakan syarikat-syarikat yang telah mendapatkan kelulusan bagi menubuhkan Pejabat Serantau/ Perwakilan (RO/RE).

Perkhidmatan Sokongan

Untuk memastikan kepentingan global dan serantau syarikat-syarikat multinasional disokong sepenuhnya dari aspek logistik, subsektor logistik terus memanfaatkan kelebihan Malaysia dari segi lokasi strategik, jaringan pengangkutan, kemudahan terkini serta kehadiran syarikat terkemuka dalam sektor perkapalan dan logistik.

Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS)

Sehingga tahun 2015, sejumlah 65 syarikat telah diluluskan insentif Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS) dengan pelaburan bernilai RM3.7 bilion. Sebanyak 12 syarikat ILS telah diluluskan pada tahun 2015 berbanding 12 syarikat pada tahun 2014. Pertumbuhan mantap subsektor logistik sejak beberapa tahun kebelakangan ini dijangka akan semakin meningkat dan berterusan pada masa akan datang.

Kelulusan insentif ILS pada tahun 2015 adalah bagi syarikat-syarikat tempatan dengan pelaburan berjumlah RM724.5 juta yang akan mewujudkan sebanyak

791 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Berdasarkan kelulusan terkini, kebanyakan syarikat ILS di Malaysia sedang bergerak ke arah operasi bersepadu dan berorientasikan ICT serta inovasi (e-dagang) dan juga terlibat dalam menyediakan perkhidmatan logistik khusus bagi menyokong pelbagai sektor industri seperti minyak dan gas dan subsektor petrokimia.

Antara projek signifikan ILS yang diluluskan adalah syarikat Lima Bintang Logistics Sdn. Bhd. yang telah berkembang pesat untuk menjadi sebuah syarikat logistik terkemuka dalam subsektor minyak dan gas. Syarikat ini menyediakan pengangkutan untuk projek kargo yang besar dan berat serta menguruskan gudang khusus untuk menyimpan peralatan minyak dan gas. Sehingga kini, Lima Bintang Logistics telah melabur sebanyak RM5 juta untuk membina sebuah gudang *high bay* dengan kemudahan pengujian untuk memenuhi permintaan daripada syarikat-syarikat asing dalam bidang kejuruteraan dasar laut. Manakala RM6 juta lagi pula akan dilaburkan bagi kenderaan pelbagai gandar yang digunakan dalam pengangkutan peralatan berat. Pelaburan-pelaburan ini akan meningkatkan lagi keupayaan syarikat untuk menyokong projek RAPID PETRONAS. Insentif ILS juga akan membantu syarikat untuk bersaing di peringkat global dan menjadikan Malaysia sebagai hab untuk penggerudian luar pesisir. Dianggarkan bahawa Lima Bintang Logistics akan menyumbang pelaburan berjumlah RM35 juta sepanjang tempoh lima tahun.

Century Total Logistics Sdn. Bhd. adalah satu lagi syarikat logistik terkemuka di Malaysia. Perkhidmatannya meliputi logistik

bersepadu, logistik minyak dan logistik perolehan. Setelah menguruskan lebih dari 200,000 m² kemudahan gudang di Lembah Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas, syarikat ini akan menambah 60,000 m² lagi melalui pembinaan sebuah gudang bertingkat di *Eastern Gateway Industrial Hub*. Setelah pembinaan gudang canggi ini selesai, Century yang bakal beroperasi sebagai pusat pengedaran untuk pelbagai syarikat multinasional ini akan menjadi syarikat logistik tempatan pertama yang mengendalikan gudang bertingkat di Malaysia. Kemudahan ini akan mempunyai kelebihan infrastruktur ICT yang akan memenuhi kehendak aktiviti-aktiviti *contract logistics* dan *e-fulfillment* syarikat. Century Total Logistics telah mengikuti jejak langkah pemain logistik utama di Singapura yang terpaksa meneroka potensi di luar negara disebabkan kekangan sumber dan kos tanah.

Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa (IILS)

Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa atau status IILS diberikan kepada syarikat logistik yang menyediakan perkhidmatan logistik bersepadu yang lancar (pintu ke pintu) di sepanjang rangkaian nilai logistik sebagai entiti tunggal pada skala serantau atau global. Lesen Agen Kastam akan dikeluarkan oleh Kastam DiRaja Malaysia kepada syarikat-syarikat IILS berkeelayakan. Pada tahun 2015, sebanyak 19 syarikat telah dianugerahkan status IILS berbanding lapan pada tahun 2014. Daripada jumlah ini, sebanyak lapan adalah syarikat milik rakyat Malaysia.

Seterusnya, langkah strategik dan proaktif untuk mengukuhkan subsektor logistik dijangka akan


memberikan kesan positif yang signifikan kepada Malaysia dalam bentuk peningkatan pelaburan perniagaan, kadar pekerjaan yang lebih tinggi dan pengurangan kos menjalankan perniagaan. Peningkatan trend produk e-dagang dan produk khusus yang bernilai tinggi akan mendorong permintaan bagi pusat *fulfilment*, penghantaran tepat pada masa, dan perkhidmatan mengesan serta menjejaki barang. Peningkatan penggunaan ICT akan menjadi lebih kritikal kepada penyedia perkhidmatan logistik untuk beralih ke arah perkhidmatan rantaian bekalan bersepadu. Selari dengan kekukuhan rantaian ke belakang dan ke hadapan, subsektor logistik adalah penting bagi daya saing dan pertumbuhan ekonomi negara yang mampan.

Pelaburan yang telah diluluskan dalam operasi global, pertumbuhan-pertumbuhan lain serta subsektor logistik adalah bertujuan untuk mempromosikan Malaysia sebagai pasaran perdagangan langsung dan gerbang ke pasaran ASEAN yang mudah serta kos efektif. Pada masa yang sama, perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana di Malaysia yang bertapak di rantau ini akan mendapat manfaat melalui perkongsian dengan syarikat multinasional yang berwibawa dan inovatif serta menawarkan penyelesaian dan perkhidmatan berstandard tinggi.


Tenaga Boleh Diperbaharui

Mengimbangi pertumbuhan ekonomi dengan kepentingan alam sekitar ternyata menjadi salah satu cabaran terbesar ke arah pertumbuhan yang mampan. Momentum ekonomi karbon rendah telah meningkat

Pecahan Jumlah Pelaburan yang Diluluskan dalam Projek Tenaga Boleh Diperbaharui (RE) Mengikut Sumber, 2015



Pecahan Bilangan Projek yang Diluluskan dalam Tenaga Boleh Diperbaharui (RE) Mengikut Sumber, 2015



dan sektor tenaga alternatif kini semakin maju susulan keberhasilan positif Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 2015 di Paris. Persidangan tersebut telah mencapai kata sepakat di kalangan wakil 195 negara, di mana Perjanjian Iklim Paris yang menyokong untuk menghadkan kadar pemanasan global kepada kurang daripada dua darjah Celsius telah ditandatangani. Kesan daripada perjanjian ini berpotensi untuk menjana perubahan yang diperlukan oleh ekonomi global untuk merangsang pelaburan dalam sektor tenaga boleh diperbaharui dan kecekapan tenaga.

Seperti negara-negara lain, Malaysia juga telah menetapkan tenaga boleh diperbaharui sebagai keutamaan. Dengan kewujudan limpahan sumber tenaga boleh diperbaharui daripada biomas, biogas, hidro serta lokasi khatulistiwa yang strategik untuk solar, potensi

bagi penjana tenaga boleh diperbaharui adalah sangat besar. Malaysia telah menjadi salah satu pengeluar utama sel dan panel fotovoltaik solar untuk pasaran dunia. Dengan skim *Feed-in-Tariff* (FiT) yang diperkenalkan oleh Kerajaan, beserta pembiayaan kewangan sedia ada dan pelaksanaan yang berisiko rendah, penjana tenaga boleh diperbaharui daripada solar kekal menjadi pilihan utama. Pada tahun 2015, 66 peratus daripada keseluruhan projek tenaga boleh diperbaharui yang diluluskan adalah dari sumber solar.

Pada tahun 2015, sejumlah 128 projek tenaga boleh diperbaharui dengan pelaburan bernilai RM1.37 bilion telah diluluskan, di mana pelaburan domestik menyumbang RM1.35 bilion (98.3%) dan pelaburan asing sebanyak RM23.3 juta (1.7%). Projek ini dijangka akan menjana sebanyak 918 peluang pekerjaan. Projek tenaga solar yang diluluskan menyumbang

pelaburan berjumlah RM489.7 juta manakala 44 projek tenaga lain dalam biomas, biogas dan mini hidro telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM887.2 juta.

Antara projek utama yang diluluskan adalah sebuah projek mini hidro bernilai RM274.1 juta di Machang, Kelantan yang berpotensi untuk menjana kapasiti tenaga sebanyak 20 mega watt (MW) bagi kegunaan 20,000 rumah kediaman. Satu lagi projek signifikan yang diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM170 juta bagi penempatan loji kuasa biogas di beberapa ladang FELDA di mana loji ini akan menggunakan gas metana yang dihasilkan daripada *palm oil mill effluents* (POME) dengan menggunakan teknologi terkini.

Kecekapan/Pemuliharaan Tenaga

Sejak tahun 2000, intensiti tenaga bagi Malaysia (tenaga/



KDNK) telah semakin meningkat. Malaysia menggunakan lebih banyak tenaga untuk menghasilkan satu unit daripada KDNK dan ini telah mendorong Malaysia untuk meningkatkan kecekapan penggunaan tenaganya. Tahun 2015 menyaksikan peningkatan yang ketara untuk kelulusan projek berkecekapan tenaga berbanding pelaburan bernilai RM59 juta yang diluluskan pada tahun 2014. Pada tahun 2015, sejumlah 31 projek kecekapan dan pemuliharaan tenaga dengan jumlah pelaburan sebanyak RM406.5 juta telah diluluskan. Lima projek telah dilaksanakan melalui Perkhidmatan Syarikat Tenaga (ESCOs) dan 26 projek (akan memulakan) terutamanya daripada pelbagai subsektor seperti pengilangan, perdagangan dan hospitaliti. Pelaburan ini kebanyakannya daripada sumber domestik, sebanyak 79.9 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dan dijangka akan mewujudkan sebanyak 183 peluang pekerjaan.

Salah satu projek utama yang diluluskan dalam sektor ini adalah berkaitan pembekal perkhidmatan tenaga di Pulau Pinang. Ianya melibatkan loji penjanaan tenaga dengan jumlah pelaburan sebanyak RM207.1 juta, di mana projek ini akan dapat menghasilkan tenaga dalam bentuk elektrik dan stim yang dibekalkan kepada operator di taman perindustrian yang terlibat dalam industri kimia, makanan dan minuman (F&B) dan seramik.

Satu lagi projek ketara yang diluluskan adalah bagi bangunan komersil di Negeri Sembilan melibatkan syarikat yang menjalankan projek berkecekapan tenaga bersepadu

untuk pelanggan. Projek berkecekapan tenaga dengan pelaburan berjumlah RM34.8 juta ini akan membantu untuk mengurangkan penggunaan elektrik sehingga 45 peratus.

Dengan peningkatan kesedaran mengenai pentingnya kelestarian oleh syarikat-syarikat dan pengalangan insentif Teknologi Hijau di bawah Akta Cukai Pendapatan, 1967 yang menekankan bidang-bidang seperti tenaga boleh diperbaharui, kecekapan tenaga, bangunan hijau, pengurusan sisa bersepadu, perkhidmatan kenderaan elektrik dan perkhidmatan sokongan hijau, jumlah pelaburan hijau di Malaysia pada masa hadapan dijangka akan meningkat.

Perkhidmatan Perniagaan Dan Profesional

Pada tahun 2015, satu lagi projek outlet premium telah diluluskan dengan pelaburan

sebanyak RM222 juta daripada sumber tempatan. Ini adalah outlet premium pertama yang akan ditempatkan di kawasan utara Malaysia. Ia berpotensi untuk menawarkan sebanyak 900 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia dalam industri peruncitan. Outlet ini mempunyai lebih 140 buah kedai yang menawarkan jenama serta produk antarabangsa dan tempatan. Projek ini akan merangsang kedatangan pelancong serta meningkatkan perbelanjaan di Malaysia.

Penyelidikan & Pembangunan (R&D)

R&D terus meningkatkan inovasi di semua peringkat bagi merintis perubahan untuk menjadi negara yang berpacuan inovasi. Ini selaras dengan matlamat negara untuk mencapai 2 peratus Perbelanjaan Kasar R&D (GERD) pada tahun 2020. Di bawah RMK-11, R&D dijangka akan mengubah inovasi kepada kekayaan melalui



pengukuhan modal berkaitan bagi memupuk rangkaian dan kerjasama yang kukuh, serta kepercayaan di kalangan pihak yang berkepentingan.

MIDA terus memainkan peranan untuk mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan daya saing serta daya tahan ekonomi. Tumpuan MIDA bukan sahaja tentang nilai mutlak pelaburan tetapi juga dalam perkembangan ekosistem. Matlamat MIDA adalah untuk menjenamakan semula Malaysia sebagai hab untuk aktiviti berteknologi tinggi terutama dalam bidang R&D, reka bentuk dan pembangunan (D&D), pusat pengujian dan sokongan teknikal dan Pusat Kecemerlangan (CoE). Objektif MIDA adalah untuk menarik pelaburan yang akan membantu mengukuhkan reputasi Malaysia sebagai sebuah negara yang mampu menghasilkan produk dan perkhidmatan yang inovatif serta kreatif.

Antara agensi yang turut memacu pembangunan subsektor R&D dan agenda inovasi Malaysia adalah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Kumpulan Industri-Kerajaan untuk Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT), Agensi Inovasi Malaysia (AIM), Pusat Global Inovasi dan Kreativiti Malaysia (MaGIC) dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC). Kesemua agensi ini sedang bekerjasama dengan MIDA untuk membantu syarikat-syarikat menjalankan perniagaan berkaitan projek-projek R&D. Tujuannya adalah untuk menterjemah inovasi ke dalam kekayaan melalui modal berkaitan bagi memupuk kekukuhan hubungan, kerjasama dan kepercayaan di kalangan

pihak-pihak berkepentingan seperti di dalam RMK-11.

Dana Strategik Pelaburan Tempatan (DISF) adalah geran yang berfungsi sebagai pemangkin untuk memupuk lebih banyak projek inovatif dan berdaya maju. Dana ini berminat untuk menggiatkan pemerolehan teknologi oleh syarikat tempatan dan mendapatkan piawaian/sijil antarabangsa dalam industri strategik. Ini akan membantu syarikat untuk menjadi lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa untuk meningkatkan rantai nilai dan seterusnya membolehkan syarikat menjadi pemain aktif dalam ekosistem global. Geran DISF diberi kepada syarikat tempatan sebagai fasilitasi untuk menjalankan aktiviti R&D dan latihan, penyumberan luar, pematuhan dengan piawaian antarabangsa serta pelesenan/pembelian teknologi.

Antara Julai 2012 dan Disember 2015, sejumlah projek bernilai RM281.1 juta telah diluluskan di bawah pemberian geran R&D DISF terutamanya dalam bidang elektronik termaju (21 projek, RM113.3 juta), mesin dan peralatan dan kejuruteraan termaju (30 projek bernilai RM52.6 juta) serta sains hayat (11 projek bernilai RM23.7 juta).

Pada tahun 2015, sejumlah lima projek R&D dengan pelaburan bernilai RM84.3 juta diluluskan. Daripada jumlah ini, RM20.5 juta (24.3%) adalah dari sumber asing manakala RM63.8 juta (75.7%) adalah daripada sumber domestik. Projek ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 61 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi. Daripada lima projek tersebut, tiga adalah syarikat yang diluluskan insentif

cukai untuk menjalankan Kontrak R&D, satu masing-masing adalah untuk syarikat R&D yang diluluskan dan syarikat dianugerahkan Status R&D. Projek-projek Kontrak R&D yang telah diluluskan terdiri daripada pelaburan berjumlah RM25.2 juta, di mana RM20.5 juta datang dari sumber asing manakala RM4.7 juta adalah daripada sumber domestik. Projek-projek kontrak R&D ini akan menjana sebanyak 27 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi. Salah satu projek yang diluluskan akan menawarkan perkhidmatan kepada sektor E&E terutamanya dalam bidang *schematic circuits design, printed circuit board (PCB) layout design, prototyping and sample built, small lot board built (complete turnkey)*, test and fixtures and test board design. Syarikat ini merupakan satu-satunya syarikat tempatan yang mampu memasang sehingga 12 lapisan PCB dengan menggunakan teknologi terkini dan satu-satunya syarikat di Malaysia yang menyediakan reka bentuk litar bersepadu (IC) dan pembangunan. Syarikat milik penuh rakyat Malaysia ini juga telah diluluskan galakan Taraf Perintis di bawah MIDA. Projek ini melibatkan pelaburan sebanyak RM4.7 juta yang akan menjana sebanyak lapan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi.

Satu syarikat milik rakyat Malaysia yang berkepakaran dalam pembungkusan perindustrian telah melabur sebanyak RM14.5 juta bagi menubuhkan pusat R&D dan ujian yang membangunkan *nano-layered stretch films*, satu teknologi baharu untuk bahan pembungkusan perindustrian. Pusat ini juga akan menjalankan ujian ke atas piawaian kestabilan dan keselamatan menggunakan mesin simulator *real-time*. Satu lagi projek utama adalah dari syarikat yang berpangkalan

di United Kingdom dalam subsektor minyak dan gas yang berkepakaran dalam rekabentuk, pemerolehan dan pembinaan, pemasangan saluran paip, penerokaan penggerudian dan proses penapisan. Syarikat ini terlibat dalam aktiviti R&D dan pengujian yang tertumpu kepada analisis kimia, penyalutan, *fracture mechanics*, penilaian kritikal kejuruteraan, analisis kegagalan, *metallographic analysis* dan pengujian tapak bagi industri minyak dan gas dan lain-lain. Sebanyak RM8 juta akan dilaburkan dalam projek ini yang akan menyediakan perkhidmatan kepada syarikat tempatan dan luar negara.

Satu projek R&D yang signifikan dengan pelaburan diluluskan sebanyak RM44.5 juta akan melibatkan teknologi R&D terkini dalam sektor pertanian kelapa sawit terutamanya untuk aktiviti hiliran berkaitan oleo, bio-kimia dan makanan. Projek yang diluluskan akan menggunakan teknologi termaju untuk menyediakan penyelesaian lengkap (*end-to-end*) kepada pelanggan berhubung pengekstrakan minyak sawit mentah untuk pengeluaran komersil. Syarikat ini juga akan menjalankan kerjasama penyelidikan dengan institusi pengajian tinggi (IPT) untuk menggalakkan lagi perkongsian dalam bidang yang sama dan memajukan manfaat kepada kumpulan yang lebih besar dalam ekosistem. Projek ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 23 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi kepada rakyat Malaysia, terutamanya di kalangan pakar pertanian.

Satu lagi projek R&D yang diluluskan pada tahun 2015 adalah penubuhan Pusat R&D yang serba lengkap

untuk membangun dan memformulasikan bahan farmaseutikal aktif (API) bagi produk farmaseutikal generik dan proses pengeluaran yang berkaitan. API yang dibangunkan sepenuhnya melalui pelaburan dari Jepun yang berjumlah RM11.5 juta ini akan digunakan dalam pengeluaran ubat-ubatan rawatan penyakit yang berkaitan gaya hidup seperti kencing manis, darah tinggi dan penyakit jantung. Dijangkakan bahawa pemindahan teknologi dan kepakaran dari Jepun ini akan memberi manfaat kepada Malaysia dan kolaborasi di antara Pusat R&D dan universiti tempatan dapat memperkasakan keupayaan universiti tempatan dalam memenuhi permintaan sebenar industri.

Perkhidmatan lain-lain

Penjanaan sisa pepejal telah berkembang dan harus diuruskan secara efisien bagi mengelakkan sebarang kesan negatif terhadap alam sekitar. Untuk tujuan ini, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mewajibkan pengasingan sisa domestik yang baharu bermula September 2015 untuk menggalakkan aktiviti 3R (*reduce, reuse, recycle*). Proses kitar semula akan mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan baharu, menjana pendapatan melalui penjualan produk kitar semula dan menyumbang kepada pemuliharaan sumber mentah. Pada masa ini, kadar kitar semula berada di paras 14 peratus dan jika usaha diteruskan untuk mengekalkan kadar ini, Malaysia akan dapat mencapai sekurang-kurangnya 22 peratus kadar kitar semula pada tahun 2020.

Salah satu projek yang diluluskan pada tahun 2015 adalah untuk syarikat yang akan menjalankan aktiviti pemuliharaan dan kitar semula bersepadu di tapak pelupusan Pulau Pinang. Kemudahan fasiliti pemulihan bahan bernilai RM10 juta itu akan mengurangkan jumlah sampah di tapak pelupusan serta menghasilkan produk kitar semula untuk industri.

Minyak dan Gas

Pada tahun 2015, 13 projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM203.7 juta telah diluluskan oleh MIDA dalam subsektor pembuatan minyak dan gas. Projek-projek ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 542 peluang pekerjaan.

Salah satu projek utama yang diluluskan pada tahun 2015 adalah untuk mengeluarkan *wellheads* dari FMC Wellhead Equipment Sdn. Bhd., anak syarikat FMC Technologies Inc. Syarikat itu sedang membesarkan kemudahan sedia ada dengan pelaburan tambahan sebanyak RM28.3 juta. Syarikat ini juga merancang untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Pengeluaran Global bagi produk permukaan dan dasar laut. Satu lagi pelaburan berkualiti adalah dari Grayloc Products Limited, syarikat yang berpangkalan di Amerika Syarikat, dengan jumlah pelaburan sebanyak RM9.7 juta. Syarikat ini terlibat dalam pengeluaran penyambung dan alat ganti khusus bagi subsektor minyak dan gas.

Dalam subsektor perkhidmatan minyak dan gas, tiga projek telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM84.3 juta. Projek ini akan menjana sebanyak 91 peluang pekerjaan. Projek-projek

yang diluluskan ini melibatkan bidang perkhidmatan navigasi dan geologi, *non-destructive testing* (NDT), rekabentuk kejuruteraan, pengubahsuaian serta pembaikan atau pemulihan jentera dan peralatan.

Sepanjang tahun 2015, MIDA telah membantu tiga syarikat dalam subsektor perkhidmatan minyak dan gas dengan potensi pelaburan sebanyak RM3.7 bilion. Pelaburan ini dijangka akan menjana sebanyak 812 peluang pekerjaan. Salah satu daripada syarikat-syarikat ini terlibat dalam menubuhkan Pusat Kecemerlangan atau CoE untuk laut dalam serta gas asli cecair terapung (FLNG) dan aktiviti *enhanced oil recovery* (EOR) dengan nilai pelaburan sebanyak RM3.4 bilion. Manakala dua syarikat lain pula terlibat dalam rekabentuk dan pembangunan perkhidmatan kejuruteraan dan aktiviti-aktiviti intervensi telaga.

Hotel dan Pelancongan

Subsektor pelancongan secara global adalah salah satu industri terbesar yang sedang berkembang pesat dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi serta penjana peluang pekerjaan. Subsektor hotel dan pelancongan terus berkembang pada tahun 2015 dengan sejumlah 118 projek yang diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM5.4 bilion. Daripada jumlah ini, 90.7 peratus (RM4.9 bilion) adalah pelaburan domestik, manakala bakinya adalah pelaburan asing (RM480 juta).

Salah satu projek utama yang diluluskan dalam subsektor pelancongan adalah *Movie Animation Park Studios* (MAPS), taman tema animasi

antarabangsa pertama di Asia Tenggara di bawah perjanjian pelesenan dengan DreamWorks Animation LLC (DreamWorks). Projek ini melibatkan penggunaan empat harta intelek untuk watak-watak animasi terkenal di pawagam dan turut menampilkan persembahan lagak ngeri kereta serta motosikal secara langsung yang pertama di Asia Tenggara dalam arena yang memuatkan 2,000 tempat duduk. Projek ini dijangka akan mewujudkan lebih 500 peluang pekerjaan, sebaik sahaja ianya selesai dibina.

Sementara dalam subsektor hotel, antara projek penting yang diluluskan adalah rangkaian hotel mewah baharu St. Regis yang akan ditempatkan di Langkawi serta rangkaian hotel baharu bertaraf tinggi Sheraton yang akan ditempatkan berhampiran Lebuh raya Persekutuan di Petaling Jaya. Kedua-dua hotel adalah di bawah pengurusan Starwood Hotels & Resorts Worldwide, Inc., salah satu syarikat pengurusan hotel terkemuka di dunia.

Perkhidmatan Pendidikan

Subsektor pendidikan dikategorikan kepada empat bidang segmen utama iaitu penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak (ECCE), pendidikan asas (rendah dan menengah), pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET), serta pengajian tinggi. Subsektor pendidikan swasta di Malaysia telah menyokong usaha Kerajaan dengan menyediakan akses kepada pendidikan yang berkualiti dalam semua segmen.

Pada tahun 2015, sebanyak 613 projek telah diluluskan dalam subsektor ini yang melibatkan

pelaburan berjumlah RM1.5 bilion. Pelaburan domestik adalah sebanyak RM1.1 bilion (73.3%), manakala pelaburan asing RM440 bilion (26.7%). Sebagai perbandingan, sebanyak 468 projek telah diluluskan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1.6 bilion pada tahun 2014. Pelaburan yang diluluskan pada tahun 2015 melibatkan gabungan projek baharu dan projek pembesaran kolej/universiti, pusat kemahiran dan lain-lain institusi pendidikan swasta termasuk sekolah antarabangsa/swasta. Secara keseluruhan, terdapat 22 projek kolej/universiti swasta dengan pelaburan bernilai RM1.2 bilion dan 61 projek pusat kemahiran dengan pelaburan berjumlah RM318.8 juta. Terdapat juga 530 projek lagi diluluskan di bawah institusi pendidikan swasta yang kebanyakannya adalah tadika dan pusat perkembangan dengan pelaburan berjumlah RM578 juta.

Satu projek yang signifikan dalam subsektor perkhidmatan pendidikan melibatkan projek pembesaran sekolah antarabangsa dengan pelaburan RM428 juta oleh Raffles American School. Sekolah ini yang terletak secara strategik di Iskandar Malaysia akan menyumbang untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan pendidikan. Sekolah ini dimiliki sepenuhnya oleh Raffles Education Malaysia Pte. Ltd., Singapura. Sebanyak 89 peluang pekerjaan tambahan akan diwujudkan kepada rakyat Malaysia bermula Mac 2016.

Perkhidmatan Kesihatan

Selama ini, Malaysia telah menyaksikan pertumbuhan positif dalam industri pelancongan perubatan yang selaras

dengan usaha Kerajaan untuk mempromosikan pelancongan penjagaan kesihatan. Pada tahun 2014, Malaysia telah menerima sebanyak 882,000 pelancong kesihatan, berbanding dengan 881,000 dan 728,800 pelancong pada tahun 2013 dan 2012. Jumlah pelancong kesihatan pada 2014 berjaya menjana hasil sebanyak RM776.6 juta, berbeza dengan

RM726.2 juta dan RM603 juta pada tahun 2013 dan 2012.

Reputasi Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi mendapatkan kemudahan kesihatan serta perubatan dilihat semakin berkembang yang menjadi faktor tarikan pelancong dari seluruh dunia untuk mendapatkan rawatan bagi pelbagai keperluan perubatan.

Lima negara utama pelancong perubatan ke Malaysia adalah dari Indonesia, India, Jepun, United Kingdom dan Australia. Di antara rawatan perubatan popular di kalangan pelancong perubatan adalah saringan kesihatan, pembedahan am, kardiologi, onkologi, ortopedik, O&G, urologi, gastroenterologi, oftalmologi serta pembedahan kosmetik dan payudara.

MENJALINKAN KERJASAMA ERAT

Bagi mendedahkan peranan MIDA dalam membangunkan industri dan perniagaan di Malaysia serta mengeratkan hubungan di antara ahli akademik, mahasiswa universiti tempatan dan para pelabur, MIDA terus menganjurkan sesi perkongsian pengetahuan dengan kumpulan-kumpulan ini. Pada tahun 2015, MIDA telah bekerjasama dengan Monash University, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Universiti Malaysia Pahang dan Universiti Malaysia Terengganu untuk melaksanakan program ini yang membantu untuk menyelaraskan objektif universiti dengan agenda pembangunan pelaburan Malaysia. Pertukaran maklumat ini juga turut meningkatkan kerjasama teknikal di antara universiti dan para pelabur.

Bagi subsektor penjagaan kesihatan swasta, sejumlah 26 projek telah diluluskan pada tahun 2015 dengan pelaburan berjumlah RM3.76 bilion. Daripada jumlah ini, pelaburan domestik menyumbang sebanyak RM3.7 bilion (99.7%), manakala pelaburan asing berjumlah RM9.4 juta (0.3%). Ini merupakan peningkatan sebanyak 60.9 peratus dalam nilai pelaburan berbanding RM2.3 bilion daripada 22 projek pada tahun 2014.

Satu projek yang signifikan adalah Pusat Kecermelangan jantung dan vaskular yang satu-satunya di Asia Tenggara akan menawarkan pakej lengkap perkhidmatan dan rawatan jantung dan vaskular oleh Cardiac Vascular Sentral Kuala Lumpur. Projek hospital swasta dengan kemudahan 74 katil ini merupakan perkongsian di antara TE Asia Healthcare Partners dan pakar jantung serta vaskular terkemuka Malaysia. Dengan adanya hospital ini dan Institut Jantung Negara (IJN), Malaysia dijangka akan dapat mengukuhkan kedudukan di Asia sebagai peneraju dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan jantung. Projek ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 300 peluang pekerjaan, di mana 230 adalah dalam kategori mahir dan separuh mahir.

Selain daripada itu, terdapat empat lagi projek baharu dan 10 projek pembesaran/pemodenan/pengubahsuaian hospital swasta yang akan dilaksanakan oleh syarikat-syarikat di bawah Kumpulan Penjagaan Kesihatan KPJ Berhad. Pada kapasiti penuh, projek-projek ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 3,061 peluang pekerjaan baharu,

di mana 2,157 adalah dalam kategori pengurusan, penyeliaan dan teknikal. KPJ akan membina satu blok hospital di Hospital Pakar KPJ Perdana, Kelantan dengan tambahan 75 buah katil, serta membangunkan Hospital Pakar KPJ Pahang baharu di Pahang dengan kemudahan 122 buah katil baharu.

Syarikat Berstatus MSC

Pada tahun 2015, sejumlah 249 syarikat telah menerima status MSC dengan pelaburan yang diluluskan sebanyak RM4.7 bilion, berbanding 230 syarikat dengan pelaburan diluluskan RM3 bilion pada tahun 2014. Pelaburan domestik mencatatkan RM2.5 bilion manakala pelaburan asing adalah RM2.1 bilion. Sebanyak 12,853 peluang pekerjaan dijangka akan diwujudkan oleh syarikat-syarikat ini.

Daripada 249 syarikat, 33 akan menjalankan aktiviti multimedia kreatif dengan pelaburan yang diluluskan sebanyak RM191 juta (913 pekerjaan); 75 akan terlibat didalam perkhidmatan perniagaan global dengan pelaburan bernilai RM2.64 bilion (7,503 pekerjaan); enam adalah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan Inkubator dengan pelaburan berjumlah RM66.6 juta (191 pekerjaan); satu syarikat Inkubator dengan pelaburan sebanyak RM1.8 juta (11 pekerjaan); dan 134 syarikat Infotech dengan pelaburan berjumlah RM1.67 bilion (4,235 pekerjaan).

Sehingga Disember 2015, terdapat 3,881 syarikat berstatus MSC Malaysia, dimana 2,808 atau 74 peratus masih aktif.

Hartanah (Perumahan)

Sektor hartanah meliputi subsektor perumahan (tidak termasuk bangunan komersil) di Malaysia. Pada tahun 2015, sejumlah 911 projek dengan nilai pelaburan sebanyak RM26.9 bilion telah diluluskan, di mana hampir keseluruhan adalah daripada sumber domestik. Sebagai perbandingan, sebanyak 1,321 projek telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM88.6 bilion pada tahun 2014.

Pengangkutan

Subsektor pengangkutan meliputi aktiviti pengangkutan maritim, penerbangan, pembinaan lebuh raya dan aktiviti penyelenggaraan. Pada tahun 2015, sejumlah 56 projek telah diluluskan dengan pelaburan bernilai RM15.7 bilion. Pelaburan domestik mencatatkan RM15.6 bilion daripada jumlah pelaburan berbanding pelaburan asing RM74.5 juta. Sebanyak 513 peluang pekerjaan dijangka akan diwujudkan oleh subsektor ini. Sebagai perbandingan, pelaburan yang diluluskan dalam subsektor pengangkutan pada tahun 2014 adalah berjumlah RM6.3 bilion.

Keseluruhan pelaburan yang diluluskan pada tahun 2015 adalah dari pelaburan domestik, di mana subsektor pengangkutan maritim menyumbang pelaburan yang tertinggi dengan 21 projek bernilai RM2.2 bilion, manakala 32 projek pula telah diluluskan dalam subsektor penerbangan dengan pelaburan berjumlah RM1 bilion.

Utiliti

Penyumbang utama pelaburan dalam sektor perkhidmatan, subsektor utiliti terdiri daripada perkhidmatan utiliti tenaga dan air. Utiliti tenaga termasuk penjaanaan, transmisi dan pengagihan elektrik oleh TNB, Syarikat SESCO Berhad (SESCO) dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB). Perkhidmatan utiliti air pula disediakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Pelaburan pada tahun 2015 mencatatkan jumlah RM11.7 bilion berbanding RM9 bilion pada tahun 2014. Pelaburan pada tahun 2015 juga dikuasai oleh pelaburan langsung domestik (DDI).

Telekomunikasi

Subsektor telekomunikasi meliputi aktiviti fasiliti rangkaian, perkhidmatan rangkaian, perkhidmatan aplikasi (termasuk perkhidmatan aplikasi kandungan), pos dan penyiaran. Pada tahun 2015, pelaburan dalam subsektor ini mencatatkan jumlah RM2.9 bilion, di mana keseluruhannya disumbang oleh pelaburan domestik. Sebagai perbandingan, pelaburan yang diluluskan dalam subsektor telekomunikasi pada tahun 2014 berjumlah RM8.2 bilion.

Perkhidmatan Kewangan


Subsektor perkhidmatan kewangan merangkumi aktiviti perbankan, insurans dan pasaran modal (termasuk pengurusan dana, khidmat nasihat pelaburan, perancangan kewangan, modal teroka dan aktiviti pembrokeran). Pada tahun 2015, pelaburan dalam subsektor menyumbang sebanyak RM15.3 bilion. Sebagai perbandingan, pelaburan yang diluluskan pada tahun 2014 adalah sebanyak RM6.9 bilion.

Pelaburan ini dirangsang oleh sumber domestik sebanyak RM14.1 bilion berbanding pelaburan asing berjumlah RM1.2 bilion. Segmen perbankan kekal sebagai penyumbang terbesar dalam subsektor ini dengan pelaburan berjumlah RM15 bilion berbanding dengan pelaburan yang diluluskan pada tahun 2014 sebanyak RM6.6 bilion. Pelaburan di dalam Segmen ini didominasi oleh aktiviti perbankan konvensional sebanyak RM13.8 bilion diikuti oleh perbankan islam dengan pelaburan berjumlah RM1.1 bilion dan perbankan luar pesisir dengan pelaburan berjumlah RM81.6 juta. Pelaburan dalam insurans dan pasaran modal masing-masing berjumlah RM342 juta dan RM6 juta.

Perdagangan Pengeedaran

Satu lagi subsektor utama dalam sektor perkhidmatan adalah subsektor perdagangan pengeedaran yang terdiri daripada aktiviti perdagangan borong dan runcit, pasaraya besar/pasaraya dan aktiviti gedung membeli-belah serta jualan langsung dan pemfrancaisan. Ia juga meliputi projek-projek yang diluluskan di bawah Akta Pembangunan Petroleum (PDA), 1974. Pada tahun 2015, sebanyak 1,317 projek telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM6.8 bilion. Sejumlah 72,349 peluang pekerjaan dijangka akan diwujudkan oleh subsektor ini. Pelaburan pada tahun 2015 didominasi oleh pelaburan domestik sebanyak RM4.2 bilion berbanding pelaburan asing RM2.6 bilion. Walau bagaimanapun, pelaburan asing menunjukkan penurunan sebanyak RM4.9 bilion berbanding pelaburan yang diluluskan pada tahun 2014.

“*MENGUKUHKAN
ASAS,
MEMBENTUK
MASA
HADAPAN*”





3 KOLABORASI BAGI MENARIK PELABURAN BERKUALITI

Mengukuhkan Ekosistem Bagi Merangsang Pertumbuhan Maman

Untuk meningkatkan daya saing Malaysia, Kerajaan berterusan menambahbaik dan memperkukuhkan dasar pelaburan dan insentif seiring dengan pembangunan ekonomi global. Sejarah dengan rangka kerja transformasi Kerajaan, MIDA akan terus bekerja keras untuk memastikan lonjakan ketara dalam aktiviti pelaburan dengan menggunakan pendekatan ekosistem dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Sasaran MIDA adalah untuk memanfaatkan sumber-sumber baharu yang memiliki kelebihan persaingan serta memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan modal insan bagi setiap bakal pelabur.

MIDA juga telah menetapkan sasaran untuk menggalakkan projek-projek pelaburan berkualiti tinggi yang berorientasikan teknologi; bernilai ditambah tinggi, berasaskan pengetahuan, berintensifkan kemahiran, dan berorientasikan eksport. Projek yang berintensifkan modal, reka bentuk dan R&D turut dialu-alukan. Pada dasarnya, projek-projek ini perlu memberi kesan yang tinggi terhadap PNK dan menyokong pertumbuhan industri tempatan. MIDA juga melaksanakan pelbagai strategi pelaburan baharu seperti memperkenalkan Malaysia sebagai hab teknologi tinggi bagi perkilangan dan perkhidmatan.

Memacu Pertumbuhan Pelaburan Menerusi Perkongsian Kukuh

Bagi menyokong pendekatan ekosistem Kerajaan dalam

membangunkan pelaburan, MIDA berterusan memainkan peranan penting dalam mewujudkan persekitaran yang mesra pelabur menerusi hubungan kerjasama yang erat dengan pihak pemain industri dan agensi Kerajaan yang strategik.

Selaras dengan peruntukan Akta MIDA (Perbadanan), 1965, MIDA telah diberi mandat oleh Kerajaan untuk bertindak sebagai "tetingkap tunggal" untuk menyelaraskan semua aktiviti penggalakan pelaburan di Malaysia. Sebagai agensi penyelaras pelaburan yang utama, MIDA juga merupakan rujukan pertama para pelabur bagi mendapatkan maklumat berkaitan pelaburan dalam mana-mana sektor ekonomi di Malaysia.

Untuk mengukuhkan keseluruhan ekosistem pelaburan, MIDA bersama Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), sebuah unit di bawah Jabatan Perdana Menteri, telah menganjurkan Bengkel Penyelarasan Pelaburan Nasional (NIC) dan Makmal Mini. Inisiatif-inisiatif ini dijalankan dengan satu matlamat yang sama - untuk menyelaras semua aktiviti-aktiviti pelaburan di kalangan Agensi Penggalakan Pelaburan (IPA), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Agensi Koridor Ekonomi. Kejayaan inisiatif-inisiatif yang ditambah menerusi bengkel NIC dan makmal ini bergantung kepada usahasama dan komitmen kesemua pihak berkepentingan untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan di rantau ini. Berdasarkan rekod prestasi kukuh yang ditunjukkan sehingga kini, ternyata sumbangan



kebanyakan agensi adalah tidak mengecewakan.

Usaha kolaborasi MIDA bagi merangsang keyakinan pelabur juga turut diluaskan dengan memupuk hubungan baik bersama beberapa agensi strategik. Agensi-agensi ini adalah Pusat Kolaborasi Penyelidikan Kejuruteraan, Sains dan Teknologi (CREST), Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC), Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp) dan Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp).



Reveal & Discover Lecture Series oleh Dr Azizi (Siltera)



Pusat Kolaborasi Penyelidikan Kejuruteraan, Sains dan Teknologi (CREST)

Setelah memasuki tahun ketiga operasi, CREST terus berkhidmat sebagai pemangkin untuk memacu kolaborasi di antara pemain industri, akademik dan organisasi Kerajaan yang terlibat dalam pembangunan industri Elektrik dan Elektronik (E&E) Malaysia.

Untuk mengukuhkan kolaborasi industri-akademia, Forum Industri-Akademia CREST yang pertama telah dilancarkan dengan jayanya semasa mesyuarat pada Mac 2015. Forum itu telah menarik sebanyak 115 pakar teknikal, pemimpin pengurusan dan ahli akademik dari 18 syarikat, 18 universiti dan tujuh agensi Kerajaan.

Program Geran R&D CREST berterusan menyumbang nilai kepada ekosistem R&D

negara serta menggalakkan kerjasama penyelidikan industri-akademia dengan fokus untuk membangunkan kluster utama dan bidang teknologi domain yang telah dikenal pasti oleh industri. Dengan memanfaatkan keunikan model program ini, syarikat dan universiti beroleh faedah daripada sinergi kolaborasi dengan mencurahkan idea-idea baharu yang inovatif serta perkhidmatan dan produk baharu sambil memupuk bakat dan kepakaran dalam industri. Setakat ini, sebanyak 34 syarikat tempatan, 17 syarikat MNC dan 21 universiti sedang mengusahakan 97 projek yang bernilai RM83 juta menerusi portfolio geran R&D CREST. Daripada 97 projek ini, 14 daripadanya telah disiapkan.

Beberapa hasil penyelidikan telahpun diaplikasikan ke dalam produk dan perkhidmatan syarikat. Susulan setelah projek-projek R&D ini selesai, hasil-hasil penyelidikan dikongsi bersama

ahli industri dan akademik melalui platform *Reveal & Discover Series*. Ini dapat membantu untuk menggalakkan lagi kolaborasi dalam bidang berkaitan dan mengembangkan faedah daripada penyelidikan tertentu kepada kumpulan yang lebih besar. Pada tahun 2015, tiga sesi perkongsian teknikal ke atas hasil penyelidikan yang dijalankan menerima sambutan yang menggalakkan daripada pemain industri dan akademik. Di bawah program Geran R&D CREST, projek-projek yang berpotensi untuk dikomersilkan akan terus dikenalpasti dan disokong, manakala sesetengah daripadanya pula disambung untuk menjalani penyelidikan tambahan.

CREST terus bekerjasama dengan pelbagai rakan industri untuk merapatkan jurang di antara pembelajaran dan aplikasi industri yang praktikal. Pada tahun 2015, CREST telah

memperluaskan kurikulum yang berkaitan industri dalam program pembangunan bakat mahasiswa yang sedang dijalankan di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Sains Malaysia (USM). CREST telah memperkenalkan enam topik baharu mengenai *embedded systems* kepada pelajar tahun akhir UiTM dalam bidang Kejuruteraan Komputer dan Mikroelektronik, manakala empat lagi topik berkaitan rekabentuk dan pengilangan bahan elektronik telah ditawarkan kepada pelajar tahun akhir bidang Kejuruteraan Kimia di USM. Setakat ini, usaha CREST telah menyaksikan lebih 2,583 orang mahasiswa dari 15 universiti telah dilatih oleh lebih 30 orang pakar industri yang meliputi 19 topik berkaitan industri.

Pada tahun 2014 yang lalu, CREST telah menjalinkan kolaborasi strategik dengan *University of California Santa Barbara* (UCSB) untuk memberi manfaat kepada syarikat tempatan bagi membangunkan generasi seterusnya dalam pencahayaan LED dan laser. Kolaborasi CREST-UCSB melibatkan empat institut pengajian tinggi (IPT) Malaysia dan tiga pengeluar LED tempatan. Tahun 2015 telah memateri permulaan rasmi inisiatif GaN-on-GaN (*gallium nitride on gallium nitride*) dengan UCSB. Ini akan melibatkan pemindahan pengetahuan dan menyaksikan lawatan penyiasat prinsipal dari UCSB ke Malaysia sebanyak beberapa kali setahun. Tahun tersebut juga menyaksikan CREST mengukuhkan perannya sebagai peneraju dalam bidang ini dengan mengundang pemenang Nobel Profesor Shuji Nakamura - "The Father of GaN

Blue LED" untuk menyampaikan syarahan umum di Universiti Malaysia.

CREST berterusan mengukuhkan ikatan untuk memacu inisiatif tiga hala industri-universiti-Kerajaan. Sasaran inisiatif *Industry Linkages* adalah untuk memanfaatkan phubungan di antara universiti-universiti bagi memperoleh pembiayaan luar untuk menyokong inisiatif berkaitan industri. Ini dilaksanakan menerusi kolaborasi dengan kementerian dan agensi seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Akademi Sains Malaysia dan Dana Apex USM. Perlantikan CREST sebagai penasihat industri kepada USM, UiTM dan UniMAP akan menyerlahkan lagi perannya sebagai wakil dan suara industri.

Kini, universiti swasta milik asing di Malaysia seperti *Curtin*

University, Monash University, University of Nottingham dan University of Southampton telah menjadi sebahagian daripada pasukan kolaborasi penyelidikan CREST. Melangkah ke hadapan, CREST akan terus menggalakkan kolaborasi di antara industri dan universiti tempatan dengan rakan kongsi global yang terkenal dalam bidang-bidang khusus.

Satu lagi inisiatif CREST, platform terbuka inovasi oleh *The Great Lab* terus memberi cabaran kepada pelajar mahasiswa dan siswazah untuk menyelesaikan masalah sebenar perindustrian. Pemenang atau peserta yang disenarai pendek akan diberi ganjaran berupa penempatan industri di syarikat yang mengambil bahagian serta pementoran dari pakar-pakar industri. Pada tahun 2015, platform *The Great Lab* melancarkan tujuh



bengkel cabaran industri yang menyaksikan penyertaan lebih 350 orang pelajar. Dalam fasa seterusnya, cabaran-cabaran ini akan menjadi sebahagian daripada projek rekabentuk pelajar di UiTM, USM dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

CREST juga berterusan mempromosikan program kesedaran dan peluang kerjaya dalam bidang kluster utama. Aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan bidang kluster seperti kem kesedaran/kerjaya, lawatan perindustrian serta bengkel cabaran dan teknikal telah dianjurkan di peringkat sekolah menengah dan universiti dengan sokongan dari pihak industri, universiti dan agensi Kerajaan lain-lain. Pada tahun 2015, Program Belia CREST telah melibatkan sebanyak 1,167 pelajar dari 39 sekolah.

Untuk membantu mengukuhkan industri dan ekonomi Malaysia, CREST telah memulakan strategi Fasa II untuk membangunkan inisiatif kluster. Fasa ini telah menyaksikan pelancaran *Internet of Things (IoT) Cloud Data Centre and Research Laboratory (ICDC Research Lab)* di Pulau Pinang oleh CREST bersama pemain industri seperti Cisco, Dell, IBM, Intel, Kontron dan USM. *ICDC Research Lab* membolehkan individu dan syarikat untuk menjalankan kolaborasi R&D, membangunkan *proof-of-concept (PoCs)* dan penyelesaian berkaitan IOT. Setakat ini, ICDC telah menyediakan akses remote kepada sebanyak lebih 10 penyelidik dan usahawan teknologi bagi mengusahakan projek berkaitan IOT dalam bidang penjagaan kesihatan, bandar pintar, peruncitan,

perkilangan, pertanian dan pengangkutan.

Kini CREST telah menempatkan dua kluster IOT berkaitan industri yang aktif iaitu *Connected Healthcare Cluster* dan *iTransport* yang menawarkan penyelesaian IOT dalam pasaran menegak bagi industri penjagaan kesihatan dan pengangkutan. CREST juga memainkan peranan penting dalam *National IOT Strategic Roadmap* yang menyokong projek pemantauan penjagaan kesihatan berterusan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Inisiatif IoT berterusan mengorak kemajuan yang positif, terutamanya dalam *Healthcare Connected Cluster*. Tahun 2015 menyaksikan Persidangan Tele-Perubatan Malaysia yang pertama, sementara Cabaran Inovasi Tele-Perubatan bagi komuniti kluster masyarakat juga telah dilancarkan. Acara ini bukan sahaja mendapat sambutan yang baik dari kalangan penyelidik di universiti, malah dari pakar dan usahawan teknologi muda yang bersemangat untuk melakukan perubahan. Cabaran ini telah menghimpunkan seramai 193 peserta, tetamu jemputan dan penceramah.

Susulan cabaran tele-perubatan ini, satu syarikat permulaan telah bertapak di bangunan CREST. Pada tahun 2015 sahaja, bangunan CREST telah disewa kepada tujuh penyewa aktif yang menyediakan perkhidmatan atau sedang membangunkan produk sendiri dalam bidang rekabentuk IC, IOT dan kejuruteraan *turnkey*.



Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC)

Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) telah ditubuhkan 20 tahun lalu untuk membangunkan *Multimedia Super Corridor (MSC Malaysia)*, menasihati Kerajaan berhubung dasar dan perundangan serta menetapkan standard pencapaian bagi operasi multimedia. Hari ini, MDeC terus memacu pembangunan industri ICT Malaysia, meningkatkan penggunaan teknologi serta meningkatkan kesan ekonomi dan impak ICT kepada negara.

Tahun 2015 menyaksikan beberapa pencapaian penting MDeC dengan pelancaran beberapa program ICT utama negara. Di bawah kepimpinan Ketua Pegawai Eksekutif yang baharu, organisasi telah melancarkan inisiatif-inisiatif ICT yang menyokong agenda negara dan pembangunan industri. Pada tahun 2015, sebanyak 249 syarikat baharu telah dianugerahkan status 'MSC Malaysia' dengan jumlah pelaburan sebanyak RM4.57 billion. Pelaburan domestik menyumbang sebanyak 55 peratus (RM2.5 billion) daripada jumlah pelaburan manakala pelaburan asing pula menyumbang baki 45 peratus (RM2.1 billion). Pelaburan baharu tersebut dijangka akan mewujudkan sebanyak 12,852 peluang pekerjaan. Sehingga Disember 2015, terdapat sejumlah 3,881 syarikat berstatus MSC Malaysia, di mana 2,808 syarikat atau 74 peratus sedang aktif.



Tahun ini menyaksikan pelancaran dua inisiatif utama negara iaitu program kerja *crowdsourcing* (eRezeki) dan program keusahawanan dalam talian (eUsahawan). Inisiatif eRezeki disasarkan kepada penduduk Malaysia dalam kategori Bawah-40 (B40) dan membolehkan mereka memperolehi pendapatan tambahan melalui *simple and menial jobs* secara atas talian. Program eUsahawan merangkumi usahawan mikro serta pelajar-pelajar di institusi pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) dengan mendedahkan mereka mengenai pemasaran atas talian melalui platform media sosial. Kedua-dua program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan menunjukkan pertumbuhan memberangsangkan dengan sasaran untuk dikembangkan ke seluruh negara.

Pada September 2015, MDeC telah menganjurkan kempen tahunan MYCYBERSALE kedua yang mendapat penyertaan atas talian lebih tinggi di kalangan peruncit, memandangkan tempoh kempen yang lebih panjang dan jualan yang meliputi pasaran serantau. Lebih 400 peniaga mengambil bahagian dalam kempen ini, merekodkan jualan melebihi RM117 juta dalam tempoh lima hari kempen tersebut berbanding dengan tahun sebelumnya yang mencapai jualan sebanyak RM67 juta.

Salah satu faktor utama bagi pencapaian tahun 2015 adalah peningkatan kesedaran mengenai *Big Data Analytics* (BDA) yang didorong oleh usaha-usaha ke arah *Big App Challenge 2.0* (BAC 2.0). BAC 2.0 menunjukkan kepentingan BDA dalam menyelesaikan cabaran yang dihadapi Malaysia

mengenai isu-isu negara dan kesejahteraan masyarakat melalui data terbuka sektor kerajaan dan swasta. Seramai 258 peserta telah bersaing untuk menghasilkan sebanyak 65 penyelesaian BDA berdaya maju. Ternyata BAC 2.0 merupakan platform yang memberi inspirasi ke arah kreativiti dan inovasi digital melalui sokongan data terbuka. Ia mempunyai innovator yang aktif untuk menemui penyelesaian baharu bagi memudahkan kehidupan seharian, di samping menyokong pertumbuhan ekonomi digital negara di bawah agenda Digital Malaysia.

Inisiatif BDA juga telah melahirkan projek-projek lain seperti ASEAN *Data Startup Accelerator* dan ASEAN *Data Incubator* yang disokong oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM). Program-program ini akan digabungkan ke dalam ASEAN Data Analytics eXchange (ADAX) iaitu inisiatif lanjutan oleh MDeC yang akan menyetengahkan model pembangunan insan yang inovatif menggabungkan teknologi BDA terkini dan analisis data projek perintis terkini untuk ASEAN, serta memperkenalkan BDA permulaan dan program pemekatan.

Satu lagi peristiwa penting yang dicapai pada 2015 adalah pelancaran MDeC *Americas in Silicon Valley*, yang akan menempatkan syarikat-syarikat berteknologi utama seperti Google, Apple dan Cisco Systems. Dengan pembukaan MDeC Americas, MDeC telah memperluaskan akses pasaran dan peluang pelaburan bagi syarikat-syarikat MSC tempatan. Pada November 2015, MDeC

telah menganjurkan *Silicon Valley Experiential Mission* untuk 21 buah syarikat MSC dalam usaha untuk membolehkan syarikat-syarikat tempatan mendapatkan pengalaman mengenai jenis penyelidikan, inovasi, pemasaran produk, pembiayaan dan akses pasaran *Silicon Valley*.

Bagi menyokong industri permainan elektronik tempatan, MDeC telah melancarkan hab pemecatan pembangunan permainan elektronik bagi rantau ini iaitu GameFounders Asia. Inisiatif ini telah dilancarkan dengan kerjasama GameFounders, sebuah syarikat pemacu permainan global yang beroperasi di Eropah sejak tahun 2012. Perkongsian ini bertujuan untuk membantu syarikat permulaan atau studio permainan elektronik Asia untuk mengatasi cabaran pertumbuhan dengan menyediakan kepakaran mendalam yang berkaitan dengan pembiayaan, pementoran dan akses pasaran. Program pemecatan menyediakan akses kepada lebih 120 pakar permainan elektronik, Ketua Pegawai Eksekutif dan pemaju terkenal dari studio permainan elektronik global seperti Kings, PopCap, Rovio, Unity, Nintendo dan banyak lagi.

Menyedari pertumbuhan bakat dalam ekosistem syarikat permulaan tempatan, MDeC telah memperkenalkan status MSC Malaysia bagi program *Startups* sebagai platform lanjutan untuk membawa syarikat permulaan tempatan ke peringkat seterusnya. Selain daripada insentif yang disediakan di bawah *Bill of Guarantees* (BoGs), syarikat berstatus MSC Malaysia juga

boleh memanfaatkan peluang yang terdapat dalam ekosistem Komuniti MSC Malaysia. Ini termasuk peluang untuk mengembangkan objektif perniagaan dan perkongsian serta program pembangunan keupayaan untuk meningkatkan daya saing dan akses pasaran menerusi jaringan hubungan supaya lebih kompetitif di peringkat global. Inisiatif pembangunan negara ini disokong oleh Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC) dan lain-lain pemain utama dalam ekosistem *startup* seperti StartupMalaysia.org, New Entrepreneurship Foundation (MyNEF), Cradle, Cyberview, National Incubator Network Association (NINA), 500 Startups, Technopreneur Association of Malaysia (TeAM) dan Founder Institute (FI).



Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC)

Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) bertanggungjawab untuk menyelaras pembangunan industri halal negara secara keseluruhan untuk mencapai visi Malaysia menjadi Hab Halal Global. Penglibatan Malaysia dalam menggalakkan pertumbuhan industri Halal bermula dengan pengeluaran sijil Halal dan kini telah berkembang dengan pesat di mana Malaysia merupakan pemain utama dalam pelbagai sektor rantaian

bekalan Halal. Dengan kerangka dasar, institusi sokongan dan kemudahan infrastruktur yang bersesuaian untuk terus membangunkan industri sedia ada, Malaysia telah mencapai kemajuan yang lebih besar.

Kini Malaysia sedang memasuki fasa akhir Pelan Induk Industri Halal (2008-2020) yang bertujuan untuk menjadikan negara sebagai Pusat Rujukan Halal Global bagi pengetahuan integriti Halal. Malaysia juga ke arah menjadi peneraju untuk memacu inovasi, pengeluaran dan perdagangan produk dan perkhidmatan Halal; dan sedang menggiatkan lagi pertumbuhan bidang Halal yang baharu, membangun dan bernilai ditambah yang lebih tinggi.

HDC berterusan menunjukkan prestasi yang memberangsangkan, di mana sehingga Disember 2015, terdapat 14 Taman Halal yang diakreditasi oleh HDC (Status HALMAS) di seluruh Malaysia dengan jumlah pelaburan sebanyak RM9.43 bilion dan menjana sebanyak 7,749 peluang pekerjaan dalam bidang berkaitan Halal. HDC terus menarik syarikat-syarikat asing, terutamanya syarikat-syarikat MNC untuk melabur dalam 22 buah Taman Halal yang terletak di seluruh negara. Setakat ini, syarikat-syarikat terkemuka dari Amerika Syarikat, Jepun dan Taiwan telah membuat pelaburan yang signifikan seperti Kelloggs, Kewpie, Cargill, Coca Cola, Circle Tulen, Oleon dan PML Dairies.

Pada tahun 2015, Taman Halal Malaysia semakin mendapat perhatian, di mana AlJomaih Group of Saudi Arabia yang merupakan salah satu daripada 10 kumpulan pelabur utama

di rantau ini telah mengenal pasti Malaysia sebagai lokasi ideal untuk pelaburan dalam projek berkaitan Halal dan memperuntukkan pelaburan dalam bidang farmaseutikal dan nutraseutikal sebanyak USD150 juta. Kumpulan tersebut juga merancang untuk menjadikan Malaysia sebagai hab farmaseutikal yang akan menawarkan perkhidmatan kepada pelanggan di rantau ASEAN, negara-negara Gulf Corporation Council (GCC) serta Afrika. Sehingga kini, kumpulan tersebut telah menubuhkan AJ Pharma Holding Sdn Bhd (AJ Pharma) untuk menumpukan pelaburannya dalam sektor penjagaan kesihatan dan bioteknologi di Malaysia dan rantau ini.

AJ Biologics Sdn Bhd (AJB) adalah projek pelaburan perdana di bawah AJ Pharma dalam industri farmaseutikal, bioteknologi dan penjagaan kesihatan. AJB telah dianugerahkan status BioNexus oleh BiotechCorp dan juga telah dikenal pasti sebagai Projek Permulaan (EPP) di bawah NKEA-Penjagaan Kesihatan dalam ETP. Dengan pelaburan sebanyak RM250 juta, AJB akan menjadi pengilang vaksin yang pertama di Malaysia.

Pelaburan kedua di bawah AJ Pharma, AJ Research & Pharma Sdn. Bhd. (AJRP), adalah syarikat perkilangan formulasi generik berjenama berasaskan penyelidikan yang akan menghasilkan produk farmaseutikal dan nutraseutikal halal yang berkualiti tinggi. Pelaburan permulaan AJRP yang berjumlah RM126 juta ini akan memasarkan dan menjual produk secara langsung melalui rantaian farmaseutikal runcit terkemuka di

pasaran-pasaran baharu. Syarikat tersebut telah menubuhkan pejabat di Malaysia, Myanmar, Vietnam, Filipina, Kemboja, Singapura dan Lao PDR. Tapak kilang AJB dan AJRP ini terletak di enstek@techpark, Nilai yang telah ditetapkan sebagai Taman Halal HALMAS.

HDC telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan United Malayan Land Bhd (UM Land) untuk memberi khidmat nasihat dan lain-lain sokongan bagi pembangunan Taman Halal Johor (JHP). JHP akan menjadi taman halal bersepadu yang pertama dengan kemudahan bertaraf dunia. Taman ini menawarkan akses terbaik dari darat, laut dan udara, serta sumber tenaga gas lebih murah kerana kedudukannya yang berhampiran dengan saluran paip gas utama.

JHP akan menjadi lokasi pilihan kepada bakal pelabur memandangkan kemudahan dan perkhidmatan terancang merupakan faktor yang dipertimbangkan oleh pelabur untuk membuat keputusan. Taman ini mensasarkan industri berasaskan bio dan pengilang produk Halal serta syarikat-syarikat di Singapura yang berhasrat untuk menempatkan semula operasi. Projek JHP akan dibangunkan dalam tiga fasa sehingga tahun 2020 yang melibatkan pembangunan pusat konvensyen dan pusat data.



Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp)

BiotechCorp, sebuah agensi di bawah bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi atau MOSTI, merupakan agensi peneraju bagi pembangunan industri berasaskan bio di Malaysia.

Tahun 2015 merupakan tahun akhir bagi fasa 'Sains kepada Perniagaan' yang telah ditetapkan menerusi Dasar Bioteknologi Negara, di mana BiotechCorp kini sedang beralih ke arah implementasi fasa 'Perniagaan Global'. Dalam fasa ini BiotechCorp akan tertumpu dalam usaha untuk menggabungkan kekukuhan dan keupayaan syarikat-syarikat Malaysia dalam meneroka dan membangunkan produk baharu berasaskan bio. Pada masa yang sama, Agensi ini akan membangunkan jenama global untuk syarikat dan produk bioteknologi Malaysia.



Setakat ini, BiotechCorp telah meluluskan sebanyak 267 syarikat berstatus BioNexus dengan pelaburan yang diluluskan berjumlah RM6.5 bilion bagi sektor bio-perubatan, ag-bioteknologi dan bio-industri. Pada tahun 2015, 26 syarikat baharu telah dianugerahkan status BioNexus. Jumlah pelaburan direalisasikan bagi syarikat-syarikat BioNexus pula adalah sebanyak RM181 juta, di mana RM96 juta disumbangkan oleh sektor ag-bioteknologi, manakala RM54 juta dan RM31 juta pula adalah bagi pelaburan dalam sektor bioperubatan dan bio-industri.

Tiga projek utama yang diluluskan telah menyumbang jumlah pelaburan langsung lebih RM1 bilion pada tahun 2015. Pelaburan signifikan dalam sektor ag-bioteknologi merupakan projek udang akuakultur bersepadu dengan pelaburan sebanyak RM846 juta di kawasan seluas 1,700 hektar yang akan memberi manfaat kepada masyarakat tempatan di kawasan itu. Sehingga kini, lebih daripada 50 peratus daripada keseluruhan projek itu telah selesai.

Bagi bio-industri, sebanyak RM171 juta telah diluluskan bagi pelaburan dalam projek pengeluaran komersial yang melibatkan *bioethanol*, *bioisoprene* dan asid organik. Syarikat berkenaan telah membangunkan platform teknologi fermentasi berasaskan *microbial* yang akan menukar karbon dari pelbagai sumber bahan mentah bukan gula untuk menghasilkan pelbagai produk bahan kimia. Kilang pengeluaran tersebut dijangka akan siap pada akhir tahun 2017.

Di bawah sektor bio-perubatan, pelaburan sebanyak RM50 juta telah diluluskan bagi menubuhkan hab serantau untuk pengilangan kontrak dan aktiviti-aktiviti pengedaran yang berkaitan dengan produk terapi selular. Fasiliti ini dijangka akan dapat membekalkan pelbagai terapi selular yang berkualiti tinggi dan berasaskan bukti dalam skala pengkomersilan kepada rantau ASEAN dan seterusnya.

TalentCorp

M A L A Y S I A

Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp)

Pada ketika berhadapan persaingan yang sengit untuk FDI, adalah penting bagi Malaysia untuk mengekalkan daya tarikan sebagai destinasi pelaburan pilihan melalui penghasilan modal insan yang berkualiti. MIDA terus bekerjasama dengan

Talent Corporation Malaysia (TalentCorp) bagi memastikan negara ini mempunyai kumpulan talent yang mencukupi untuk mencapai objektif ekonomi Malaysia.

Untuk memastikan syarikat terkemuka di Malaysia mempunyai bekalan graduan yang mampan dan berkeupayaan bagi menjana pertumbuhan perniagaan, TalentCorp sedang bekerjasama rapat dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan pemain utama industri untuk memacu Kolaborasi Industri-Akademia (IAC). Inisiatif IAC bertujuan untuk menangani ketidakpadanan di antara kemahiran graduan baharu dengan keperluan industri. April 2015 menyaksikan pelancaran inisiatif IAC pertama bagi sektor Elektrik & Elektronik (E&E), dengan memberi tumpuan kepada kluster teknologi utama, IAC bagi sektor E&E telah mendedahkan pengalaman industri yang lebih besar untuk mengasah kemahiran





jurutera muda. Platform seperti pertandingan *Innovate Malaysia Design* dan latihan berstruktur seperti program iHIT di UiTM telah membantu merapatkan jurang ketidaksepadanan kemahiran.

TalentCorp berterusan menawarkan insentif cukai ke atas perbelanjaan syarikat-syarikat yang menyediakan latihan industri dan program berstruktur yang dibiayai bersama dengan sektor swasta kepada lebih 12,000 mahasiswa. Pada tahun 2015, program latihan peningkatan kemahiran industri telah dianjurkan kepada lebih 7,000 graduan baharu untuk menyesuaikan bakat dengan keperluan industri. Melalui inisiatif *Scholarship Talent Attraction and Retention (STAR)*, siswazah yang menerima biasiswa

Kerajaan boleh menjalani bon perkhidmatan dengan berkerja di dalam sektor swasta menerusi syarikat-syarikat terkemuka di Malaysia. Pada tahun 2015, di bawah inisiatif STAR, lebih daripada 900 penerima biasiswa Kerajaan termasuk graduan kejuruteraan, sains dan perakaunan dari universiti tempatan dan luar negara telah ditawarkan pekerjaan oleh majikan swasta dalam sektor minyak dan gas, perkhidmatan profesional dan perkilangan.

Di bawah program MY ASEAN Internship, rakyat Malaysia boleh menjalani latihan industri di Asia Tenggara dengan syarikat-syarikat ternama Malaysia di peringkat serantau seperti AirAsia, Axiata dan Maybank. Untuk membuka peluang lebih ramai

mahasiswa kepada latihan dan peluang kerjaya dalam industri utama Malaysia, inisiatif baharu seperti pusat maklumat kerjaya - *Industry Engagement Zone (Ind-E-Zone)* telah dilancarkan di 11 buah universiti awam di seluruh negara.

TalentCorp terus menyokong usaha majikan dalam menggalakkan rakyat Malaysia di luar negara yang berkepakaran untuk pulang dengan memanfaatkan *Returning Expert Programme (REP)*. Laporan Bank Dunia pada Jun 2015 menyatakan bahawa REP telah berjaya membawa pulang rakyat Malaysia di luar negara dengan kemahiran yang diperlukan oleh Malaysia. Pada tahun 2015, lebih daripada 600 profesional rakyat Malaysia yang berpengalaman bekerja di luar negara telah diluluskan di bawah REP. TalentCorp juga terus bekerjasama lebih erat dengan majikan dan firma carian eksekutif dalam menghubungkan bakat Malaysia di luar negara dengan peluang-peluang pekerjaan di Malaysia.

Bakat asing dengan kemahiran profesional yang tepat akan menyumbang dalam meningkatkan rantai nilai industri di Malaysia, terutamanya dalam bidang yang berintensifkan pengetahuan. Menerusi Pas Residen-Bakat (RP-T), inisiatif oleh TalentCorp dan Jabatan Imigresen untuk merapatkan jurang kemahiran kritikal dengan menarik bakat asing utama ke Malaysia, Bank Dunia telah memperakui keberkesanan inisiatif ini untuk mengekalkan bakat asing utama. Pada tahun 2015, lebih daripada 1,000 pegawai dagang telah diluluskan di bawah RP-T.

Dalam memastikan pelabur utama dan majikan mempunyai akses kepada kemahiran asing yang diperlukan, Jabatan Imigresen dan TalentCorp telah melancarkan Pusat Khidmat Ekspatriat (MYXpats Centre) Malaysia pada Julai 2015. Pusat setempat ini memproses permohonan dan mengeluarkan Pas Pekerjaan (EP) serta pas-pas lain berkaitan EP untuk ekspatriat yang bekerja di Malaysia. Pada tahun 2015, lebih daripada 75 peratus daripada permohonan EP yang diproses oleh MYXpats telah diluluskan dalam tempoh piagam pelanggan lima hari bekerja.

Satu lagi tumpuan utama TalentCorp pada tahun 2015 adalah untuk menggalakkan majikan merekrut dan mengekalkan kakitangan wanita yang sedang dalam penangguhan kerjaya dengan melancarkan dua geran Kerajaan pada Mac 2015. Pelancaran *Resourcing Grant* dan *Retention Grant* merupakan sebahagian daripada rancangan Kerajaan untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam pekerjaan dan memaksimumkan penggunaan bakat Malaysia.

Resourcing Grant ditawarkan kepada syarikat-syarikat yang telah melaksanakan atau menambahbaik program/kempen untuk merekrut wanita kembali bekerja. Syarikat menerima pembiayaan bersama sebanyak 75 peratus daripada kos yang ditanggung untuk menjalankan program ini termasuk kos pengrekrutan, kempen khusus, pelaburan teknologi dan/atau lain-lain perbelanjaan yang berkaitan. Pada tahun 2015, *Retention Grant* pula telah berjaya menarik 200 orang professional



wanita untuk kembali bekerja, di mana syarikat-syarikat yang telah berjaya merekrut dan mengekalkan kakitangan wanita untuk kembali bekerja bagi tempoh lebih daripada enam bulan, ditawarkan geran yang bersamaan dengan jumlah gaji kakitangan tersebut selama satu bulan.

Merangsang Keyakinan Pelabur Menerusi Kolaborasi Strategik

Pada tahun 2015, MIDA terus memacu pembangunan pelaburan melalui pengukuhan hubungan dengan agensi penggalakan pelaburan wilayah seperti Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), Lembaga Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Lembaga Pembangunan Wilayah

Iskandar (IRDA), Lembaga Pembangunan dan Pelaburan Ekonomi Sabah (SEDIA), Unit Perancang Negeri Kerajaan Sarawak (SPU), serta Invest KL.



**EAST
COAST
ECONOMIC
REGION
MALAYSIA**

Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)

Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) telah mencapai kemajuan dalam memperkenalkan Wilayah Ekonomi

Pantai Timur (ECER) sebagai gerbang ideal kepada para pelabur yang berminat untuk memanfaatkan kepesatan pasaran di ASEAN dan Asia

Pasifik. Dengan limpahan sumber semula jadi dan lokasi strategik berhadapan Laut China Selatan, ECER merangkumi negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing di Johor. Wilayah ekonomi ini meliputi lebih daripada separuh kawasan darat Semenanjung Malaysia dengan jumlah penduduk seramai 4.2 juta. Pertumbuhan ekonomi di ECER dipacu oleh tujuh kluster ekonomi utama, sementara pakej insentif fiskal dan bukan fiskal yang ditawarkan pula merupakan di antara insentif terbaik di Malaysia.

Bagi memesatkan transformasi ECER, Kerajaan Malaysia telah meluluskan sebanyak RM6.6 bilion bagi membiayai 111 projek pembangunan infrastruktur berimpak tinggi dan program modal insan di bawah RMK-9 dan RMK-10. Setakat ini, keseluruhan 67 inisiatif di bawah RMK-9 dan 26 inisiatif di bawah RMK-10 telah disiapkan, manakala 20 lagi projek di bawah RMK-10 sedang dijalankan.

Sehingga November 2015, ECER telah menarik pelaburan swasta berjumlah RM84 bilion yang merupakan 76 peratus daripada sasaran RM110 bilion menjelang tahun 2020. Daripada jumlah ini, sebanyak RM41.6 bilion merupakan pelaburan di Pahang, RM27.5 bilion di Terengganu, RM12.5 bilion di Kelantan dan baki RM1.6 bilion di Mersing. Keseluruhannya, sebanyak 92,313 peluang pekerjaan dijangka akan dijana daripada pelaburan ini.

Pada tahun 2015 sahaja, ECERDC telah mencatatkan pelaburan berjumlah RM12.5 bilion yang akan menjana sebanyak 19,349 peluang pekerjaan. Daripada jumlah ini, RM8.46 bilion adalah pelaburan dalam kluster perkilangan, diikuti oleh kluster

bio-ekonomi dan perkhidmatan yang masing-masing bernilai RM1.73 bilion dan RM826 juta. Kluster bio-ekonomi yang agak baharu ini melibatkan *Kertih Biopolymer Park* (KBP) yang ditetapkan untuk menjadi hab pelaburan bioekonomi. Sehingga kini, KBP telah berjaya menarik pelabur asing dari Amerika Syarikat, Perancis, Korea dan Taiwan.

Antara pelaburan yang signifikan pada tahun 2015 adalah dari Alliance Steel (M) Sdn. Bhd. yang melibatkan pelaburan bernilai RM5.6 bilion di Taman Perindustrian Malaysia-China Kuantan (MCKIP) yang merupakan taman berkembar kepada Taman Perindustrian China-Malaysia Qin Zhou (CMQIP). Sementara itu, KBP menyaksikan pelaburan baharu berjumlah USD182 juta dan RM924 million masing-masing dari Biosynthetic Technologies Asia Sdn. Bhd. dan Encompass Industry Sdn. Bhd. Pelaburan-pelaburan baharu ini adalah selaras dengan Model Ekonomi Baharu oleh Kerajaan yang memberi tumpuan kepada ekonomi rakyat dan ekonomi modal.

Pelabuhan Kuantan yang sedang diperluaskan menjadi pelabuhan laut dalam akan memainkan peranan penting dalam menarik lebih banyak perdagangan dan pelaburan ke ECER, seterusnya memperkenalkan wilayah ekonomi ini sebagai batu loncatan ke pasaran Asia yang sedang pesat berkembang, terutamanya China. Setelah siap dibangunkan kelak, kendalian pelabuhan ini dijangka akan berganda kepada 52 juta tan berat muatan (FWT) kargo yang bakal memperkukuhkan kedudukan MCKIP serta Bandar Pelabuhan Kuantan yang berhampiran. Pembinaan

benteng pemecah ombak bagi terminal laut dalam yang baharu di Pelabuhan Kuantan ini dijangka akan siap pada pertengahan tahun 2016.

Kesemua projek dan program di ECER ini dirangka untuk memberi manfaat dan memperkasakan rakyat dari pelbagai negeri terutamanya penduduk di luar bandar. Di antara program ECERDC untuk meningkatkan status sosioekonomi Bumiputera di rantau ini adalah program Teraju@ECER yang sehingga kini telah memanfaatkan 167 syarikat Bumiputera menerusi bimbingan dan khidmat nasihat perniagaan serta pelaburan menerusi Dana Mudahcara TERAJU.



Lembaga Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA)

Lembaga Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687) merupakan entiti yang telah diberi mandat untuk memacu pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara. Inisiatif ini berfungsi untuk memesatkan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan tahap pendapatan di utara Semenanjung Malaysia, meliputi negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan utara Perak.

Tidak seperti pembangunan koridor lain di Malaysia, sebahagian besar Wilayah Utara adalah dalam kawasan *brownfield*. Wilayah ini mempunyai sumber tenaga kerja

yang besar dan berpendidikan, rangkaian logistik canggih dan luas yang menyokong sektor ekonomi utama, budaya perniagaan yang berkembang pesat serta kewujudan syarikat-syarikat multinasional besar yang mempunyai rangkaian dan pasaran global. Keupayaan Koridor Utara dalam mempelbagaikan aktiviti-aktiviti ekonomi akan memastikan daya tahan dan pertumbuhan ekonomi jangka panjang di rantau ini.

Sejak tahun 2010, NCIA telah melepasi sasaran petunjuk prestasi utama (KPI) dan telah menunjukkan hasil yang memberangsangkan. Prestasi rantau ini didorong oleh kekukuhan asas meliputi sokongan Kerajaan dan kerjasama sektor swasta yang mapan. Di sebalik keadaan ekonomi yang tidak menentu, Koridor Utara telah berjaya memperoleh pelaburan berjumlah RM12.48 bilion pada tahun 2015 dan dijangka akan menjana sebanyak 11,835 peluang pekerjaan.

Aktiviti perkilangan terus menjadi tulang belakang kepada pembangunan ekonomi di seluruh rantau ini, terutamanya yang melibatkan kemahiran berasaskan kejuruteraan, selain perluasan pelaburan secara berterusan dalam projek pelancongan dan pertanian. NCIA juga mensasarkan tenaga mampan bakal menjadi salah satu pemangkin baharu yang berpotensi bagi rantau ini dan memberi sokongan penuh terhadap inisiatif yang menggalakkan pertumbuhan kecekapan tenaga, tenaga boleh diperbaharui dan jaminan tenaga untuk generasi akan datang. Melangkah ke hadapan, usaha-usaha sedang dilaksanakan untuk meningkatkan

ekosistem dan nod pertumbuhan baharu di rantau ini, serta meningkatkan kumpulan bakat industri yang relevan.

Kini, NCIA tertumpu untuk membangunkan beberapa nod pertumbuhan yang akan mengekalkan momentum pertumbuhan di rantau ini. Ini termasuk Projek Pembangunan Lembah Chuping (Chuping Valley) yang dijangka akan mengubah Perlis ke arah negeri perindustrian berpendapatan tinggi menjelang tahun 2025. Projek Lembah Chuping melibatkan pembangunan industri hijau seperti perkilangan hijau dan penjaan tenaga hijau, ditambah dengan hab halal. Di kawasan ini juga akan dibangunkan Pelabuhan Darat Perlis di Chuping iaitu sebuah pelabuhan darat yang komprehensif dan bersepadu dengan menggabungkan hab logistik jalan- landasan kereta api dengan kemudahan terkini dan kecekapan operasi yang baik untuk menggalakkan kemasukan kargo, terutamanya dari Selatan Thailand.

Taman Sains & Teknologi Kedah (KSTP) yang merupakan taman perindustrian terbaharu di rantau ini akan menggabungkan taman perindustrian moden dengan pusat penyelidikan global sebagai salah satu komponen utamanya. Selain itu, *Greater*

Kamunting Conurbation yang bertujuan untuk mengubah dan mengukuhkan sektor pelancongan, perkilangan dan pertanian di Kamunting dan Taiping, Perak akan menjana kira-kira 241,000 peluang pekerjaan menjelang tahun 2030. Usaha berterusan untuk membangunkan dan menggalakkan Hutan Hujan Tropika Belum-Temengor (BTTR) sebagai destinasi eko-pelancongan perdana menyaksikan penglibatan berterusan dari masyarakat setempat dalam pembangunan produk dan modal insan. Satu kajian menyeluruh juga sedang dijalankan untuk mengoptimalkan potensi ekonomi di Manjung dan Pulau Pangkor, Perak.



Lembaga Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA)

Lembaga Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA) bertanggungjawab bagi mengawal selia dan menyokong pelbagai pihak berkepentingan bagi kedua-dua sektor awam dan swasta dalam usaha



untuk membangunkan wilayah Iskandar Malaysia untuk menjadi sebuah metropolis yang kukuh dan mampan serta bertaraf antarabangsa. Pada tahun 2015, jumlah pelaburan komited terkumpul di Iskandar Malaysia telah beroleh momentum atas usaha promosi berterusan oleh IRDA, MIDA dan agensi berkaitan untuk mempromosikan Iskandar Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan di Malaysia.

Di antara Januari dan November 2015, Iskandar Malaysia telah memperoleh jumlah terkumpul pelaburan komited sebanyak RM29.83 bilion berbanding RM25.62 bilion dalam tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Ini menjadikan jumlah pelaburan komited terkumpul bagi Iskandar Malaysia (sehingga November 2015) kepada RM187.96 juta. Daripada jumlah ini, kira-kira 49 peratus atau RM93.39 juta pelaburan telah direalisasikan.

Subsektor pembangunan hartanah dan perkilangan kekal sebagai subsektor terpenting di Iskandar Malaysia yang menyumbang 51 peratus (RM96.14 bilion) dan 28 peratus (RM52.10 bilion) masing-masing daripada jumlah pelaburan komited terkumpul. Pelaburan domestik menyumbang kira-kira 60 peratus atau RM111.82 juta daripada jumlah pelaburan komited terkumpul, manakala baki 40 peratus atau RM76.14 bilion adalah pelaburan asing. Syarikat yang berpangkalan di Iskandar Malaysia telah mencatatkan beberapa pencapaian penting sepanjang tahun 2015. *Pinewood Iskandar Malaysia Studios* telah maju selangkah ke hadapan menerusi produksi *Marco Polo* - Musim

Satu dan Musim Dua oleh Netflix, *Asia Got Talent* Musim Satu oleh Fremantle dan *Lost in the Pacific* oleh gabungan produksi Hollywood-China. Pada Oktober 2015, *University of Reading* Malaysia telah memulakan program di kampus canggih yang baharu di EduCity. Manakala pada November 2015, *Gleneagles Medini Hospital* di Medini, Nusajaya telah mula dibuka kepada orang awam.

Beberapa inisiatif utama yang lain juga berjaya dilaksanakan pada tahun 2015. Pada bulan November, rangkaian kedai runcit *Muafakat Fair Price Shop* di Pasir Gudang telah dilancarkan oleh Menteri Besar Johor. Rangkaian kedai yang diuruskan oleh Koperasi Iskandar Malaysia (imCoop) ini akan menawarkan barang-barang keperluan pada harga berpatutan untuk menangani peningkatan kos sara hidup di Johor. Inisiatif ini berterusan mendapat sokongan padu daripada masyarakat, di mana sebanyak 150 Kedai Harga Patut ini dijangka akan diwujudkan pada tahun 2017.

Dalam aspek pembangunan bakat, IRDA telah dinobatkan sebagai rakan kerjasama koridor ekonomi terbaik di Malaysia oleh Kementerian Pendidikan, terutamanya bagi program Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET). Pada tahun 2015, IRDA juga telah melancarkan inisiatif *Johor International Youth Hub* dan *Urban Farming*. Selaras dengan komitmen IRDA untuk memastikan kemampuan pembangunan Iskandar Malaysia, IRDA telah mewakili rantau Asia Pasifik di *United Nations Climate Change Conference (COP 21)* di Paris. Bagi menunjukkan komitmen IRDA

dalam memartabatkan aktiviti berkecekapan tenaga di bawah *Lima-Paris Action Agenda*, IRDA telah berkongsi pelan tindakan untuk meningkatkan kecekapan tenaga melalui inisiatif *Building Efficiency Accelerator* dan *District Energy Accelerator*.

Melangkah ke hadapan, pembangunan Iskandar Malaysia akan dipacu oleh Pelan Pembangunan Komprehensif ii (CDPii) yang bercirikan *Iskandar Malaysia's Circle of Sustainability* yang tertumpu kepada penjana kemakmuran, perkongsian kemakmuran dan pengoptimuman sumber. Ini merupakan tambahan kepada program asas transformasi *Five Big Moves* yang ditetapkan bagi memesatkan dan merangsang anjakan paradigma ke atas bidang ekonomi, sosial dan alam sekitar di Iskandar Malaysia.



Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA)

Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) adalah pihak berkuasa setempat yang bertanggungjawab untuk mengawalselia peluang pelaburan di Koridor Pembangunan Sabah (SDC). SDC bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat Sabah dengan memacu pertumbuhan ekonomi di negeri ini, menggalakkan keseimbangan wilayah dan merapatkan jurang antara bandar serta luar bandar di samping memastikan



pengurusan sumber negeri yang mampan.

Tahun 2015 menandakan berakhirnya fasa kedua SDC (2011-2015), di mana terdapat penyertaan lebih besar dari segi pelaburan swasta, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan pembangunan sumber manusia. Fasa kedua SDC telah memainkan peranan penting dalam memacu pembangunan Sabah. Sehingga September 2015, pelaburan terkumpul sebanyak RM150.7 bilion telah diperolehi sejak pelancaran SDC pada tahun 2008. Daripada jumlah ini, RM55.1 bilion pelaburan telah pun direalisasikan. Pelaburan-pelaburan tersebut termasuklah projek-projek berimpak tinggi dan projek yang sedang dalam pembinaan meliputi sektor pelancongan, minyak, gas dan tenaga, minyak sawit, pertanian,

pendidikan, perkilangan dan logistik; serta projek yang berada dalam lingkungan *Greater Kota Kinabalu* iaitu pusat bandar terbesar di Sabah.

Industri pelancongan merupakan sektor yang terpenting di Sabah dalam menjana pendapatan. Ia telah menyumbang sebanyak RM161 bilion atau 14.9 peratus kepada KDNK Malaysia pada tahun 2014. Projek pelancongan mewah seperti *YTL Gaya Island Resort*, *Ming Garden Hotel*, *Gleneagles Hospital* dan *Pedestrian Walkway and Cycle* merupakan sebahagian daripada projek-projek yang telah siap di bawah inisiatif *Greater Kota Kinabalu*. Antara projek-projek yang masih dalam perancangan adalah seperti *Sabah International Conference Centre (SICC)*, *Jesselton Waterfront*, *Jesselton Quay*, *Aeropod at Tg. Aru* dan Pusat

Pengkomersialan & Teknologi Antarabangsa (ITCC) yang akan terus menjadikan Sabah sebagai tarikan utama pelancongan.

Walaupun sektor minyak, gas dan tenaga adalah industri baharu muncul dan sedang membangun di Sabah, sektor ini telah berjaya memperolehi pelaburan yang besar daripada syarikat Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS), sebuah syarikat multinasional minyak dan gas bersepadu milik





rakyat Malaysia sepenuhnya. Di antara Pelaburan PETRONAS di Sabah setakat ini adalah projek Loji Janakuasa Kimanis berkuasa-gas 300 MW (kilang tenaga terbesar di Sabah) dan projek Saluran Paip Gas Sabah-Sarawak sepanjang 512 km yang telah beroperasi sepenuhnya.

Antara projek pelaburan utama lain di Sabah adalah Taman Perindustrian Minyak dan Gas Sipitang (taman perindustrian pertama dan satu-satunya di Sabah khusus untuk aktiviti minyak dan gas) dan projek *Sabah Ammonia Urea* (SAMUR) (merangkumi kilang ammonia bertaraf dunia, loji *urea* dan *granulation* dan juga utiliti serta kemudahan jeti). SAMUR merupakan bahagian penting dalam keseluruhan rancangan hiliran PETRONAS untuk mengoptimumkan nilai sumber minyak dan gas yang ditemui di luar pesisir Sabah. Sabah mempunyai potensi yang besar bagi laut dalam, di mana penemuan kawasan laut dalam Gahusut-Kakap di luar pantai Sabah dijangka akan menjana pengeluaran minyak tahunan tertinggi sehingga 135,000 tong sehari dan menyumbang sehingga 25 peratus daripada jumlah pengeluaran minyak Malaysia keseluruhannya.

Sabah turut berterusan menarik pelabur dalam sektor biomas, di mana *Elevance Renewable Sciences*, sebuah syarikat dari Amerika Syarikat telah berkolaborasi dengan syarikat tempatan Genting Plantations Berhad dengan pelaburan sebanyak RM2 bilion untuk membina sebuah kompleks kilang penapisan bio bersepadu yang berkapasiti 240,000 tan metrik (MT) di Kluster Perindustrian Minyak Sawit (POIC) Lahad Datu yang juga merupakan hab untuk pembangunan biomas. Pelaburan ini adalah pelaburan pertama seumpamanya di Sabah dan dijangka akan menjadikan negeri ini sebagai hab kilang penapisan bio global pada masa hadapan. Faktor limpahan bekalan biomas di Sabah turut menarik minat syarikat Hap Seng Consolidated Berhad untuk melabur sejumlah RM1 bilion bagi membina sebuah kompleks penapisan di POIC Sandakan dalam tiga fasa.

Negara-negara seperti Brunei telah menunjukkan minat untuk melabur dalam inisiatif *Keningau Integrated Livestock Centre* (KILC). KILC ini akan berupaya untuk menghasilkan bekalan daging lembu, susu segar dan lain-lain produk tenusu bagi memenuhi keperluan pasaran tempatan dan eksport.

Dalam menyokong usahawan Bumiputera, SEDIA telah bekerjasama dengan TERAJU melalui program TERAJU@SDC untuk membangunkan sebuah projek inkubator di *Sabah Agro Industrial Precinct* (SAIP). SAIP ini yang terletak di Kimanis, Papar kini mempunyai 10 buah syarikat permulaan (startups) di bawahnya.

SEDIA akan melancarkan fasa ketiga SDC yang selaras dengan permulaan *Rolling Plan* Pertama di bawah RMK-11 dan rundingan Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA) yang telah dimuktamadkan. Melangkah ke hadapan, SEDIA akan memberi penekanan yang lebih dalam memastikan kelancaran pergerakan bakat, produk dan perkhidmatan. Penekanan ini adalah tepat pada masanya untuk menjadikan Sabah sebuah negeri yang mempunyai kepelbagaian ekonomi, berintensifkan pengetahuan dan bernilai ditambah tinggi. Usaha-usaha akan ditumpukan ke arah meningkatkan kecekapan sektor logistik dengan meningkatkan infrastruktur yang relevan dan integrasi di antara perkhidmatan darat, laut dan udara.



Unit Perancang Negeri Kerajaan Sarawak (SPU)

Dengan tugas untuk memacu pertumbuhan ekonomi negeri Sarawak, Unit Perancang Negeri Kerajaan Sarawak (SPU) telah memperkenalkan inisiatif pembangunan *Sarawak Corridor of Renewable Energy* (SCORE) pada tahun 2008. Ini sejajar dengan matlamat Sarawak untuk mempunyai ekonomi yang dinamik dan berteraskan pasaran menjelang tahun 2030. Kelebihan utama SCORE adalah sumber tenaga yang banyak iaitu potensi kuasa hidro sebanyak 20,000 MW,

sumber arang batu sebanyak 1.46 bilion tan dan gas asli sebanyak 40.9 trilion kaki padu persegi. Di bawah SCORE, sumber tenaga Sarawak akan dibangunkan dengan pesat, di mana Sarawak mampu menetapkan harga tenaga yang kompetitif bagi menarik pelaburan dalam industri berintensif tenaga.

Pada tahun 2015, SCORE telah melengkapkan peringkat akhir Fasa 1 (2008- 2015) yang merupakan fasa asas pembangunannya. Untuk mencetuskan rangsangan momentum pembangunan, SPU telah mempromosikan 10 sektor utama di bawah SCORE iaitu sektor aluminium, kaca, produk berasaskan minyak, keluli, kelapa sawit, perikanan dan akuakultur, ternakan, produk berasaskan

kayu, pelancongan dan kejuruteraan marin.

Sehingga kini, SCORE telah berjaya menarik 20 projek dengan pelaburan bernilai RM30.6 bilion. Kebanyakan pelaburan ini adalah projek pemangkin utama seperti projek-projek aluminium, *ferroalloys* dan silikon polihabluran dan dijangka akan menjana sebanyak 16,204 peluang pekerjaan. Daripada 20 projek yang diluluskan ini, 15 projek terletak di Taman Perindustrian Samalaju (SIP), Bintulu manakala baki projek-projek lain terletak di Mukah, Tanjung Manis dan Tanjung Kidurong. Projek-projek SIP melibatkan pelaburan berjumlah RM25.185 bilion dan akan mewujudkan sebanyak 13,052 peluang pekerjaan.

Daripada 20 projek ini, tujuh daripadanya yang berjumlah RM13.58 bilion telah memulakan operasi kilang, tiga dalam peringkat pembinaan kilang (RM2.08 bilion), satu telah selesai penyediaan tapak kilang (RM0.82 bilion), tiga berada di peringkat penyediaan tapak (RM5.64 bilion) dan baki enam projek lagi berada di pelbagai peringkat perbincangan dan rundingan.

Tokuyama Corporation dari Jepun merupakan pelabur asing yang pertama melabur di SIP. Melalui Tokuyama Malaysia Sdn. Bhd., syarikat menghasilkan silikon polihabluran yang merupakan komponen utama untuk sel solar dan semikonduktor, di mana 1,050 peluang pekerjaan telah diwujudkan.



Press Metal Berhad merupakan syarikat Malaysia pertama yang melabur di SCORE. Susulan dari kilang peleburan aluminium pertamanya di Mukah yang telah mula beroperasi pada tahun 2009 dengan pengeluaran tahunan bilet aluminium dan jongsong sebanyak 120,000 MT, Press Metal Berhad telah menubuhkan kilang peleburan aluminium kedua di SIP. Mula beroperasi pada Disember 2012, kini Polycrystalline Silicon Press Metal (Bintulu) Sdn. Bhd. mengeluarkan sebanyak 320,000 MT bilet aluminium dan jongsong setahun dengan menggunakan teknologi peleburan 400-kiloampere (kA) yang terkini.

OM Materials (Sarawak) Sdn. Bhd. akan menjalankan projek peleburan *manganese alloy* di SIP yang akan mewujudkan sebanyak 2,684 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Syarikat ini dimiliki oleh OM Holding Limited (OMH) yang tersenarai dalam Bursa Sekuriti Australia (ASX) dan mempunyai asas dalam perdagangan logam. Dengan menggunakan teknologi *innovative submerged electric furnace*, projek ini akan memberi manfaat kepada syarikat pengendalian logistik walaupun jangkaan kendalian loji hanya kira-kira satu juta MT setahun.

Melalui pelaksanaan Fasa 2 SCORE dan susulan dari penubuhan industri-industri pemangkin dalam Fasa 1, Kerajaan kini berupaya untuk menarik lebih banyak industri hiliran ke Sarawak dengan memanfaatkan produk-produk baharu industri pemangkin di SCORE sebagai bahan bakar atau bahan mentah. Usaha-usaha juga sedang dilaksanakan bagi menggalakkan aktiviti hiliran

dalam bidang bahan binaan dan komponen, bahan binaan berat, produk tenaga boleh diperbaharui dan kelengkapan pengangkutan. Aktiviti-aktiviti ini, dijangka akan dipusatkan di SIP yang melibatkan aktiviti nilai ditambah lebih tinggi yang dapat menjana peluang pekerjaan berpendapatan tinggi kepada penduduk tempatan.

Untuk mengekalkan daya saing dan tarikan SCORE kepada pelabur asing dan tempatan, Kerajaan Negeri Sarawak menjalankan usaha bersepadu untuk membangunkan lagi infrastruktur berkaitan, bekalan tenaga dan modal insan. Pada masa yang sama, usaha turut dijalankan untuk membangunkan kawasan pedalaman SCORE melalui aktiviti-aktiviti eko-pelancongan, akuakultur, pertanian, penanaman semula hutan dan penternakan.



InvestKL

InvestKL berkolaborasi dengan pihak kementerian, entiti dan agensi Kerajaan yang lain untuk merangka pakej fiskal yang menarik kepada syarikat multinasional (MNC) dalam mengenalpasti peluang perniagaan di *Greater Kuala Lumpur (KL)* dan mengukuhkan daya saing di peringkat serantau dan global. Dengan mandat untuk menarik 100 syarikat MNC ke *Greater KL* menjelang tahun

2020, InvestKL telah berjaya menarik syarikat MNC ke-50 pada tahun 2015. Pencapaian ini adalah hasil dari pendekatan yang diamalkan InvestKL untuk mensasarkan pelaburan berkualiti dalam sektor perkhidmatan serta menjadikan Kuala Lumpur sebagai lokasi optimum Ibu Pejabat Serantau bagi MNC dalam rantau ASEAN dan menawarkan pengalaman perkhidmatan yang unggul kepada MNC.

Sehingga kini, lebih RM5.7 bilion daripada pelaburan yang diluluskan adalah disumbangkan oleh 50 MNC, di mana lebih RM1.7 bilion nilai pelaburan dan perbelanjaan perniagaan telah direalisasikan. Pada masa ini, kesemua 50 syarikat MNC tersebut akan menjana lebih daripada 4,500 peluang pekerjaan yang berkemahiran tinggi daripada 7,000 peluang pekerjaan yang ditawarkan dan akan menggunakan perkhidmatan perniagaan daripada syarikat-syarikat Malaysia.

Di antara MNC yang telah memilih Kuala Lumpur untuk menjadi ibu pejabat serantau pada tahun 2015 adalah syarikat Honeywell, McDermott, Kadokawa dan Dieffenbacher. Kuala Lumpur akan menjadi Hab Prinsipal ASEAN bagi syarikat *Fortune 100* seperti Honeywell's Aerospace, Automation Controls and Solution (ACS) serta Performance Material and Technologies (PMT). McDermott International yang merupakan peneraju global dalam kejuruteraan akan mewujudkan lebih 300 peluang pekerjaan melalui penempatan semula Ibu Pejabat Serantau di Kuala Lumpur.

Kadokawa, penerbit kandungan kreatif terkemuka dari Jepun, akan menubuhkan *ASEAN and Middle East Creative Content Hub* di Kuala Lumpur untuk menghasil dan mengeksport kandungan "Buatan Malaysia" untuk pasaran global. Dieffenbacher, sebuah syarikat Jerman yang berkepakaran dalam *complete*

press production systems bagi industri panel kayu, automotif dan komponen, sedang mengukuhkan perkembangan perniagaan melalui Ibu Pejabat Asia Pasifik di Kuala Lumpur.

Pada tahun 2015, Majalah *Site Selection* dan panel pakar pelaburan langsung asing

serta perunding tapak telah menganugerahkan InvestKL dengan Anugerah Agensi Penggalakan Pelaburan Terbaik (Asia-Pasifik) 2015 dalam kategori Asia-Pasifik Nasional.



KUALITI BURUH DAN KETIDAKPADANAN PENAWARAN DAN PERMINTAAN KERJA

Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) mengenalpasti kepentingan ketersediaan tenaga kerja mahir dalam usaha transformasi keseluruhan sektor ekonomi ke arah aktiviti berintensifkan pengetahuan, memacu produktiviti buruh dan menarik pelaburan berkualiti ke Malaysia. RMK-11 akan terus meningkatkan strategi pembangunan modal insan bagi mencapai wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Agenda ekonomi yang digariskan dalam RMK-11 dijangka akan mewujudkan sebanyak 1.5 juta peluang pekerjaan menjelang tahun 2020, di mana 60 peratus daripada pekerjaan yang akan diwujudkan ini dijangka memerlukan kemahiran berkaitan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Dengan memanfaatkan hubungan baik dengan pelbagai sektor industri, MIDA berupaya untuk

mengukur jurang kuantitatif dan juga kualitatif di antara industri dan institusi pendidikan/latihan. Dalam konteks ini, MIDA memainkan peranan sebagai advokasi dasar dalam memberi maklumbalas yang relevan kepada pihak pembuat keputusan dan pendidik.

Selain memenuhi keperluan modal insan pelabur berpotensi, penekanan juga diberikan kepada syarikat sedia ada di Malaysia, terutamanya kepada syarikat yang mengambil inisiatif untuk meningkatkan rantai nilai dan menjalankan aktiviti-aktiviti bernilai ditambah lebih tinggi.

Pada tahun 2015, Bahagian Pengurusan Industri Talent MIDA menjalankan inisiatif berikut untuk meningkatkan kualiti bakat dan juga menangani ketidakpadanan kemahiran:

Fasilitasi untuk pelabur

Bahagian Pengurusan Industri Talent telah bekerjasama dan membentuk perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan yang berkaitan serta memanfaatkan program pembangunan bakat sedia ada untuk membantu syarikat-syarikat. Fasilitasi adalah berbeza-beza mengikut kepada keperluan syarikat, termasuk menyalurkan kumpulan bakat yang tepat kepada industri, mengenal pasti sektor yang memerlukan tenaga kerja mahir dan mencari penyelesaian untuk bekalan tenaga kerja yang tepat pada masanya. Fasilitasi juga boleh menghubungkan syarikat-syarikat dengan institusi latihan yang menyediakan program peningkatan kemahiran dan latihan semula untuk pekerja, serta mengenal pasti isu-isu dan merapatkan jurang berdasarkan maklum balas daripada industri.

Bagi syarikat-syarikat yang memerlukan bakat untuk mengisi jawatan strategik, MIDA juga berinteraksi dengan organisasi pekerjaan dan *head-hunter* untuk membolehkan syarikat mendapatkan sumber calon yang bersesuaian. Setakat ini, Bahagian Pengurusan Industri Talent telah membantu 287 buah syarikat untuk mencari bakat yang bersesuaian dan merapatkan jurang bakat.

Dialog dan Sesi Perkongsian Maklumat MIDA

Bahagian Pengurusan Industri Talent dengan kerjasama Pejabat-Pejabat MIDA Negeri telah menganjurkan beberapa sesi dialog dan perkongsian maklumat dengan matlamat seperti berikut:

- Untuk menyediakan maklumat terkini mengenai pelaburan diluluskan dan pekerjaan yang berpotensi dijana di peringkat nasional dan negeri;
- Untuk memahami dan mengumpul keperluan bakat untuk industri-industri tertentu untuk dihubungkan dan dipadankan dengan institusi pendidikan dan latihan yang berkaitan; dan
- Sebagai platform pencetus perbincangan industri-akademia untuk menangani jurang ketidaksepadanan kemahiran/bakat.

Pada tahun 2015, sebanyak empat sesi dialog dan perkongsian maklumat telah diadakan di Melaka, Pahang, Johor dan Sarawak.

Inisiatif MIDA-Economic Development Board (EDB) Industrial Cooperation Working Group (ICWG)

MIDA-EDB ICWG adalah satu kumpulan kerja yang ditubuhkan untuk menggalak dan menyelaraskan aktiviti pembangunan perindustrian dan perkhidmatan di antara Iskandar Malaysia dan Singapura dengan memberi tumpuan kepada kluster ekonomi sedia ada dan bidang pertumbuhan baharu. Industri utama yang dikenal pasti dalam usahasama ini adalah kejuruteraan bahan termaju, elektrik dan elektronik (E&E), makanan dan perkhidmatan kreatif.

Bakat mahir sangat diperlukan oleh industri dalam bidang yang disasarkan. Dalam usaha untuk membangunkan ekosistem yang kondusif bagi projek-projek pelaburan semasa dan masa hadapan serta menangani jurang bakat, MIDA menjalankan kerjasama berterusan dengan pihak berkepentingan yang berkaitan seperti Lembaga Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA) dan EDB untuk melancarkan program pembangunan bakat yang didorong oleh permintaan industri subsektor tertentu. Sebagai langkah permulaan, satu program perantis sedang dirancang untuk subsektor kejenteraan tepat.

Kerjasama Industri-Akademia dan TalentCorp

Pada 22 April 2015, Kolaborasi Motivasi Industri-Akademia bagi sektor E&E telah dilancarkan bersempena dengan acara SEMICON South East Asia 2015. Kolaborasi di antara TalentCorp, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan MIDA, bertujuan untuk mewujudkan satu platform bagi merangsang dan menggalakkan kerjasama Industri-Akademia yang merujuk kepada pemetaan keperluan bakat dan intervensi yang diperlukan oleh industri dan universiti.

MIDA ditugaskan untuk mengenal pasti kluster keutamaan/sector dan melibatkan penyertaan syarikat-syarikat utama untuk menarik penyertaan industri. Tujuh kluster teknologi utama telah dikenal pasti dalam sektor E&E, di mana sebanyak 14 syarikat dan 10 universiti terlibat dalam inisiatif ini.

Jawatankuasa Kemahiran Industri (ISC)


Sebagai sebahagian daripada inisiatif RMK-11, Jawatankuasa Kemahiran Industri (ISC) yang dipengerusikan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bersama Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) telah ditubuhkan untuk bekerjasama dengan pemain industri dalam mengenal pasti kecekapan berkaitan setiap sektor dan subsektor. Di bawah bimbingan ISC, Kumpulan Kerja Industri (IWG) yang dipengerusikan oleh MIDA bersama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM), bertanggungjawab untuk menyelia Kumpulan Kerja Sub-Industri (SIWG). SIWG pula bertanggungjawab untuk berinteraksi dengan pemain industri dan pihak berkepentingan untuk menentukan keperluan modal insan dan tinjauan industri untuk memastikan bahawa kurikulum dan program latihan adalah selaras dengan keperluan industri.

Setakat ini, 10 industri keutamaan telah dikenal pasti:

- Barangan elektrik dan elektronik
- Kimia dan Petrokimia
- Peranti Perubatan
- Farmaseutikal
- Jentera dan Kelengkapan/Kejuruteraan Termaju
- Automotif
- Aeroangkasa
- Maritim
- Minyak dan Gas
- Maklumat, Kandungan dan Infrastruktur

Ketersediaan bakat berkemahiran tinggi adalah penting untuk pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi mencapai wawasan menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Untuk tujuan ini, MIDA akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif dan penglibatan dalam menangani jurang bakat dalam subsektor seperti bahan kimia, barangan E&E, M&E, aeroangkasa dan peranti perubatan untuk memenuhi keperluan industri.

“*PEMANGKIN
PERTUMBUHAN
MAMPAN*”





4 MEMACU PERTUMBUHAN PELABURAN DENGAN RANCANGAN MALAYSIA KE-11 (RMK-11)

RMK-11 telah mengenal pasti enam Teras Strategik yang merupakan perkara-perkara utama yang akan menjadi tumpuan dasar-dasar ekonomi bagi memastikan Malaysia mencapai matlamat menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.


Memacu Pertumbuhan Pelaburan dengan Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11)

Malaysia terus memanfaatkan strategi penggalakan pelaburan yang kukuh untuk memastikan kemakmuran berterusan di samping mengukuhkan kedudukan sebagai salah satu destinasi pelaburan utama di rantau ASEAN. Untuk memastikan pertumbuhan yang mampan, Kerajaan Malaysia akan memanfaatkan RMK-11 bagi tempoh 2016 hingga 2020. Ini adalah pelan pembangunan lima tahun terakhir untuk menggerakkan Malaysia ke hadapan dalam perjalanan ke arah mencapai Wawasan 2020.

Enam Teras Strategik Dikenalpasti

Sasaran utama untuk keseluruhan rancangan itu adalah bagi Malaysia untuk mencapai status ekonomi maju dan mencapai KNK per kapita USD15,000 menjelang tahun 2020. Enam strategi tersebut adalah keterangkuman, kesejahteraan rakyat, modal insan, pertumbuhan hijau, infrastruktur serta inovasi dan produktiviti.

RMK-11 mempunyai enam teras strategik untuk menangani keperluan rakyat dan enam Pemacu Perubahan untuk mempercepatkan pembangunan Malaysia.



(3+2) SUBSEKTOR YANG MENJADI PEMANGKIN DAN PERTUMBUHAN DALAM MENTRANSFORMASI SEKTOR PERKILANGAN DAN BIDANG FOKUS DALAM RMK-11

Sektor perkilangan merupakan penyumbang terbesar kepada jumlah eksport dan kedua terbesar kepada KDNK negara. Sektor ini dijangka berkembang pada kadar 5.1 peratus setahun dan menyumbang 22.5 peratus kepada KDNK serta 18.2 peratus daripada jumlah pekerjaan pada tahun 2020. Walaupun sektor perkilangan telah menunjukkan pertumbuhan positif dalam KDNK dan eksport, ia menghadapi cabaran yang besar dengan kemerosotan eksport perkilangan Malaysia terutamanya dalam subsektor elektrik dan elektronik (E&E) disebabkan oleh persaingan sengit daripada negara ekonomi baharu muncul seperti China, India dan Vietnam.

Bagi mengatasi isu dan cabaran yang dihadapi oleh sektor perkilangan seperti produktiviti, nilai tambah rendah, industri berintensifkan buruh, inovasi, daya saing, dan pemboleh, sepuluh strategi telah dikenal pasti untuk mentransformasi sektor perkilangan di bawah RMK-11. Strategi ini dikelompokkan ke dalam lima bidang fokus utama, di mana salah satu daripadanya adalah menuju ke arah produk yang kompleks dan pelbagai seperti yang dinyatakan di dalam RMK-11.

Sektor perkilangan akan beralih kepada produk yang lebih kompleks dan pelbagai serta bernilai tinggi yang didorong oleh tiga subsektor pemangkin iaitu kimia, E&E dan jentera & kelengkapan (M&E) serta industri yang berpotensi iaitu industri peralatan perubatan dan aeroangkasa.

Subsektor-subsektor ini berhubung rapat dengan subsektor perkilangan lain-lain dan telah menunjukkan keupayaan serta potensi untuk menghasilkan lebih banyak produk yang kompleks dan bernilai ditambah tinggi. Satu langkah ke arah kepelbagaian strategik akan dilaksanakan bagi meningkatkan daya saing, terutamanya dalam eksport, dengan memberi tumpuan kepada produk yang kompleks dan bernilai tinggi, atau turut dikenali sebagai produk frontier.

Untuk menyusun strategi dan perancangan bagi pembangunan industri, MIDA telah menubuhkan lima panel penasihat pelaburan untuk 3+2 subsektor pemangkin dan pertumbuhan bagi industri berkaitan seperti Panel Penasihat Pelaburan Elektrik dan Elektronik, Panel Penasihat Pelaburan Mesin dan Peralatan, Panel Penasihat Pelaburan Kimia & Bahan Termaju, Panel Penasihat Pelaburan Peralatan Perubatan dan Panel Penasihat Pelaburan Aeroangkasa. Panel-panel ini akan menjadi platform untuk memantau keberkesanan dasar berkaitan dan memastikan dasar tersebut adalah sejajar dengan agenda negara. Panel-Panel Penasihat Pelaburan ini juga dijangka akan membantu syarikat-syarikat yang berpangkalan di Malaysia untuk menembusi rangkaian bekalan global industri tertentu.

Enam Pemacu Perubahan Dikenalpasti

Kerajaan Malaysia juga telah mengenal pasti enam Pemacu Perubahan, iaitu pendekatan inovatif yang akan mengubah trajektori pertumbuhan ekonomi negara dan membolehkannya untuk mencapai matlamat ekonomi. Ini melibatkan usaha-usaha seperti:

- Meningkatkan potensi produktiviti
- Meningkatkan taraf isi rumah B40 (golongan berpendapatan isi rumah bawah 40%) ke arah masyarakat kelas menengah
- Mengupayakan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang diterajui industri
- Melaksanakan pertumbuhan hijau
- Menjana kekayaan melalui inovasi
- Melabur dalam bandar berdaya saing

Menguukuhkan asas-asas makroekonomi negara

Rajah berikut menunjukkan perancangan lima tahun ekonomi, termasuk ramalan yang dikemaskini untuk ekonomi dan kewangan negara serta pengenalan projek-projek infrastruktur baru.

Strategi	
Meningkatkan potensi produktiviti untuk memastikan pertumbuhan yang mampan dan inklusif	
Hasil	
Menggalakkan pelaburan untuk menerajui pertumbuhan ekonomi	9.4% Purata pertumbuhan sebenar pelaburan swasta RM291 bilion Purata pelaburan swasta pada harga sebenar
Meningkatkan eksport untuk menambah baik imbalan perdagangan	4.6% Pertumbuhan purata eksport kasar RM57.3 bilion Imbalan perdagangan pada tahun 2020
Meningkatkan fleksibiliti dasar fiskal untuk memastikan kedudukan fiskal yang mampan	bawah 45% Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan kepada KDNK pada tahun 2020 Kedudukan fiskal dijangka berimbang pada tahun 2020

Inisiatif		
Nasional	Industri	Perusahaan
Blueprint Produktiviti Malaysia	Juara Produktiviti berdasarkan industri	Sasaran dan Penilaian produktiviti di tahap perusahaan
Produktiviti Sektor Awam		

Sasaran pelbagai dimensi, 2016-2020
KDNK berkembang sebanyak 5-6% setahun
Produktiviti buruh meningkat daripada RM77,100 pada tahun 2015 kepada RM92,300 (2020)
PNK per kapita mencecah RM 54,100 pada tahun 2020
Pendapatan bulanan purata isi rumah daripada RM6,141 pada tahun 2014 kepada RM10,540 (2020)
Pampasan pekerja kepada KDNK daripada 34.9% pada tahun 2015 kepada 40% (2020)
Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) meningkat sebanyak 1.7% setahun

PEJABAT PENYELARASAN DAN KERJASAMA INSENTIF (ICCO)

Pada 16 Mac 2015, Kerajaan Malaysia telah melancarkan Blueprint Sektor Perkhidmatan, bagi merangka strategi dan pelan pembangunan untuk sektor perkhidmatan sehingga tahun 2020. Salah satu daripada empat dasar yang digariskan dalam pelan itu adalah mengenai pengurusan yang berkesan ke atas rangka kerja insentif yang sedia ada. Ini akan melibatkan pemusatan skim insentif dengan menyatukan kesemua insentif tersebut di bawah satu entiti serta kajian semula rangka kerja insentif bagi menjadikannya lebih berkesan dan didorong oleh prestasi. Memandangkan MIDA memainkan peranan utama dalam menarik pelaburan dan menawarkan insentif, MIDA telah ditugaskan untuk bertindak sebagai penyelarasan untuk semua insentif pelaburan.

ICCO telah ditubuhkan di MIDA pada 15 April 2015. Penubuhan ICCO akan meningkatkan keupayaan pengurusan insentif di kalangan agensi penyedia insentif melalui perkongsian maklumat secara berstruktur.

Antara objektif utama penubuhan ICCO adalah seperti berikut:

- Untuk memberikan perkhidmatan nasihat yang lebih telus kepada pelabur, sekali gus mewujudkan kesedaran mengenai jumlah keseluruhan insentif yang ditawarkan kepada para pelabur;
- Untuk lebih mengenal pasti kekurangan/ masalah yang terdapat dalam semua skim yang ditawarkan dan memastikan segmen yang kurang diberi perhatian akan dijaga dengan lebih baik;
- Untuk mengelakkan pertindihan insentif yang telah diberikan kepada syarikat-syarikat kerana agensi individu tidak maklumat mengenai keseluruhan insentif yang dinikmati oleh syarikat-syarikat; dan
- Untuk mengelakkan penyalahgunaan sistem insentif

ICCO juga akan berfungsi sebagai:

- Sebuah pusat setempat bagi perniagaan (bagi semua jenis dan saiz, tempatan dan luar negara);
- Sebuah pusat penyelarasan mengenai insentif yang ditawarkan oleh kementerian dan agensi persekutuan berkaitan seperti MIDA, MATRADE, MDeC, HDC dan lain-lain; dan
- Sebuah badan penasihat kepada kementerian dan agensi persekutuan yang meluluskan insentif seperti Kementerian Kewangan serta Unit Perancang Ekonomi (EPU).

Untuk memberikan khidmat nasihat yang lebih berkesan kepada pihak-pihak berkepentingan, ICCO sedang membangunkan satu portal web interaktif, iaitu Portal Maklumat Insentif, yang akan memberikan maklumat mengenai insentif-insentif pelaburan. Portal web ini dijangka akan dilancarkan pada suku pertama tahun 2016 dan akan meliputi insentif yang ditawarkan oleh semua agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dengan tujuan untuk memperluaskannya kepada semua kementerian dan agensi yang mengendalikan insentif pelaburan. Apabila dilancarkan, portal web tersebut boleh dilayari di www.incentives.mida.gov.my.

Rajah di bawah adalah ringkasan bidang fokus utama RMK-11.

Ringkasan Bidang Fokus Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11), 2016-2020



<p>MENTRANSFORMASI SEKTOR PERKHIDMATAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mewujudkan persekitaran yang dinamik untuk perkhidmatan berintensif pengetahuan • Memantapkan tadbir urus secara komprehensif dan bersepadu • Mempertingkatkan pengantarabangsaan dengan membantu syarikat untuk mengeksport perkhidmatan • Memperkukuh pengurusan insentif pelaburan • Mempertingkatkan pertumbuhan subsektor perkhidmatan moden



<p>MEMPERKUKUH SEKTOR PEMBUATAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengeluarkan produk yang lebih kompleks dan pelbagai • Meningkatkan produktiviti melalui automasi • Menggalakkan pertumbuhan berasaskan inovasi • Memperkukuh pemboleh pertumbuhan • Melonjakkan pengantarabangsaan
--



<p>MEMODENKAN SEKTOR PERTANIAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan produktiviti dan pendapatan petani, nelayan dan pekebun kecil • Meningkatkan latihan dan pembangunan agropreneur muda • Memperkukuh sokongan institusi dan khidmat pengembangan • Memperkasa keupayaan koperasi dan pertumbuhan pertanian di sepanjang rantaian bekalan • Menambah baik akses pasaran dan sokongan logistik • Memperluas akses pembiayaan pertanian • Mempertingkatkan program insentif berasaskan prestasi dan pensijilan



<p>MENTRANSFORMASIKAN SEKTOR PEMBINAAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan kandungan pengetahuan • Memacu produktiviti • Memupuk amalan lestari • Meningkatkan pengantarabangsaan firma pembinaan
--



<p>MENINGKATKAN DAYA SAING BANDAR DAN PEMBANGUNAN KORIDOR EKONOMI WILAYAH</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membangunkan pelan induk daya saing khusus bagi empat bandar terpilih • Memperkukuh koridor bagi merencanakan pembangunan wilayah



<p>MEMBANGUNKAN PKS YANG DINAMIK</p> <ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan produktiviti melalui automasi dan inovasi • Memperkukuh pembangunan modal insan dalam kalangan PKS • Mempermudah urusan perniagaan PKS • Meningkatkan permintaan untuk produk dan perkhidmatan PKS
--



<p>MENJANA KEKAYAAN MELALUI INOVASI</p> <p>Inovasi perusahaan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memperkukuh mekanisme tadbir urus • Meningkatkan penyelidikan berasaskan permintaan pasaran • Memperkukuh kerjasama antara industri dengan akademik melalui perantara • Menggalakkan pihak swasta membiayai penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi <p>Inovasi Sosial</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengukuhkan kerjasama melalui pendekatan keseluruhan masyarakat • Membangunkan model pembiayaan sosial • Menggalakkan kemahiran berfikir aras tinggi untuk membangunkan masyarakat yang dinamik
--

Antara Teras Strategik baru yang akan dilaksanakan adalah Teras Strategik VI (Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran) yang merupakan mandat kepada pengukuhan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Mengukuhkan pelaburan di sektor perkilangan dan perkhidmatan

Antara Teras Strategik baru yang akan dilaksanakan adalah Teras Strategik VI (Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran) yang merupakan mandat kepada pengukuhan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Strategi-strategi pelaburan/ penggubalan polisi dalam sektor perkilangan, akan memberi tumpuan kepada Formula 3+2, di mana tiga subsektor pemangkin, iaitu industri kimia, E&E dan M&E; serta dua subsektor dengan pertumbuhan berpotensi tinggi, iaitu industri aeroangkasa dan peralatan perubatan; akan membantu memacu pertumbuhan sektor perkilangan. Subsektor-subsektor 3+2 ini dipilih kerana hubungkait mereka yang kuat dengan subsektor-subsektor lain. Kapasiti industri-industri 3+2 ini secara tidak langsung akan menjadi asas untuk menyokong pembangunan sektor perkilangan secara keseluruhannya.

Strategi MIDA untuk memperkukuh sektor perkilangan

Melangkah ke hadapan, MIDA telah mengenal pasti lima strategi untuk menyokong kelancaran pelaksanaan inisiatif bagi sektor pembuatan.

Strategi #1: Menuju ke arah produk yang kompleks dan pelbagai

Dalam usaha untuk menawarkan insentif kepada syarikat-syarikat perintis dalam subsektor pemangkin untuk menggalakkan

pembangunan produk frontier, senarai produk yang digalakkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan (PIA) 1986 sedang disemak semula untuk memberi tumpuan kepada promosi produk frontier yang dikenalpasti kompleks dan bernilai ditambah tinggi (seperti dalam kajian *The Complexity Analysis of Malaysia's Manufacturing* pada tahun 2014).

Strategi #2: Menjalankan aktiviti penglibatan secara langsung yang berterusan dengan syarikat multinasional dan konglomerat di Malaysia

Ini bertujuan untuk mewujudkan kesedaran mengenai dasar semasa, promosi dan kemudahan bagi menggalakkan kerjasama yang berkesan di antara syarikat multinasional dan syarikat Malaysia melalui program pembangunan vendor/rantainya bekalan.

Strategi # 3: Mengurangkan ketidakpadanan pasaran tenaga kerja Malaysia (Teras III)

MIDA telah menubuhkan Kumpulan Kerja Industri (IWG) dan Kumpulan Kerja Sub Industri untuk menyokong Jawatankuasa Kemahiran Industri (ISC) dan juga untuk mengenal pasti keperluan modal insan khusus untuk 11 sektor ekonomi (iaitu elektrik dan elektronik, kimia dan petrokimia, peralatan perubatan, farmaseutikal, automotif, aeroangkasa, maritim, kandungan maklumat dan infrastruktur, minyak dan gas, dan jentera dan peralatan/ kejuruteraan termaju).

Strategi # 4: Menubuhkan Agensi Pengurusan Penyelidikan (RMA) untuk menguruskan inisiatif-inisiatif di bawah bidang Penyelidikan & Pembangunan dan Pengkomersilan & Inovasi (R&D&C&I)

MIDA akan mengambil bahagian secara aktif dalam RMA tersebut terutamanya dalam menyediakan hala tuju kepada agenda R&D Malaysia untuk bidang fokus yang baru muncul/ digalakkan agar sejajar dengan pendekatan ekosistem secara keseluruhan. MIDA juga akan menyusun semula mekanisme insentif semasa dengan menetapkan kerjasama bersyarat antara penerima insentif/geran dengan Institut Penyelidikan Kerajaan (GRI) dan menambah kriteria yang berkaitan dengan kelulusan insentif R&D.

Strategi #5: Memperkukuhkan pengurusan taman perindustrian dengan mengumumkan insentif Pengurusan Taman Perindustrian semasa Bajet 2015

MIDA telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja bagi Projek Pilot berkaitan dengan pengurusan kawasan perindustrian di empat buah negeri iaitu Johor, Selangor, Melaka dan Perak.

Strategi untuk mentransformasikan sektor perkhidmatan

Bagi sektor perkhidmatan, penggubalan dasar/strategi pelaburan akan melibatkan tiga anjakan strategi iaitu:

- Memperkukuhkan perkhidmatan yang berintensif pengetahuan untuk membangunkan modal insan yang berkemahiran tinggi dan mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi;
- Mengintegrasikan pembaharuan sektor tadbir urus untuk mengurangkan kos pengawalseliaan, meningkatkan daya saing dan menarik pelaburan yang lebih besar; dan
- Meningkatkan pengantarabangsaan pembekal perkhidmatan tempatan untuk meningkatkan keupayaan eksport.

Ketiga-tiga anjakan strategik ini akan disokong oleh lima bidang fokus utama berikut:

- Memupuk persekitaran yang dinamik untuk perkhidmatan yang berintensifkan pengetahuan
 - Bagi mempercepatkan pembangunan modal insan/peningkatan kemahiran dalam sektor perkhidmatan;
- Pelaksanaan pembaharuan tadbir urus yang komprehensif dan bersepadu
 - Untuk menyusun semula fungsi kementerian dan agensi yang berkaitan bagi mengurangkan pertindihan tanggungjawab;
- Meningkatkan taraf pengantarabangsaan pembekal perkhidmatan tempatan
 - Meningkatkan keupayaan pembekal perkhidmatan untuk ke tahap antarabangsa;
- Penambahbaikan kepada pengurusan insentif-insentif pelaburan
 - Penubuhan Pejabat Penyelaras Insentif dan Kerjasama (ICCO) di bawah MIDA pada April 2015 sebagai penyelaras bagi insentif pelaburan, sejajar dengan Blueprint Sektor Perkhidmatan;
- Perluasan perkhidmatan moden
 - Memberi tumpuan kepada subsektor yang mempunyai intensiti pengetahuan yang tinggi, menjana pekerjaan berpendapatan tinggi dan hubungan yang kukuh; serta
 - Memberi tumpuan kepada subsektor perkhidmatan kewangan, ICT, minyak dan gas, penjagaan kesihatan swasta, pendidikan tinggi swasta, pelancongan, industri halal dan perkhidmatan profesional.



Melangkah ke Hadapan

Sebagai agensi pelaburan utama negara, MIDA bertanggungjawab ke atas keseluruhan pelaburan ke Malaysia dan setiap sasaran adalah selari dengan matlamat Program Transformasi Ekonomi (ETP). MIDA memberi tumpuan terhadap usaha menarik pelaburan baharu dan menggalakkan industri sedia ada untuk melabur semula dan beralih kepada produk dan perkhidmatan yang bernilai ditambah lebih tinggi, berasaskan pengetahuan dan berintensifkan modal (termasuk yang mempunyai pengkhususan dalam 12 bidang ekonomi utama Negara (NKEA) serta lain-lain bidang baharu yang mempunyai potensi pertumbuhan).

Sejajar dengan rangka kerja transformasi Kerajaan, MIDA akan terus memainkan peranan penting dalam memastikan terdapat lonjakan ketara dalam aktiviti pelaburan. Pendekatan ekosistem akan terus dibangunkan dan dipertingkatkan bagi mengukuhkan pelaburan sektor pembuatan dan perkhidmatan. MIDA akan memanfaatkan sumber baharu yang lebih kompetitif dan akan memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan modal insan yang dikehendaki oleh setiap pelabur yang berpotensi.

Penggalakan pelaburan akan diteruskan bagi menarik pelaburan berkualiti merangkumi projek yang berteknologi dan bernilai ditambah tinggi; berasaskan pengetahuan dan kemahiran; berorientasikan eksport; berintensifkan modal dan reka bentuk serta R&D.

MIDA juga mengenal pasti projek-projek yang menyumbang kesan PNK yang tinggi dan mempunyai hubungan kukuh dengan industri tempatan. Antara strategi pelaburan baharu oleh MIDA adalah menjadikan Malaysia sebagai hab teknologi tinggi bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan di samping mentransformasikan landskap pelaburan domestik.

Secara keseluruhannya, MIDA telah melaksanakan pendekatan yang lebih fokus dan khusus dalam usaha menarik pelaburan berkualiti semenjak RMK-10. Walaupun terdapat penurunan dalam jumlah keseluruhan projek yang diluluskan, nilai dan kualiti pelaburan telah meningkat secara tidak langsung melalui penjanaaan pekerjaan-pekerjaan bernilai tinggi. Selaras dengan pelaksanaan RMK-11, MIDA perlu memastikan bahawa terdapat

lonjakan ketara dalam aktiviti penggalakan pelaburan dengan mengutamakan pendekatan ekosistem dalam usaha untuk mengukuhkan prestasi pelaburan sektor perkilangan dan perkhidmatan.

MIDA memberi tumpuan terhadap usaha menarik pelaburan baharu dan menggalakkan industri sedia ada untuk melabur semula dan beralih kepada produk dan perkhidmatan yang bernilai ditambah lebih tinggi, berasaskan pengetahuan dan berintensifkan modal.





“*MEMACU
KEUPAYAAN BAGI
PERTUMBUHAN
JANGKA
PANJANG*”



5 PROSPEK PELABURAN



Selaras dengan hasrat Malaysia untuk meningkatkan keupayaan dan mencapai pertumbuhan mampan menerusi pelaksanaan inisiatif seperti RMK-11, Malaysia juga memanfaatkan peluang pasaran yang luas dan kelebihan yang dibawa oleh AEC, RCEP, TPP dan perjanjian perdagangan bebas yang lain.

Penerbitan suku tahunan UNCTAD bertarikh 22 Januari 2016 mengunjurkan aliran FDI global akan menurun pada tahun 2016, kesan dari kerapuhan ekonomi global, ketidakstabilan pasaran kewangan global, agregat permintaan yang lemah dan kelembapan ekonomi bagi pasaran-pasaran baru yang besar. Peningkatan risiko geopolitik dan ketidakstabilan serantau turut memburukkan lagi cabaran-cabaran ekonomi ini.

Pelaburan baharu yang mendatar di peringkat global dan penurunan ketara di beberapa rantau yang sedang membangun menunjukkan pergerakan semasa aliran FDI global yang rapuh dan terdedah kepada ketidaktentuan pasaran M&A rentas sempadan. Walau bagaimanapun, peningkatan dalam persekitaran ekonomi makro (dengan unjuran pertumbuhan global mencapai 2.9 peratus pada tahun 2016 berbanding 2.4 peratus pada tahun 2015) yang disebabkan oleh pemulihan sederhana di negara ekonomi maju dapat

meningkatkan keyakinan dan mendorong pelabur untuk melabur dengan produktif. Di samping itu, penyusutan nilai mata wang yang berterusan dalam pasaran baharu muncul dan penjualan aset bagi penstrukturan semula hutang syarikat juga boleh merangsang pertumbuhan FDI.

Masa Hadapan Malaysia

Tinjauan ekonomi Malaysia mencatatkan peningkatan sejak beberapa tahun kebelakangan ini berikutan trend pertumbuhan yang membolehkan pencapaian *Millennium Development Goals* (MDG) melepasi sasaran. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah negara yang bergantung kepada perdagangan antarabangsa, Malaysia juga mudah terjejas kepada perubahan ekonomi global.

Sebagai sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian struktur ekonomi, Malaysia mampu mengekalkan

pertumbuhan ekonomi yang mampan. Pertumbuhan di negara ini ditentukan oleh permintaan domestik dan didorong oleh permintaan pengguna yang menjadi asas kepada pertumbuhan masa hadapan yang lebih stabil. Sejak dua dekad yang lalu, program-program penstrukturan semula dan pembesaran institusi yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menangani kelemahan dan kerapuhan negara telah banyak membantu membina dan mengukuhkan semula asas ekonomi yang seterusnya mencambahkan pertumbuhan dalam bidang-bidang baharu. Struktur ekonomi Malaysia telah beralih dari sebuah negara yang berorientasikan eksport dengan pergantungan kepada sektor-sektor tertentu ke arah struktur ekonomi yang didorong oleh permintaan dengan kepelbagaian struktur ekonomi, di mana sektor perkilangan dan berkhidmatan juga sedang beralih ke arah aktiviti bernilai ditambah lebih tinggi.

Struktur ekonomi Malaysia masa kini adalah pelbagai dari aspek sumber pertumbuhan. Sementara sektor eksport kekal sebagai komponen penting dalam ekonomi, permintaan domestik juga telah menjadi pemacu pertumbuhan utama yang ditunjangi oleh kekukuhan aktiviti sektor swasta yang menyumbang 70 peratus daripada PNK. Faktor kekukuhan permintaan domestik ini adalah kelestarian perbelanjaan pengguna dan pemulihan aktiviti pelaburan oleh sektor swasta. Selain dari itu, ternyata kepelbagaian eksport dan pasaran juga telah mendorong kedudukanimbangan pembayaran yang baik. Oleh itu, meskipun harga komoditi terus merundum, perdagangan dan akaun semasa Malaysia dijangka akan kekal positif kerana disokong oleh eksport perkilangan dan akaun kewangan yang terselaraskan dengan baik.

Komuniti pelabur perlu memahami bahawa kedudukan ekonomi Malaysia yang kukuh bukan bergantung kepada dasar semasa atau langkah-langkah baharu dalam menangani cabaran luaran semasa. Sebaliknya, penstrukturan semula ekonomi, reformasi kewangan dan aktiviti-aktiviti pembangunan yang dilaksanakan sejak dua dekad lalu telah mengukuhkan kedudukan negara sebagai destinasi pelaburan pilihan. Tambahan pula, aktiviti jangka panjang dan kedudukan ekonomi yang kukuh ini turut mengurangkan impak cabaran ke atas ekonomi negara dalam menghadapi persekitaran ekonomi semasa yang mencabar.

Sedang Malaysia melaksanakan inisiatif-inisiatif jangka sederhana seperti RMK-11 untuk memantapkan keupayaan bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan, Malaysia juga turut memanfaatkan potensi perjanjian perdagangan bebas (FTA) yang baharu dan sedia ada seperti Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC), Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) dan Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau (RCEP). Kini Malaysia komited sepenuhnya dalam penglibatan serantau seperti TPP dan RCEP bagi meningkatkan peluang perdagangan negara, membuka pasaran negara kepada pelabur asing dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Negara ini telah menandatangani TPP serta dalam rundingan aktif bagi RCEP yang bakal direalisasikan tidak lama lagi. Selain itu, FTA ASEAN-Hong Kong juga dijangka bakal dimateri.

Memanfaatkan Asean Untuk Pertumbuhan Ekonomi

Peningkatan ekonomi kelas pertengahan di rantau ASEAN telah menarik perhatian pelabur di peringkat global. Secara kolektif, negara-negara ASEAN merupakan ekonomi ketujuh yang terbesar di dunia dengan populasi penduduk seramai 633 juta. Menerusi pelancaran AEC pada tahun 2015, rantau ini akan mejadi lebih maju dalam mencapai matlamat AEC sebagai sebuah pasaran bersepadu dengan aliran bebas barangan, perkhidmatan, pelaburan, modal dan sumber manusia; yang ternyata merupakan tarikan utama di kalangan pelabur.

Penubuhan AEC bukanlah satu matlamat akhir tetapi satu proses dinamik yang memerlukan rantau ini berevolusi secara berterusan agar kekal relevan, di mana negara-negara anggota ASEAN telah menerima pakai *AEC Blueprint 2025* sebagai panduan integrasi ekonomi ASEAN bagi tahun 2016 hingga 2025. Rangka tindakan ini bermatlamat untuk membangunkan AEC yang mantap menjelang tahun 2025 dengan ciri-ciri – ekonomi yang bersepadu dan kohesif; ASEAN yang berdaya saing, inovatif dan dinamik; mengukuhkan jalinan dan kerjasama sektoral; ASEAN yang berdaya tahan, inklusif dan berorientasikan rakyat; dan akhirnya ASEAN yang global.

Menyedari halangan peraturan yang mungkin dihadapi oleh pelabur untuk memasuki ASEAN, inisiatif seperti *Pathfinder ASEAN* telah dibangunkan bagi menangani masalah-masalah ini. Inisiatif ini bertujuan untuk menyelesaikan isu *non-tariff barriers* (NTB) dan isu operasi lain-lain yang akan menghalang ASEAN mencapai potensi sepenuhnya. Perjanjian Pelaburan Komprehensif ASEAN (ACIA) juga merupakan satu lagi inisiatif yang dijangka akan membantu transformasi ASEAN untuk menjadi sebuah hab pelaburan yang mampu bersaing dengan ekonomi baharu muncul lain dalam menggalakkan pelaburan FDI dan intra-ASEAN.

Kini, ASEAN menyediakan platform yang efektif kepada para pelabur untuk menggunakan dan memaksimumkan rantai nilai. Tahap pembangunan ekonomi ASEAN yang pelbagai serta pengkhususan industri bagi setiap negara memberi ruang

Penubuhan AEC bukanlah satu matlamat akhir tetapi satu proses dinamik yang memerlukan rantau ini berevolusi secara berterusan agar kekal relevan, di mana negara-negara anggota ASEAN telah menerima pakai AEC Blueprint 2025 sebagai panduan integrasi ekonomi ASEAN bagi tahun 2016 hingga 2025. Rangka tindakan ini bermatlamat untuk membangunkan AEC yang mantap menjelang tahun 2025 dengan ciri-ciri – ekonomi



yang bersepadu dan kohesif; ASEAN yang berdaya saing, inovatif dan dinamik; mengukuhkan jalinan dan kerjasama sektoral; ASEAN yang berdaya tahan, inklusif dan berorientasikan rakyat; dan akhirnya ASEAN yang global.

kepada syarikat tempatan dan multinasional untuk saling melengkapi (bekalan bahan mentah dan nilai rantai yang tinggi), termasuk di kalangan negara-negara anggota (tenaga buruh dan sumber semulajadi). Syarikat FDI yang sedang meneroka pasaran serta kecekapan boleh memanfaatkan faktor-faktor ini untuk meningkatkan penglibatan syarikat dalam rantai bekalan serantau.

Kegiatan meneroka negara ASEAN yang lain bagi melengkapi operasi telah mendorong pelabur yang berpangkalan di ASEAN untuk mengembangkan syarikat di negara-negara serantau. Syarikat-syarikat multinasional di ASEAN semakin giat melaksanakan strategi pengeluaran mendatar dan menegak yang melibatkan kepelbagaian operasi perkilangan di beberapa

buah negara ASEAN atas dasar strategik dan ekonomi. Rangkaian pengeluaran di ASEAN dimanfaatkan sebagai sebahagian dari rangkaian nilai serantau syarikat yang melibatkan urusan perniagaan bersepadu dan menghubungkan berbagai fungsi dan operasi (seperti pemasaran, penyelidikan dan pembangunan, perkilangan).

MIDA dan Malaysia akan terus menjalinkan kerjasama dan kolaborasi dengan negara-negara ASEAN melalui aktiviti penggalakan pelaburan, kajian kesesuaian pasaran dan pelaburan serta langkah-langkah khusus untuk meningkatkan akses bagi menempatkan industri yang berpotensi. Inisiatif-inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan peluang perdagangan dan pelaburan di antara negara-negara ASEAN yang bakal menyumbang ke arah pertumbuhan dan pembangunan serantau.

Dalam menilai peluang-peluang di ASEAN, pelabur tidak lagi melihat ASEAN sebagai pasaran kepada 633 juta penduduk tetapi pintu masuk ke pasaran yang terdiri daripada lebih tiga bilion penduduk meliputi pelbagai FTA ASEAN+1 dengan China, Jepun, Republik Korea, India, Australia dan New Zealand.

Dalam menilai peluang-peluang di ASEAN, pelabur tidak lagi melihat ASEAN sebagai pasaran kepada 633 juta penduduk tetapi pintu masuk ke pasaran yang terdiri daripada lebih tiga bilion penduduk meliputi pelbagai FTA ASEAN+1 dengan China, Jepun, Republik Korea, India, Australia dan New Zealand. Selain itu, menerusi komitmen Malaysia dalam penglibatan serantau yang lain seperti TPP, RCEP dan FTA ASEAN-Hong Kong, pelabur boleh memanfaatkan peluang-peluang ini untuk pertumbuhan perniagaan yang lebih mampan.

Memanfaatkan TPP untuk kelebihan daya saing

Pada awal Oktober 2015, 12 negara yang terlibat dalam Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) iaitu Australia, Brunei Darussalam, Kanada, Chile, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Peru, Singapura, Amerika Syarikat dan Vietnam; telah mengumumkan keputusan rundingan. Malaysia memperolehi banyak manfaat untuk meningkatkan kepentingan negara di bawah TPP. Pengeksport di Malaysia akan mendapat kelebihan daya saing berbanding pesaing-pesaing serantau bagi mengeksport barangan elektrik dan elektronik, kimia, minyak sawit, getah, kayu, tekstil serta komponen dan alat ganti automotif.

TPP juga menawarkan akses berkeutamaan bagi produk dan perkhidmatan dari Malaysia ke empat pasaran FTA 'baharu' iaitu Amerika Syarikat, Kanada, Mexico, dan Peru. Menjelang pelaksanaan TPP, Malaysia bakal menyaksikan pemansuhan duti import bagi hampir 90 peratus dari keluarannya di Amerika

Syarikat; hampir 95 peratus di Kanada; hampir 77 peratus di Mexico dan hampir 81 peratus di Peru. Di samping itu, FTA ASEAN-Jepun akan menawarkan akses berkeutamaan kepada keluaran papan lapis dari Malaysia memandangkan produk itu tidak termasuk dalam *Malaysia-Japan Economic Partnership Agreement (FTA)*.

Peraturan tempasal yang membenarkan pengumpulan input dari semua pihak TPP akan memudahkan produk dari Malaysia untuk layak mendapat duti berkeutamaan. Ini juga akan memberi peluang yang lebih besar kepada pengeluar komponen dan alat ganti Malaysia untuk membuat penawaran di rangkaian nilai serantau yang tinggi dalam peraturan tempasal bagi kenderaan automotif serta komponen dan alat ganti akan menggalakkan lagi pengeluar produk automotif untuk mengalihkan penyumberan komponen dan alat ganti dari negara-negara luar TPP ke penyumberan Malaysia.

Apabila perjanjian ini berkuat kuasa, Malaysia akan menghapuskan duti-duti import sehingga kira-kira 85 peratus ke atas keluaran yang diimport dari negara-negara TPP. Pengguna di Malaysia dijangka akan menikmati pilihan yang lebih luas melibatkan keluaran yang lebih berkualiti dari negara-negara TPP pada harga yang kompetitif. TPP juga dijangka akan meningkatkan ketelusan dan amalan kawal selia yang baik di peringkat dalaman dan di kalangan negara-negara TPP menerusi penyelarasan dan pertukaran maklumat yang lebih baik.

Sementara AEC merupakan persetujuan bersama di kalangan anggota ASEAN tanpa ikatan undang-undang, TPP pula adalah perjanjian di antara 12 anggota TPP yang terikat dengan undang-undang. Namun, kedua-duanya mempunyai matlamat yang sama bagi meraih akses pasaran. AEC dan TPP akan dimanfaatkan sebagai insentif untuk menarik pelaburan ke Malaysia. Empat negara ASEAN iaitu Brunei, Malaysia, Singapura dan Vietnam yang merupakan anggota TPP akan menawarkan akses yang lebih luas kepada ASEAN. Sementara negara-negara lain yang tidak menganggotai TPP pula akan berupaya memasuki pasaran TPP dan memperoleh akses kepada pelaburan yang berpotensi.

Tarikan Malaysia Sebagai Destinasi Pelaburan Yang Ideal

Memandangkan peranan Malaysia di kalangan kuasa ekonomi di dalam AEC yang pantas bergerak dan pelbagai peluang yang boleh diraih di Malaysia apabila TPP dimuktamadkan kelak, syarikat-syarikat MNC seharusnya mempertimbangkan Malaysia sebagai lokasi pelaburan yang berpotensi.

Dasar pro-perniagaan oleh Kerajaan Malaysia, keseimbangan di antara kos dan faedah, sistem pengangkutan bertaraf dunia, infrastruktur komunikasi dan perkhidmatan kewangan serta sumber tenaga kerja yang berbakat dan mampu bertutur pelbagai bahasa, di mana kos faktor-faktor ini secara relatifnya adalah lebih rendah berbanding negara jiran, menjadikan Malaysia sebagai

KESAN TPPA TERHADAP KEPENTINGAN MALAYSIA

Malaysia telah menandatangani Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) di antara 12 negara pada 4 Februari 2016. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan dasar perdagangan terbuka, penyertaan Malaysia dalam TPPA adalah selaras dengan hasrat negara untuk terus meningkatkan daya saing dalam pasaran serantau dan global.

Susunan tempoh lima tahun rundingan, rundingan TPP pusingan terakhir telah diadakan di Atlanta, USA dari 30 September - 5 Oktober 2015. Lanjutan dari itu, pada 5 November 2015, dokumen lengkap TPPA sebanyak 30 bab telah diumumkan kepada pihak awam yang merangkumi 595 helai teks perjanjian, 5,755 helai lampiran jadual akses pasaran ke 12 negara TPPA, peraturan tempasal; dan 20 surat sampungan persetujuan dua hala.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah memainkan peranan dalam mengetuai kajian kos-faedah (*cost-benefit*) ke atas kesan TPP yang diterajui oleh Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), dan Pricewaterhouse Coopers (PwC). MITI juga turut menjalankan siri jelajah dan melaksanakan penyampaian maklumat melalui pelbagai platform untuk menyebarkan maklumat dan pengetahuan mengenai TPPA.

Di bawah keperluan TPPA, Malaysia akan membuat 26 pindaan ke atas 17 undang-

undang, terutamanya yang berkaitan dengan peraturan buruh dan hak harta intelek. Walau bagaimanapun, ini tidak akan memberi kesan kepada Perlembagaan Persekutuan atau dasar-dasar negara, terutamanya yang berkaitan dengan Hak Bumiputera.

Penyertaan dalam TPPA tidak bermakna bahawa Malaysia akan meminggirkan China, ASEAN atau negara-negara Islam lain, termasuk *World Trade Organization (WTO)*. Malaysia masih percaya bahawa WTO adalah satu platform penting untuk meningkatkan hubungan perdagangan antara negara-negara di dunia. Tambahan pula, perunding telah berjaya melindungi pelaksanaan dasar Bumiputera dalam bab perolehan, SOE dan siling pelaburan dan perkhidmatan, hal ehwal negeri, dan pensijilan Halal. Pengimportan dan pengedaran beras di Malaysia juga tidak tertakluk kepada TPPA.

Malaysia dan Vietnam boleh terus mengenakan cukai-cukai eksport di bawah TPPA. Di samping itu, kerajaan akan terus melaksanakan peraturan penapisan Internet untuk bahan-bahan yang bercanggah dengan nilai-nilai moral dan agama rakyat. Kerajaan juga mempunyai hak untuk menguruskan aliran modal yang tidak menentu sekiranya berlaku krisis kewangan atau ancaman krisis. Dengan hak-hak Malaysia yang banyak dikekalkan, TPPA tidak bersifat menindas atau berat sebelah.

satu lokasi cadangan pelabur yang ideal.

Inisiatif-inisiatif baharu seperti Insentif Hab Prinsipal juga bakal mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pusat operasi global untuk syarikat MNC. Insentif yang membolehkan kerjasama ekonomi di bawah *ASEAN Trade in Goods Agreement (ATIGA)* dan *ASEAN Framework Agreement on Services* ini, akan menawarkan kelebihan kepada syarikat-syarikat MNC.

Memperkasa pertumbuhan mampan

Melangkah ke hadapan, sebagai agensi setempat bagi pelaburan ke Malaysia, MIDA akan terus memainkan peranan penting dalam memacu penggalakan pelaburan dan membawa satu lonjakan yang signifikan untuk Malaysia. MIDA akan mengukuhkan peranan sebagai pusat yang menyelaras fungsi, tanggungjawab dan insentif merentasi pelbagai agensi.

Bagi meningkatkan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan untuk pertumbuhan yang mampan, MIDA akan terus memperkasa ekosistem yang berkaitan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti penggalakan pelaburan yang lebih strategik dan komprehensif. Strategi seterusnya adalah untuk memanfaatkan kelebihan sumber baharu yang kompetitif dan memainkan peranan yang kukuh dalam menghubungkan keperluan modal insan kepada pelabur-pelabur berpotensi.

Melangkah ke hadapan, MIDA akan terus menggalakkan projek-projek pelaburan berkualiti yang berorientasikan teknologi tinggi, bernilai ditambah tinggi, berintensifkan pengetahuan dan kemahiran; dan berorientasikan eksport. MIDA turut menggalakkan projek yang berintensifkan modal, reka bentuk dan R&D yang menyumbang kepada PNK yang tinggi dan industri domestik.

Kerajaan Malaysia akan terus memperkenalkan pelbagai langkah untuk meningkatkan keupayaan Malaysia dalam menghadapi peluang dan cabaran dari dalam dan luar negeri, termasuk AEC, TPP dan RCEP. Malaysia akan menyelaras dasar pelaburan, pemangkin, insentif fiskal dan bukan fiskal serta meneruskan kolaborasi dengan pelbagai pihak berkepentingan bagi menarik pelabur dalam semua sektor ekonomi. Fokus juga akan lebih tertumpu untuk menarik projek pelaburan yang berkualiti, tanpa mengabaikan kepentingan kuantiti pelaburan.

Buat masa ini, MIDA akan terus menggalakkan projek-projek pelaburan berkualiti yang berorientasikan teknologi tinggi, bernilai ditambah tinggi, berintensifkan pengetahuan dan kemahiran; dan berorientasikan eksport. MIDA turut menggalakkan projek yang berintensifkan modal, reka bentuk dan R&D yang menyumbang kepada PNK yang tinggi dan industri domestik. MIDA juga akan memanfaatkan strategi-strategi di bawah RMK-11 untuk memacu momentum pertumbuhan.

Susulan pelaksanaan AEC, perumusan TPPA dan FTA yang akan dimuktamadkan seperti RCEP, pelabur boleh memanfaatkan peluang akses pasaran produk Malaysia yang

bebas cukai atau bercukai rendah. MIDA juga bersedia untuk menggalakkan pelaburan ke Malaysia dengan memastikan persekitaran perniagaan yang kondusif untuk pelaburan. Dasar pro-perniagaan yang kukuh oleh Kerajaan Malaysia juga akan memastikan kelancaran pelaksanaan projek-projek ini.

Dengan asas yang kukuh, kedudukan yang strategik dalam perkembangan AEC, peluang untuk memanfaatkan FTA sedia ada/akan datang serta penglibatan aktif MIDA dan Kerajaan Malaysia dalam aktiviti pelaburan, Malaysia akan terus kekal sebagai pesaing terulung lokasi pelaburan.



LAMPIRAN

Lampiran 1 : Projek Perkilangan Diluluskan, 2015 dan 2014

	2015			2014		
	Baru	Pembesaran/ Pelbagaian	Jumlah	Baru	Pembesaran/ Pelbagaian	Jumlah
Bilangan	384	296	680	450	361	811
Peluang Pekerjaan	37,233	29,261	66,494	44,926	33,417	78,343
Jumlah Modal Pelaburan (RM juta)	60,239.4	14,453.7	74,693.1	43,468.6	28,384.0	71,852.7
- Domestik (RM juta)	48,597.2	4,154.2	52,751.4	23,929.7	8,330.2	32,260.0
- Asing (RM juta)	11,642.1	10,299.5	21,941.6	19,538.9	20,053.8	39,592.7

Lampiran 2: Projek Perkilangan Baharu Yang Diluluskan Mengikut Saiz Modal pelaburan, 2015 dan 2014

Saiz Modal Pelaburan	2015						2014					
	Bil.	Pekerjaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Pekerjaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)		
Kurang Daripada RM2.5 juta	36	794	50.8	5.5	56.3	48	1,467	61.5	7.3	68.9		
RM2.5 juta - < RM5.0 juta	42	1,362	112.1	50.2	162.3	62	2,772	186.6	42.0	228.6		
RM5.0 juta - < RM10.0 juta	96	5,132	549.5	152.4	701.9	110	7,286	670.9	139.0	809.8		
RM10.0 juta - < RM50.0 juta	151	12,498	2,324.5	1,048.8	3,373.4	158	14,029	2,407.3	955.7	3,363.1		
RM50.0 juta - < RM100.0 juta	23	2,894	854.1	691.2	1,545.3	27	3,660	761.0	1,063.4	1,824.4		
RM100.0 juta - < RM500.0 juta	23	4,734	1,682.4	3,552.3	5,234.7	32	6,109	3,569.5	4,329.2	7,898.7		
RM500.0 juta - < RM1.0 bilion	8	6,527	1,649.3	3,578.2	5,227.5	3	887	936.1	1,058.1	1,994.2		
RM1.0 bilion dan ke Atas	5	3,292	41,374.5	2,563.4	43,937.9	10	8,716	15,336.9	11,944.1	27,281.0		
JUMLAH	384	37,233	48,597.2	11,642.1	60,239.4	450	44,926	23,929.7	19,538.9	43,468.6		

Lampiran 3: Projek Perkilangan yang Diluluskan Mengikut Industri, 2015 dan 2014

Industri	2015					2014				
	Bil.	Pekerjaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Pekerjaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)
Produk Petroleum (Termasuk Petrokimia)	12	1,861	25,112.9	1,862.4	26,975.3	19	1,581	11,255.3	4,726.5	15,981.8
Gas Asli	1	128	10,410.6	-	10,410.6
Produk Elektrikal & Elektronik	93	22,599	722.1	8,203.6	8,925.8	96	16,700	724.6	10,422.6	11,147.2
Kelengkapan Pengangkutan	55	2,696	6,002.3	506.6	6,508.9	56	6,873	3,747.8	1,867.7	5,615.5
Produk Mineral Bukan Logam	25	3,317	1,405.3	2,301.2	3,706.5	30	2,711	2,149.4	1,299.5	3,448.9
Produk Logam Asas	28	3,628	929.9	2,679.8	3,609.7	33	7,133	1,974.9	7,969.1	9,944.0
Pengilangan Makanan	51	2,930	2,057.4	590.5	2,647.9	67	4,788	1,299.2	1,547.9	2,847.1
Produk Logam Fabrikasi	77	4,526	1,639.2	966.7	2,605.9	101	5,156	1,420.6	793.7	2,214.2
Kimia & Produk Kimia	50	2,009	1,086.5	1,195.8	2,282.4	83	4,709	3,046.5	7,704.2	10,750.8
Jentera & Kelengkapan	97	4,428	964.0	838.5	1,802.4	98	4,568	1,758.3	720.6	2,478.9
Produk Getah	22	6,893	382.1	956.1	1,338.2	19	3,579	1,381.1	289.4	1,670.5
Kertas, Percetakan & Penerbitan	16	1,065	149.1	813.7	962.8	17	2,144	348.5	555.8	904.3
Produk Plastik	43	3,863	659.8	251.1	911.0	51	4,278	755.2	129.2	884.4
Alat-alat Sains & Pengukuran	25	1,681	337.7	508.4	846.0	38	5,475	1,058.3	754.1	1,812.4
Kayu & Produk Kayu	52	2,520	592.8	221.8	814.6	47	2,510	295.4	52.3	347.8
Minuman & Tembaku	3	423	107.9	6.6	114.4	8	1,007	161.1	65.3	226.5
Perabot & Kelengkapan	18	748	61.4	25.9	87.4	19	1,714	223.3	12.4	235.8
Tekstil & Produk Tekstil	4	219	17.9	7.4	25.3	17	2,260	597.5	635.7	1,233.2
Kulit & Produk Kulit	1	74	9.7	-	9.7	2	194	21.4	0.5	21.9
Peibagai	7	886	102.6	5.6	108.2	10	963	41.4	46.1	87.5
JUMLAH	680	66,494	52,751.4	21,941.6	74,693.1	811	78,343	32,260.0	39,592.7	71,852.7

Lampiran 4: Projek Perkilangan yang Diluluskan dengan Pelaburan RM100 juta dan ke atas, 2015

Industri	Baru				Pembesaran/Pelabangan				Jumlah						
	Bil.	Pekerjaan	Pelaburan Domesifik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Pekerjaan	Pelaburan Domesifik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Pekerjaan	Pelaburan Domesifik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)
Produk Petroleum (Termasuk Petrokimia)	8	1,736	24,947.7	1,637.9	26,585.6	1	24	139.2	208.9	348.1	9	1,760	25,086.9	1,846.8	26,933.7
Gas Asli	1	128	10,410.6	-	10,410.6						1	128	10,410.6	-	10,410.6
Produk Elektrikal & Elektronik	4	2,994	19.3	1,637.0	1,656.3	10	14,321	180.9	5,979.9	6,160.7	14	17,315	200.2	7,616.9	7,817.1
Kelengkapan Pengangkutan	3	403	5,259.9	-	5,259.9	2	154	38.4	214.7	253.2	5	557	5,298.3	214.7	5,513.1
Produk Mineral Bukan Logam	5	1,422	1,129.0	1,422.9	2,551.9	1	271	-	718.0	718.0	6	1,693	1,129.0	2,140.9	3,269.9
Produk Logam Asas	1	1,545	134.0	2,546.7	2,680.7	3	429	374.0	98.8	472.8	4	1,974	508.0	2,645.5	3,153.5
Pengilangan Makanan	1	350	1,289.8	16.7	1,306.5	2	49	69.3	205.0	274.3	3	399	1,359.1	221.7	1,580.8
Kimia & Produk Kimia	3	270	408.8	848.8	1,257.7	2	33	258.4		258.4	5	303	667.2	848.8	1,516.0
Produk Logam Fabrikasi	2	247	607.9	-	607.9	3	220	158.9	626.2	785.1	5	467	766.9	626.2	1,393.0
Produk Getah	1	4,230	-	924.0	924.0	1	893	146.0	-	146.0	2	5,123	146.0	924.0	1,070.0
Kertas, Percetakan & Penerbitan	1	62	-	113.9	113.9	1	30	-	613.5	613.5	2	92	-	727.4	727.4
Jentera & Kelengkapan	3	665	262.5	379.6	642.1						3	665	262.5	379.6	642.1
Alat-alat Sains & Pengukuran	2	342	83.4	166.4	249.8	1	128	-	249.8	249.8	3	470	83.4	416.2	499.6
Produk Plastik						1	40	155.4	8.2	163.6	1	40	155.4	8.2	163.6
Kayu & Produk Kayu	1	159	153.2	-	153.2						1	159	153.2	-	153.2
JUMLAH	36	14,553	44,706.2	9,693.9	54,400.2	28	16,592	1,520.5	8,923.1	10,443.6	64	31,145	46,226.8	18,617.0	64,843.7

Lampiran 5: Projek Perkilangan Baharu dan Pembesaran/Pelabagaan yang Diluluskan Mengikut Industri, 2015 dan 2014

Industri	2015						2014					
	Baru		Pembesaran/ Pelabagaan		Jumlah		Baru		Pembesaran/ Pelabagaan		Jumlah	
	Bil.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Jumlah Pelaburan (RM juta)
Produk Petroleum (Termasuk Petrokimia)	10	26,613.7	2	361.6	12	26,975.3	10	15,288.0	9	693.8	19	15,981.8
Gas Asli	1	10,410.6	.	.	1	10,410.6
Produk Elektrikal & Elektronik	26	2,156.2	67	6,769.5	93	8,925.8	29	2,426.3	67	8,720.9	96	11,147.2
Kelengkapan Pengangkutan	16	5,632.1	39	876.9	55	6,508.9	31	4,871.3	25	744.2	56	5,615.5
Produk Mineral Bukan Logam	18	2,927.0	7	779.4	25	3,706.5	18	2,499.9	12	949.0	30	3,448.9
Produk Logam Asas	15	3,029.0	13	580.6	28	3,609.7	21	6,554.3	12	3,389.7	33	9,944.0
Pengilangan Makanan	34	1,926.7	17	721.2	51	2,647.9	42	1,201.2	25	1,646.0	67	2,847.1
Produk Logam Fabrikasi	51	1,293.1	26	1,312.8	77	2,605.9	57	1,301.9	44	912.4	101	2,214.2
Kimia & Produk Kimia	24	1,562.4	26	720.0	50	2,282.4	49	4,682.5	34	6,068.2	83	10,750.8
Jentera & Kelengkapan	58	1,383.6	39	418.8	97	1,802.4	58	970.7	40	1,508.2	98	2,478.9
Produk Getah	13	1,073.2	9	265.0	22	1,338.2	10	1,162.7	9	507.8	19	1,670.5
Kertas, Percetakan & Penerbitan	14	317.1	2	645.7	16	962.8	8	198.2	9	706.1	17	904.3
Produk Plastik	31	570.9	12	340.1	43	911.0	36	628.0	15	256.5	51	884.4
Alat-alat Sains & Pengukuran	13	494.9	12	351.1	25	846.0	14	1,137.4	24	675.0	38	1,812.4
Kayu & Produk Kayu	38	569.4	14	245.2	52	814.6	32	209.2	15	138.6	47	347.8
Minuman & Tembaku	2	78.7	1	35.8	3	114.4	6	85.9	2	140.6	8	226.5
Perabot & Kelengkapan	12	71.6	6	15.8	18	87.4	14	135.2	5	100.5	19	235.8
Tekstil & Produk Tekstil	2	16.1	2	9.2	4	25.3	6	33.6	11	1,199.6	17	1,233.2
Kulit & Produk Kulit	1	9.7	.	.	1	9.7	1	18.5	1	3.4	2	21.9
Pelbagai	5	103.2	2	5.0	7	108.2	8	63.9	2	23.6	10	87.5
JUMLAH	384	60,239.4	296	14,453.7	680	74,693.1	450	43,468.6	361	28,384.0	811	71,852.7

Lampiran 6: Projek Perkilangan yang Diluluskan dengan Hakmilik Majoriti Rakyat Malaysia* Mengikut Industri, 2015 dan 2014

Industri	2015						2014					
	Baru		Pembesaran/ Pelaburan		Jumlah		Baru		Pembesaran/ Pelaburan		Jumlah	
	Bil.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Jumlah Pelaburan (RM juta)
Produk Petroleum (Termasuk Petrokimia)	3	24,926.1	.	.	3	24,926.1	8	14,957.8	3	39.0	11	14,996.8
Gas Asli	1	10,410.6	.	.	1	10,410.6
Kelengkapan Pengangkutan	11	5,463.0	32	540.0	43	6,003.0	24	3,979.9	17	570.5	41	4,550.4
Pengilangan Makanan	25	1,723.7	8	272.9	33	1,996.6	33	707.3	13	637.1	46	1,344.4
Produk Logam Fabrikasi	36	1,070.7	14	429.5	50	1,500.2	47	1,042.0	35	524.8	82	1,566.8
Produk Mineral Bukan Logam	12	1,389.4	2	19.9	14	1,409.3	11	1,358.5	7	753.3	18	2,111.9
Jentera & Kelengkapan	44	783.2	21	226.0	65	1,009.3	48	422.9	32	1,423.7	80	1,846.6
Kimia & Produk Kimia	17	436.0	17	540.4	34	976.4	34	3,123.7	18	390.3	52	3,514.0
Produk Elektrikal & Elektronik	14	280.6	28	572.1	42	852.7	14	200.4	20	584.2	34	784.5
Produk Logam Asas	13	319.3	11	472.1	24	791.4	11	149.1	9	770.0	20	919.2
Produk Plastik	23	382.5	6	295.1	29	677.5	30	538.2	12	226.2	42	764.3
Kayu & Produk Kayu	28	390.2	12	208.2	40	598.4	28	176.9	14	123.8	42	300.7
Produk Getah	11	126.4	5	263.0	16	389.5	10	1,162.7	7	246.2	17	1,408.9
Alat-alat Sains & Pengukuran	10	315.1	7	70.6	17	385.7	10	774.3	14	410.6	24	1,184.9
Kertas, Peretakan & Penerbitan	9	118.5	1	32.2	10	150.7	8	198.2	7	194.4	15	392.6
Minuman & Tembaku	2	78.7	1	35.8	3	114.4	6	85.9	1	33.5	7	119.4
Perabot & Kelengkapan	10	47.1	6	15.8	16	62.9	13	128.1	4	100.5	17	228.6
Tekstil & Produk Tekstil	2	16.1	1	1.8	3	17.9	6	33.6	6	695.4	12	729.0
Kulit & Produk Kulit	1	9.7	.	.	1	9.7	1	18.5	1	3.4	2	21.9
Pelbagai	4	100.6	2	5.0	6	105.7	7	41.4	.	.	7	41.4
JUMLAH	276	48,387.6	174	4,000.4	450	52,388.1	349	29,099.5	220	7,726.7	569	36,826.2

* Projek-projek dengan ekuiti dimiliki oleh rakyat Malaysia melebihi 50 peratus.

Lampiran 7 : Projek yang Diluluskan bagi Industri Sokongan Kejuruteraan Mengikut Sub-sektor, 2015

Sub-sektor	Baru				Pembesaran/Pelbagaian				Jumlah						
	Bil.	Pekerjaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Pekerjaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Pekerjaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)
Acuan, Alatan & Dai	10	406	84.1	61.3	145.3	2	68	19.4	.	19.4	12	474	103.5	61.3	164.8
Pemesinan	11	579	65.8	63.4	129.2	10	313	124.7	25.8	150.5	21	892	190.5	89.2	279.7
Hentakan Logam	1	76	6.5	-	6.5	-	-	.	.	.	1	76	6.5	-	6.5
Tuangan Logam	1	181	13.8	-	13.8	3	552	189.9	14.4	204.3	4	733	203.7	14.4	218.1
Kejuruteraan Permukaan	5	221	7.4	57.8	65.3	1	92	-	12.8	12.8	6	313	7.4	70.6	78.0
JUMLAH	28	1,463	177.6	182.5	360.1	16	1,025	334.0	53.0	387.0	44	2,488	511.6	235.5	747.1

Lampiran 8: Projek yang Diluluskan bagi Industri Elektrikal & Elektronik Mengikut Subsektor, 2015

Sub-sektor	Baru				Pembesaran/Pelbagaian				Jumlah					
	Bil.	Pelaburan Tempatan (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)
Elektronik Pengguna	2	432	94.7	94.7	1	62	-	7.0	7.0	3	494	-	101.7	101.7
Komponen Elektronik	7	848	134.5	4.3	21	11,028	94.2	3,814.2	3,908.4	28	11,876	228.6	3,818.6	4,047.2
Elektronik Perindustrian	4	515	45.2	71.5	12	3,466	30.3	1,542.6	1,572.9	16	3,981	75.5	1,614.1	1,689.6
Produk Elektrikal	-	-	-	-	12	867	36.6	-	36.6	12	867	36.6	-	36.6
Elektrikal Perindustrian	5	633	64.7	97.4	9	298	48.0	97.2	145.1	14	931	112.6	194.5	307.2
Komponen Elektrikal	8	2,993	59.5	1,584.4	12	1,457	209.3	890.2	1,099.6	20	4,450	268.8	2,474.7	2,743.5
JUMLAH	26	5,421	303.8	1,852.4	67	17,178	418.3	6,351.3	6,769.5	93	22,599	722.1	8,203.6	8,925.8

Lampiran 9: Projek Perkilangan yang Diluluskan dengan Penyertaan Asing Mengikut Sumber, 2015 dan 2014

Negara	2015		2014	
	Bil.	Pelaburan Asing (RM juta)	Bil.	Pelaburan Asing (RM juta)
Amerika Syarikat	19	4,150.2	23	1,350.1
Jepun	60	4,009.3	55	10,869.9
Hong Kong	9	3,180.9	5	70.4
China	17	1,872.0	24	4,751.7
Singapura	87	1,394.8	121	7,821.7
Republik Korea	22	1,353.4	11	1,549.0
Taiwan	24	1,275.5	30	692.1
Jerman	22	1,160.8	13	4,416.8
Netherlands	9	976.5	11	816.4
Sweden	2	630.8	.	.
Emiriah Arab Bersatu	3	320.6	3	767.3
Australia	6	255.1	10	213.0
British Virgin Islands	7	244.5	6	295.3
Switzerland	5	186.9	12	565.1
United Kingdom	11	146.9	8	393.1
Mexico	1	135.8	.	.
Itali	3	120.8	1	1,060.8
Norway	2	74.9	1	27.0
Mesir	1	58.1	.	.
Lain-lain	48	394.1	82	3,932.8
JUMLAH	358	21,941.6	416	39,592.7

Lampiran 10: Projek Perkilangan Diluluskan Mengikut Negeri, 2015 dan 2014

Negeri	2015						2014					
	Baru		Pembesaran/ Pelaburan		Jumlah		Baru		Pembesaran/ Pelaburan		Jumlah	
	Bil.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Jumlah Pelaburan (RM juta)
Johor D.T.	73	29,552.5	64	1,549.8	137	31,102.3	102	17,931.9	77	3,244.4	179	21,176.4
Sarawak	11	11,701.6	11	115.3	22	11,816.9	8	1,839.4	10	7,800.6	18	9,640.0
Selangor D.E.	140	3,376.0	82	4,587.8	222	7,963.8	145	3,744.0	84	3,298.3	229	7,042.3
Melaka	11	5,621.8	17	1,237.2	28	6,859.0	13	3,867.7	15	651.9	28	4,519.6
Pulau Pinang	59	2,816.5	48	3,907.9	107	6,724.3	74	2,609.4	95	5,553.0	169	8,162.4
Perak D.R.	21	3,029.9	11	857.5	32	3,887.4	11	702.6	15	1,005.4	26	1,708.0
Negeri Sembilan D.K.	17	1,040.9	18	668.5	35	1,709.4	24	1,882.4	17	1,212.5	41	3,094.9
Terengganu D.I.	7	1,363.1	4	37.0	11	1,400.1	9	1,455.6	4	112.5	13	1,568.0
Kedah D.A.	19	365.1	30	991.4	49	1,356.6	22	961.2	28	4,324.1	50	5,285.2
Pahang D.M.	13	723.9	4	437.4	17	1,161.3	12	4,413.5	6	786.9	18	5,200.4
Kelantan D.N.	5	353.4	1	0.3	6	353.7	6	1,240.8	1	2.0	7	1,242.8
Sabah	6	290.6	4	57.6	10	348.2	17	2,539.0	6	378.7	23	2,917.7
W.P. - Kuala Lumpur	2	4.1	.	.	2	4.1	5	42.1	1	6.9	6	49.0
Perlis I.K.	.	.	1	3.1	1	3.1	1	210.0	1	2.9	2	212.9
W.P. - Labuan	.	.	1	2.9	1	2.9	1	29.1	1	4.0	2	33.1
JUMLAH	384	60,239.4	296	14,453.7	680	74,693.1	450	43,468.6	361	28,384.0	811	71,852.7

Lampiran 11 : Pelaburan yang Diluluskan dalam Pelbagai Sektor Perkhidmatan, 2015 dan 2014

Sub-Sektor	Bilangan		Peluang Pekerjaan		Jumlah Pelaburan (RM juta)	
	2015	2014	2015	2014	2015	2014
Hartanah	911	1,321	NA	NA	26,895.1	88,558.9
Pengangkutan	56	79	513	2,211	15,713.6	6,257.4
Perkhidmatan Kewangan	48	50	140	124	15,371.4	6,871.0
Utiliti	NA	NA	7	122	11,706.6	9,046.1
Pertubuhan Global	224	234	4,217	3,099	8,222.2	5,600.6
Perdagangan Edaran	1,317	1,867	72,349	55,375	6,812.1	8,690.8
Hotel & Pelancongan	118	118	7,242	8,914	5,412.6	6,689.8
Status MSC	249	230	12,853	14,480	4,569.7	2,963.8
Perkhidmatan Sokongan	251	158	2,605	6,752	3,680.8	5,258.7
Perkhidmatan Kesihatan	26	22	6,765	2,230	3,679.0	2,284.9
Telekomunikasi*	309	627	NA	NA	2,926.0	8,153.3
Bionex Status & Perisian	28	22	1,711	1,112	1,713.7	1,426.9
Perkhidmatan Pendidikan	613	468	3,792	4,432	1,533.7	1,636.6
JUMLAH	4,150	5,196	112,194	98,851	108,236.6	153,438.8

Nota NA: Tiada data

* : Data bagi telekomunikasi adalah setakat Januari-Jun

Lampiran 12: Pelaburan yang Diluluskan di dalam Sektor Primer, 2015 dan 2014

Sektor Utama	Bilangan		Peluang Pekerjaan		Jumlah Pelaburan (RM juta)	
	2015	2014	2015	2014	2015	2014
Perlombongan	26	36	156	288	2,813.2	13,450.8
Perladangan & Komoditi	4	7	471	317	712.2	724.2
Pertanian	27	29	929	874	261.2	250.5
JUMLAH	57	72	1,556	1,479	3,786.6	14,425.5

MIDA SENTRAL

No 5, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: (603) 2267 3633

Fax: (603) 2274 7970

E-mail: investmalaysia@mida.gov.my

www.mida.gov.my